

[Senarai nama Ahli Parlimen dilampirkan]
[Kandungan dilampirkan pada muka surat terakhir]

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 26 Julai 1999

Mesyuarat dimulakan pada 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini, iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia baginda telah memperkenalkan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999;
2. Akta Perbekalan Tambahan (1998 dan 1999) 1999;
3. Akta Bank Pertanian Malaysia (Pindaan) 1998 ;
4. Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1998;
5. Lembaga Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1998;
6. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1999;
7. Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan) 1999;
8. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan) 1999;
9. Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1999;
10. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1999;

11. Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah (Pindaan) 1999;
12. Akta Kastam (Pindaan) 1999;
13. Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1999;
14. Akta Eksais (Pindaan) 1999;
15. Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1999;
16. Akta Penyemakan Undang-undang (Pindaan) 1999; dan
17. Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 1999.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

“22 Julai 1999.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999;
2. Rang Undang-undang Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999
3. Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999;
4. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Buruh India Selatan (Pembubaran) 1999; dan

5. Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”.

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. Puan Faridah binti Abu Hassan minta Perdana Menteri menyatakan dengan bermula perpindahan Jabatan Perdana Menteri ke Putrajaya, sila senaraikan secara ringkas kementerian dan jabatan kerajaan yang akan turut berpindah dan bilakah semua perpindahan ini dijangka selesai dan apakah berlaku kepada ruang-ruang pejabat kerajaan di Wilayah Persekutuan yang dikosongkan itu.

Dato’ Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kementerian dan jabatan kerajaan telah pun berpindah ke Pusat Pentadbiran Persekutuan Putrajaya secara berperingkat-peringkat. Jabatan Perdana Menteri yang terdiri daripada Pejabat Perdana Menteri, Pejabat Timbalan Perdana Menteri, Pejabat Menteri-menteri di Jabatan Perdana Menteri, Pejabat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Pejabat Setiausaha Negara, Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan antara Kerajaan, Pejabat Penasihat Sains dan Unit Teknologi Khas, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Bahagian Keselamatan Negara

dan Lembaga Penasihat. Semua ini telah berpindah ke Parcel A mulai bulan Jun hingga Julai 1999.

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Bahagian Penyelidikan, Bahagian Pengurusan Hartanah, Unit Pemodenan Tadbiran Awam (MAMPU), Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Lembah Kelang, Bahagian Istiadat dan Persidangan Antarabangsa, Biro Tatanegara, Biro Pengaduan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan dan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang. Semua ini akan berpindah ke Parcel B mulai bulan Julai hingga Oktober 1999.

Jabatan Perangkaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Tribunal Perkhidmatan Awam. Semua ini akan berpindah ke Parcel C pada akhir tahun 2000.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Badan Pencegah Rasuah, Jabatan Audit Negara, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pengangkutan. Semua ini akan berpindah ke Parcel D pada akhir tahun 2000.

Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Semua ini akan berpindah ke Parcel A pada akhir tahun 2001.

Kemanteian Luar Negeri, Wisma Putra, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar, Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Penerangan. Semua ini akan berpindah ke Kumpulan II Pembangunan Campuran pada tahun 2000.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, semuanya ini akan berpindah ke Kumpulan III pada tahun 2002.

Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Pembangunan Usahawan, semuanya ini akan berpindah ke Kumpulan IV Perdagangan pada tahun 2003.

Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pertanian akan berpindah ke Kumpulan V, Sukan dan Rekreasi pada tahun 2005.

Bagi pejabat-pejabat yang dikosongkan oleh Jabatan Perdana Menteri, di Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur:

- (i) Blok A - Pejabat Perdana Menteri, Pejabat Timbalan Perdana Menteri, Pejabat Ketua Setiausaha Negara dan Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan. Ini akan diambil alih oleh Jabatan Arkib Negara untuk Memorial Perdana;
- (ii) Blok B - akan dikekalkan di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan;
- (iii) Blok C, D dan E - akan diambil alih oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar;
- (iv) Blok Unit Perancang Ekonomi - akan diambil alih oleh Kementerian Dalam Negeri; dan
- (v) manakala pejabat-pejabat yang akan dikosongkan oleh kementerian-kementerian lain pada masa ini masih belum diputuskan lagi.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Soalan tambahan, baru-baru ini Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara dan Dewan Rakyat telah pun diberi peluang untuk melawat Putrajaya dan kita mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana dapat mengetahui dari segi pembangunannya.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah secara total, menyeluruh kos benefitnya kerana kita diberitahu dalam taklimat itu, dari segi penyewaannya (rental) kita akan menyelamatkan RM124 juta setahun. Tetapi dari segi kos benefit secara menyeluruh, berapakah anggaran pihak kerajaan apabila tanah-tanah yang dikosongkan, pejabat-pejabat yang dikosongkan di sekitar Kuala Lumpur sehingga tahun 2004 setelah berpindah semua pejabat ke Putrajaya, berapa nilainya, berapa kos dari segi kita

mengurangkan pembaziran untuk hendak melegakan lagi keadaan kesesakan trafik di Kuala Lumpur, saya difahamkan akan dapat mengurangkan sebanyak 30% dan kesemuanya kos ini mungkin Yang Berhormat Menteri dapat lagi menjelaskan kepada di Dewan yang mulia ini.

Dato' Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, perpindahan pusat pentadbiran kerajaan daripada Kuala Lumpur ke Putrajaya akan dapat mengurangkan trafik jam di Kuala Lumpur sebanyak 30%. Kalau diambil dari segi nisbah kewangan, tanah-tanah yang akan ditinggalkan oleh jabatan-jabatan kerajaan di Kuala Lumpur dengan nilai hartanah pada masa ini mungkin bernilai lebih RM20 bilion. Sedangkan pembinaan pejabat-pejabat kerajaan di Putrajaya bernilai lebih kurang RM23 bilion apabila ianya siap dibina nanti. Bermakna dari segi kewangan, perpindahan daripada Kuala Lumpur ke Putrajaya sekaligus tidak merugikan kerajaan dari segi nilai komersial tanah yang ditinggalkan oleh pejabat-pejabat kerajaan.

Dari segi keselesaan pejabat-pejabat, kalau kita lihat di negara-negara yang maju, misalnya di Amerika, pusat pentadbirannya di Washington tetapi pusat kewangannya dan perdagangannya di New York. Kalau kita melihat di Australia misalnya pusat pentadbirannya di Canberra tetapi pusat kewangan dan perdagangannya di Sydney dan di Melbourne. Begitu juga kalau kita melihat misalnya di South Africa, pusat pentadbirannya di Johannesburg tetapi pusat kewangannya adalah di Cape Town.

Jadi, bermakna perpindahan daripada Kuala Lumpur ke Putrajaya akan dapat memberi lebih keselesaan kepada pentadbiran kerajaan dan akan memberikan ruang yang lebih luas kepada pembinaan pusat-pusat perniagaan. Begitu juga kalau kita melihat misalnya negeri yang sedang membangun seperti Brazil, perpindahan pusat pentadbiran daripada Rio De Janeiro ke Brasilia, perpindahan ini melibatkan jarak yang lebih daripada 1,000 kilometer tetapi perpindahan pusat pentadbiran di Kuala Lumpur ke Putrajaya hanya lebih kurang 25 kilometer dan kalau kita mengambil sempadan Wilayah dengan sempadan ke

Putrajaya, jaraknya lebih kurang 5 kilometer sahaja.

Jadi, bermakna perpindahan daripada Kuala Lumpur ke Putrajaya ini memberi keselesaan ruang, tidak merugikan dari segi kewangan dan apabila kita mengambil tanah di Putrajaya yang dahulunya Perang Besar dengan harga RM7 sekaki persegi tetapi hari ini ada tanah-tanah yang boleh dijual oleh Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. dengan nilai lebih daripada RM100 sekaki persegi. Saya difahamkan pada tahun 2025 nanti, Perbadanan Putrajaya Sdn. Bhd. mungkin akan dapat mengumpul dana kewangan ataupun asset lebih kurang RM400 bilion.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Soalan tambahan. Sebelum itu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kita khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Mahathir bin Mohamad yang berpandangan jauh untuk mendirikan Pusat Pentadbiran Kerajaan di Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, Pusat Pentadbiran Kerajaan di Putrajaya ini adalah untuk kegunaan rakyat. Oleh itu, kita mesti memberi kesenangan rakyat untuk pergi membuat urusan di Putrajaya ini nanti sebab semua kementerian akan beralih ke sana.

Soalan saya, bagaimana kita hendak memudahkan rakyat yang datang daripada negeri-negeri yang jauh seperti Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor yang bertumpu ke pusat ini. Adakah satu sistem di mana kita memberi perkhidmatan bas percuma daripada pukul 6.00 pagi hingga 6.00 petang, ditumpukan ke pusat-pusat tertentu untuk mengambil penumpang-penumpang, rakyat-rakyat yang ada urusan dengan kementerian-kementerian di Putrajaya dan adakah LRT ataupun kereta api yang hendak dibuat? Itu saya tidak tahu lagi, ini soalan saya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, apabila pusat ini beroperasi sepenuhnya nanti, kemungkinan akan diwujudkan juga pengangkutan daripada gate untuk membawa mereka yang hendak berurusan dengan jabatan kerajaan di dalam kompleks Putrajaya itu. Saya difahamkan juga, pada tahun 2003 nanti akan diadakan ERL daripada Kuala Lumpur ke Putrajaya,

yang juga akan pergi ke Cyberjaya dan seterusnya ke KLIA.

Jadi, apabila pusat ini siap sepenuhnya pada tahun 2005, maka semua sistem pengangkutan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kemungkinan akan wujud pada masa itu tetapi rakyat terpaksa membayar daripada Kuala Lumpur hinggalah ke Putrajaya. Tetapi di dalam kompleks Putrajaya itu mungkin akan diwujudkan satu sistem pengangkutan, saya pun tidak tahu sama ada percuma atau tidak tetapi akan diwujudkan kerana jarak di antara satu pejabat ke satu pejabat mungkin jauh dan sistem ERL ini kemungkinan, stesenya adalah di sebelah Masjid Putra.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya juga turut mengucapkan tahniah atas kejayaan Yang Amat Berhormat Dato Seri Mahathir bin Mohamad dengan kejayaan Kerajaan Barisan Nasional. Saya percaya, bandar raya termoden ini mungkin lebih hebat daripada Bandarraya Atlanta yang ada di Amerika. Soalan saya, sebelum itu kita mengucapkan terima kasih di atas undangan untuk melawat Putrajaya namun saya difahamkan rakan-rakan daripada Sabah dan Sarawak tidak berpeluang melawat disebabkan surat sampai pada hari yang sama.

Jadi, kita memohon supaya peluang untuk kali yang kedua diberikan kepada kami. Soalan saya ialah, adakah Parlimen, yang mungkin sepatutnya ditukar, juga akan berpindah ke Putrajaya. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli-ahli Parlimen daripada Sabah yang tidak berkesempatan pergi ke Putrajaya, saya bersedia untuk menyediakan bas dan kita boleh membuat satu lagi trip dan mungkin lebih baik lagi kerana orangnya tidak ramai. Berkenaan dengan Parlimen, kalau mengikut kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau masih belum bercadang untuk memindahkan bangunan Parlimen ini ke Putrajaya.

Jadi, Yang Berhormat-Yang Berhormat bolehlah merasa senang hati kerana kita akan bersidang di sini mungkin lama lagi kerana tidak ada rancangan kerajaan untuk memindahkan Parlimen ke Putrajaya.

2. **Puan Hajah Ramlah binti Kassim** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah pakaian seragam bagi jururawat di hospital kerajaan dan hospital swasta diseragamkan dari segi bentuk fesyen menutup aurat untuk orang Islam dan bentuk fesyen tidak menjolok mata bagi orang bukan Islam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian tidak mengawal bentuk dan fesyen pakaian seragam bagi jururawat di hospital swasta dan ianya terpulang kepada pihak hospital berkenaan untuk memilih pakaian seragam yang bersesuaian dengan anggota jururawatnya. .

Bagi sektor awam, peraturan dan ciri-ciri pakaian seragam jururawat yang sedia ada di Kementerian Kesihatan memberi perhatian kepada aspek-aspek kesesuaian untuk tugas yang dijalankan terutama ketika menjalankan prosedur-prosedur aseptik dan monitor pesakit bagi mencegah infeksi nosokomial, risiko dan implikasi sebarang infeksi melalui jangkitan silang serta mengambil kira akan keselesaan pemakaian di wad.

Isu agama juga diberi perhatian di mana pada tahun 1978, jururawat dibenarkan membuat pilihan untuk memakai seluar panjang atau gaun. Manakala pemakaian 'net' hitam untuk menutup rambut diluluskan pada tahun 1985. Ini selaras dengan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran perkhidmatan awam. Pada ketika ini pihak kementerian sedang mengkaji cadangan pengubahsuaian pakaian seragam jururawat, ia mencadangkan untuk memberi kebenaran jururawat membuat pilihan sama ada memakai pakaian seragam yang sedia ada bersama 'cap' atau memakai baju lengan panjang dengan bertudung.

3. **Datuk William Lau Kung Hui** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa Akta Pencegah Rasuah 1997 adalah komprehensif di dalam berbagai aspek termasuk kuasa menanya, menyiasat, menggeledah dan

menyita, mengapakah bagi setiap kes, sebelum BPR boleh memulakan dakwaan, kebenaran bertulis mestilah terlebih dahulu diperolehi daripada Peguam Negara.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, di kebanyakan negara pengasingan kuasa, menyiasat dan pendakwaan telah diwujudkan bagi mengelakkan ketidakadilan sepertimana agensi-agensi penguatkuasa undang-undang yang lain. Kerajaan pada masa ini berpendapat bahawa Badan Pencegah Rasuah belum perlu diberi kuasa membuat keputusan mendakwa supaya satu sistem check and balance, dengan izin, dipelihara.

Membenarkan sebuah agensi yang menjalankan siasatan membuat keputusan, pendakwaan akan mempunyai implikasi ke atas prinsip pengasingan kuasa dan izin mendakwa perlu diperolehi daripada pendakwa raya mengikut seksyen 50 Akta Pencegah Rasuah 1997.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita ada mendengar berkenaan dengan kes Perwaja dan kes Perwaja ini sudah berlarut begitu lama sekali dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa kelulusan Perwaja itu adalah dibuat oleh Kabinet, bermakna Menteri Kewangan pada masa itu juga adalah bertanggungjawab. Mengapakah halangan yang sebenar menyebabkan kes Perwaja ini begitu lama sebelum ianya dibawa ke muka pengadilan?

Dato' Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju bahawa penyiasatan kes Perwaja ini telah berjalan begitu lama kerana ianya menyebabkan saksi-saksi yang perlu diperolehi daripada luar negeri, daripada negara Jepun. Pihak yang terlibat di luar negeri tidak mahu memberi kerjasama kepada pihak BPR dan dengan sebab itu kita tidak dapat menjalankan pendakwaan dengan cepat.

Walau bagaimanapun, pihak BPR tidaklah menutup kes ini dan akan meneruskan siasatan bagi kita membuktikan pihak-pihak yang bersalah jika

sekiranya mereka melakukan penyelewengan atau salah guna kuasa semasa menjalankan urusan dengan pihak Perwaja.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, setakat ini adakah pihak kerajaan telah berpuas hati dengan Badan Pencegah Rasuah yang sedang beroperasi sekarang atau harus dipertingkatkan ke arah yang lebih efisien? Terima kasih.

Dato' Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan semua urusan kerajaan bukan sahaja BPR tetapi semua urusan kerajaan. Walaupun begitu, kita memanglah berpuashati dengan kerja-kerja yang dijalankan oleh badan-badan kerajaan termasuk BPR, yang tidak berpuas hati hanyalah parti pembangkang.

4. **Tuan Parasuraman a/l Sanasamy** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah tindakan serta kedudukan terkini berkenaan dengan cadangan pemberian gaji bulanan kepada para pekerja ladang di seluruh negara.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu yang juga perlu dijawab pada hari ini kerana kedua-dua soalan adalah berkenaan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia berpendapat bahawa pembayaran gaji pekerja ladang yang diamalkan sekarang adalah bersesuaian pada masa ini. Kadar gaji pekerja ditentukan melalui rundingan antara majikan dengan pekerja-pekerja. Peruntukan undang-undang yang sedia ada didapati memadai dan memberi jaminan pendapatan kepada pekerja ladang di mana mereka akan dibayar bayaran bersamaan 24 hari gaji dalam sebulan sekiranya mereka tidak dapat bekerja disebabkan hujan, banjir dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, amalan bayaran gaji bulanan pada masa kini masih di peringkat percubaan dan mula dilaksanakan di 15 buah ladang mulai bulan

Januari tahun ini. Setakat ini kementerian belum bercadang untuk mewajibkan majikan ladang lain mengimplementasikan bayaran gaji bulanan kepada pekerja ladang.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, nyatakan apakah respon dan peranan kerajaan dalam menyelesaikan masalah gaji bulanan pekerja-pekerja ladang ini? Respon dan tanggungjawab kerajaan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, respon kerajaan adalah apa yang saya baca tadi. Itulah respon kerajaan tetapi Yang Berhormat mesti sedia maklum, Undang-undang Buruh yang ada sekarang tidak memastikan ataupun tidak membenarkan kerajaan mengambil tanggungjawab yang direct ke atas hal gaji pekerja ladang dan saya harap Yang Berhormat faham bahawa di dalam hal ini dasar gaji pekerja ladang adalah di antara perundingan berasaskan kepada perundingan majikan dan pekerja. Kerajaan tidak masuk campur dari segi perundingan ini, kerajaan hanya memainkan peranan sebagai orang tengah.

Jadi, di sini kita memegang kepada dasar ini kerana kita memegang kepada Dasar Ekonomi Bebas iaitu pendapatan seseorang atau pun pulangan kepada kerja seseorang itu adalah berasaskan kepada permintaan dan bekalan di dalam pasaran. Jadi, setakat ini, inilah dasar kerajaan sehingga sesuatu pindaan dibuat oleh kerajaan di dalam menentukan dasar.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sementara kerajaan memikirkan masalah-masalah teknikal yang berkait dengan undang-undang, adakah pihak kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu tabung saraan pekerja-pekerja ladang yang akan dibiayai oleh pihak pengusaha ladang, pihak swasta dan pihak kerajaan sendiri di mana pekerja-pekerja ladang ini dalam masa kesempitan boleh membuat secara pinjaman pendahuluan? Ini satu alternatif yang saya rasa, pihak peladang sendiri akan bersetuju dan kerajaan pun tidak akan menanggung beban yang begitu banyak.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tabung-tabung yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu telahpun dimainkan peranannya oleh syarikat-syarikat kerjasama pekerja-pekerja ladang dan juga dari segi insurans sosial pekerja-pekerja ladang dilingkungi di bawah tanggungjawab Socso ataupun Perkeso.

Jadi, dari segi social security pekerja-pekerja ladang adalah mencukupi pada masa ini dengan adanya institusi-institusi yang saya sebutkan tadi.

Tuan Tee Thiong Hock: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan dasar undang-undang dan dasar ekonomi, saya ingin bertanya, pada waktu kes ini dibicarakan di Mahkamah Perusahaan dalam pertengahan tahun 80-an, ada dua peguam, satu yang telah meninggal dunia D. Xavier dan Lobo Boniface, tambah seorang pakar, kes ini dibawa oleh NUPW kepada mahkamah. Kalau tidak salah saya pada waktu itu kes ini apabila dibicarakan ada panel judges terdiri daripada majikan, bebas, dan juga wakil pekerja. Undinya ialah 2- 1, saya tidak ingin menjelaskan siapa mengundi "for" dan siapa yang "against". Selepas itu President of Industrial Court undi sekali lagi, undinya jadi 2-2. Selepas itu undi lagi sekali jadi 3-2, jadi kes itu pekerja tidak menang, itu adalah sedikit sejarah.

Pada waktu itu juga, pihak NUPW melalui pakar dapat menunjukkan kepada mahkamah bahawa sebenarnya semua syarikat ladang di negara kita iaitu lebih kurang 95% melalui satu analisa yang begitu mendalam menunjukkan semua syarikat mendapat keuntungan tiap-tiap satu tahun. Jadi kemampuan membayar atau affordability to pay telah pun dibuktikan, itulah ekonomik. Dan di sini saya mahu tanya kepada Yang Berhormat, pada waktu itu adalah kemerosotan ekonomi juga harga pasaran getah, koko dan kelapa sawit semua menurun begitu rendah.

Hari ini, selepas kes itu, lebih kurang 10 tahun sudah berlalu atau 15 tahun, harga pasaran ketiga-tiga komoditi ini ada menjadi lebih baik, lagi pun tanaman getah yang harganya begitu rendah telah dikurangkan dan harga koko juga telah tambah baik. Pada waktu sekarang, saya ingin bertanya apakah "profitability" ataupun keuntungan crop bagi tanaman di dalam ladang-ladang ini. Adakah isu

“affordability to pay” telah pun improve, meningkat? Saya juga ingin memberitahu kepada Dewan ini pada waktu itu bersama dengan dua orang peguam pakarnya ialah saya. *[Ketawa]* Terima kasih.

Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kes itu tidak disebut spesifikasinya tetapi oleh sebab soalnya mengenai isu affordability to pay, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Persoalan yang kerajaan pegang sekarang ini ialah dengan tidak mewajibkan pembayaran gaji bulanan bukan kepada isu affordability to pay. Bukan kepada isu itu, kerana tiap-tiap ladang misalnya ladang kelapa sawit sekarang walaupun dalam kegawatan ini dia lebih mendapat untung. Persoalan bukan isu affordability to pay, isunya ialah untuk kita membolehkan pekerja-pekerja ladang mengongsi pendapatan yang lebih apabila pendapatan menjadi surplus kerana dari segi affordability to pay tidak berbangkit kerana saya sebut di dalam jawapan saya tadi ialah walaupun pekerja ladang mendapat gaji harian yang mana ianya dengan izin, subject to the vagaries of agriculture uncertainty, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi ianya dipertahankan kepada gaji minimum 24 hari.

Persoalan affordability to pay tidak berbangkit dalam isu ini. Persoalannya ialah....

Tuan Tee Thiong Hock: *[Bangun]*

Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar: Duduk dulu, Yang Berhormat, tunggu sekejap. Persoalannya ialah yang kerajaan hendak tentukan ialah apabila surplus di dalam pendapatan ladang itu meningkat, pekerja-pekerja ladang dapat berkongsi iaitu apabila dia bekerja hari dan surplus ada, dia dapat berkongsi kemewahan ladang itu, itu persoalannya. Yang Berhormat, hendak tanya saya belum duduk lagi.

Tuan Tee Thiong Hock: Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya bukan lain hanya sahaja pada hari ini isu affordability to pay adakah jadi satu isu, terima kasihlah. Jadi jawapannya bukan satu isu lagilah, terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ia tidak pernah menjadi satu isu. Affordability to pay has never been an issue, dengan izin, kerana NUPW selalu mempersoalkan dan mempertahankan. Saya hendak tekankan lagi ialah kerajaan memegang pada dasar ini supaya pekerja-perkerja ladang dapat mengongsi kemewahan yang didapati. Jikalau misalnya pekerja ladang kelapa sawit, kalau diberi gaji bulanan dia dapat tetap pada hal ladang-ladang kelapa sawit sekarang membuat keuntungan yang berganda-ganda. Di sini pekerja ladang akan dapat berkongsi pendapatan yang berganda itu.

5. Tuan Tan Ek Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan sebuah bot nelayan dari Hutan Melintang telah ditembak dan ditenggelamkan oleh kapal bersenjata dari negara jiran serta kehilangan lima orang nelayan di Selat Melaka:-

- (a) apakah tindakan yang diambil terhadap kes tersebut; dan
- (b) tindakan jangka panjang untuk menyelesaikan masalah tersebut dan keselamatan nelayan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk bahagian:

- (a) Satu operasi mencari dan menyelamatkan telah dilancarkan oleh dua bot peronda Polis Marin dan sebuah bot peronda TLDM KD Kinabalu. Apabila sampai di tempat kejadian didapati kapal perang Indonesia berkenaan telah tiada dilokasi tersebut.

Operasi mencari dan menyelamatkan diteruskan dan pada 13 Julai tahun ini dan mendapati sebuah bot mangsa yang separuh tenggelam telah ditemui oleh KD Kinabalu dan diiringi pulang ke Hutan Melintang. Manakala bot peronda Polis Marin meneruskan operasi mencari dan menyelamatkan. Pada 14 Julai operasi mencari dan menyelamatkan ditamatkan apabila disahkan kelima-lima mangsa masih selamat dan ditahan di Belawan oleh tentera Navy Indonesia. Kejadian ini telah dimaklumkan kepada Wisma Putra oleh Pusat Penyelarasan Menyelamat

Maritim(MRCC) untuk tindakan sewajarnya.

- (b) Tindakan jangka panjang untuk menyelesaikan masalah tersebut dan keselamatan negara. Untuk mengatasi masalah tersebut supaya tidak berulang kerajaan telah mengambil beberapa tindakan seperti yang berikut:-
- (i) memperketatkan rondaan di perairan sempadan dan kawasan tumpuan menangkap ikan oleh nelayan tempatan untuk mengelakkan gangguan bot ronda penguatkuasaan negara jiran;
 - (ii) mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi Penguatkuasaan Maritim negara jiran dalam Mesyuarat Kerjasama Sempadan untuk mencari satu penyelesaian yang terbaik;
 - (iii) mengadakan latihan bersama atau operasi bersama dengan agensi Penguatkuasaan Maritim negara jiran untuk memupuk satu persahabatan atau perhubungan yang lebih erat supaya mereka tidak bertindak secara keterlaluan yang mana akan menjejaskan perhubungan baik dua hala yang sedia terjalin; dan
 - (iv) memaklumkan kepada pihak berkuasa negara jiran secara rasmi tentang kejadian-kejadian yang berlaku di perairan sempadan yang dilakukan oleh Unit Penguatkuasaan mereka untuk memperingatkan bahawa kerajaan sentiasa memandang serius tentang kejadian yang berlaku supaya langkah-langkah proaktif dapat diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Tan Ek Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu kapal yang menyerang bot nelayan itu adalah kapal tentera laut jiran kita. Apakah kesalahan nelayan ini,

kita hendak tahu, jadi mangsa ditembak dan lima orang itu telah ditangkap dan belum dilepaskan lagi.

Dan satu lagi soalan tambahan ialah kes kapal jiran yang bersenjata iaitu kes tentera laut. Bagaimana dengan bahagian utara Semenanjung Malaysia kita, di mana bot-bot nelayan sentiasa diganggu oleh lanun-lanun dari bahagian utara ataupun negara jiran utara itu? Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang timbul kerana bagi negara kita, kita rasa itu tempat perairan kita. Tetapi bagi unit penguatkuasa mereka, mereka dakwa kata kita punya bot nelayan sudah memasuki perairan mereka. Jadi di situlah adanya percanggahan pandangan dan fahaman. Walau bagaimanapun, perkara ini telah berlaku bukan kali pertama, ia juga berlaku di perairan dekat dengan kawasan saya iaitu Kukup, dan saya sendiri telah pergi ke sana dan berdialog dengan nelayan dan saya dapati memang ada masalah. Dan perkara ini pihak Ibu Pejabat Polis telah pun mengambil tindakan sepertimana saya terangkan tadi, kita akan gunakan saluran diplomatik untuk mengingatkan jiran kita supaya memastikan kedua-dua pihak, kita disiplinkan orang-orang kita jangan kerana segelintir penguatkuasaan ini telah mengakibatkan hubungan kita terjejas.

Pihak berkuasa Malaysia yang tidak dapat saya bagi detail, memang telah berbincang bersama semua penguat kuasa, kita akan melindungi nelayan kita dan melalui semua penguat kuasa di Malaysia, di tempat-tempat tumpuan nelayan kita pada masa sekarang dan akan datang.

Tuan Tee Thiong Hock: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri kerana inilah kali pertama seorang Timbalan Menteri mengaku dan juga menjelaskan identiti pihak yang menyerang. Kali pertama, askar. Selalunya dikatakan identiti tidak dapat ditentukan. Itu perkara yang begitu fluid. Terimah kasihlah.

Di sini saya ingin meminta nasihat dari Timbalan Menteri, nasihat kepada nelayan-nelayan, bagaimana "to avoid this kind of trouble" kerana bukan sahaja

hari ini, “at the last session” juga kita telah pun bertanya mengenai kes di Kedah, dalam tahun 1980-an, ada satu kes di mana askar marin dari negara jiran, hampir sampai ke daratan kita di Tanjung Sedeli, hampir satu kilometer sahaja. Kalau bot itu lebih laju, memang they land on our shore. [Ketawa] Itu satu kilometer sahaja, sampai ke our shore mine.

Adakah ini menunjukkan satu kelemahan our defence system ataupun menunjukkan kita tidak ambil berat untuk keselamatan nelayan kita apabila mereka keluar ke laut menangkap ikan. Adakah kita ingin memberi - saya pinjam perkataan daripada Dato' Zuki, memberi free handphone kepada nelayan-nelayan ini supaya dapat berhubung dengan pihak tertentu ataupun kita akan memberi lesen senjata kepada mereka untuk mereka defend sendiri, not to have warfare in the high sea. Maksud saya, untuk defend mereka. Ataupun kita akan mengadakan lebih kerap, at a greater frequency operasi di laut, di mana polis marin, polis dan juga askar dapat mengadakan operasi “at far great frequency” sebagai satu langkah biasa, “they will prevent the foreigner from attacking them”. Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak polis marin sudah berulang kali memberi nasihat dan taklimat kepada pihak nelayan supaya jangan pergi dekat kepada perairan sempadan. Kadangkala sempadan itu ada yang bertindihan dan kadangkala salah faham timbul. Dalam pada itu, pihak polis marin juga sentiasa menasihati nelayan supaya mempunyai alat perhubungan dan tahu ke mana mereka perlu hubungi sebaik sahaja menghadapi masalah.

Selain daripada perkara ini, saya ingin menegaskan di sini bahawa kita perlu menyelesaikan masalah ini dengan berhati-hati dan penuh dengan sensitiviti kerana kalau sebarang cara untuk berkonfrontasi tidak akan membawa kebaikan bahkan akan menjadikan isu lebih besar. Kami tidak bercadang supaya nelayan memegang senjata kerana kalau mereka memegang senjata, apabila berhadapan dengan tentera, mereka tembak, lagi mereka susah, banyak pengorbanan dan sebagainya, di samping ini akan menjadikan hubungan lebih tegang.

Bagaimanapun kita masih menasihatkan nelayan supaya mengurangkan

pendedahan kepada risiko walaupun pihak penguat kuasa akan cuba sebolehnya melindungi mereka. Kita ada cara perhubungan diplomatik antara Malaysia dan Indonesia dan kita tidak mahu perkara ini menjadi besar isu besar untuk jangka panjang.

6. **Tuan Khoo Lay Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan faktor-faktor positif dan faedah yang akan didapati dengan pembukaan semula cawangan Bank of China di Malaysia memandangkan bahawa Kerajaan sedang menimbang memberikan kebenaran kepada pembukaan semula ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia bersetuju untuk membenarkan Bank of China beroperasi di Malaysia tertakluk kepada Kerajaan Republik Rakyat China bersetuju memberi lesen supaya sebuah bank Malaysia boleh beroperasi di Republik Rakyat China sebagai langkah untuk menggalak dan meningkatkan lagi perhubungan perdagangan dan ekonomi di antara kedua negara. Oleh kerana terdapat isu-isu yang masih belum dipersetujui oleh kedua-dua kerajaan, maka permohonan Bank of China untuk mendapatkan lesen perbankan masih belum boleh dikeluarkan pada masa ini.

7. **Tuan Marimuthu a/l Nadeson** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pekerja asing yang tidak membaharui permit kerja dalam sektor pembinaan dan perladangan. Apakah sebabnya dan nyatakan tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi perkara ini.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pekerja asing yang tidak memperbaharui Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dalam sektor pembinaan ialah 59,809 orang dan sektor perladangan ialah 38,030 orang. Kementerian Dalam Negeri tidak mengetahui sebab sebenar pas kerja tersebut tidak diperbaharui tetapi pekerja berkenaan tidak lagi bekerja secara sah dengan majikan berkenaan. Mungkin kerana pekerja berkenaan telah kembali ke negara

asal atau telah melarikan diri daripada majikan berkenaan ataupun terus bekerja dengan majikan yang berkenaan secara haram.

Bagi mengatasi masalah ini, agensi penguatkuasaan, Jabatan Imigresen dan polis telah mempergiatkan penguatkuasaan. Dengan ini, pekerja-pekerja asing yang lari dan didapati bekerja dengan majikan lain akan dikenakan denda tidak lebih daripada enam bulan penjara atau tidak lebih daripada RM1,000 atau kedua-duanya sekali. Manakala bagi majikan yang menggaji pendatang asing tanpa pas yang sah dikenakan denda RM10,000 tetapi tidak melebihi RM50,000 bagi setiap pekerja serta nama majikan berkenaan akan disenaraihitamkan dalam menggaji atau mengambil pekerja asing.

Tuan Marimuthu a/l Nadeson: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapa ramaikah pekerja-pekerja asing sebenar yang terdapat di dalam negara kita? Adakah dapat dikenal pasti berapa ramaikah daripada pendatang asing ini bekerja di negara kita tanpa permit? Apakah tindakan konkrit kerajaan dalam menangani masalah ini? Sekian sahaja.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah pun kami jawab berulang kali di kedua-dua Dewan, pada masa ini mereka yang mempunyai Pas Lawatan Kerja Sementara yang sah iaitu kira-kira 700,000 lebih orang. Bagi mereka yang tidak mempunyai pas yang sah, memang tidak dapat dianggarkan kerana mereka itu bekerja secara haram. Baru sahaja saya katakan bahawa tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap majikan dan juga terhadap pekerja dan apa yang boleh menjadikannya lebih berkesan, kita berharap semua rakyat dapat membantu kerajaan mewujudkan satu budaya, jangan mengupah mereka yang tidak ada permit kerja.

8. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan bercadang menawarkan saham terbitan awam kepada pesara-pesara Kerajaan Malaysia.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sepatutnya ditujukan kepada Kementerian Kewangan, maka oleh kerana itu, saya menjawab bagi pihak Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan belum bercadang untuk menawarkan saham-saham terbitan awam kepada pesara-pesara kerajaan secara individu. Walau bagaimanapun, kerajaan pernah menawarkan saham khas terbitan awam yang dikendalikan oleh Kementerian Kewangan kepada pesara-pesara kerajaan melalui koperasi-koperasi dan persatuan-persatuan yang ditubuhkan oleh mereka.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebelakangan ini bursa saham tidak menentu. Hari ini saya dengar sudah 13 point turun. Oleh itu, soalan saya, bagaimana sambutan bumiputera-bumiputera dan orang ramai untuk mendapatkan saham terbitan awam sekarang ini? Adakah macam dahulu, ramai yang memohon ataupun tidak, berapa ramai yang memohon sekarang ini disebabkan keadaan ekonomi.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator bertanya berkenaan dengan saham terbitan. Untuk makluman Yang Berhormat pada tahun lepas kurang daripada lima syarikat yang telah disenaraikan dalam bursa saham dan sememangnya pada tahun lepas banyak daripada harga yang ditawarkan apabila hari pertama diniagakan telah jatuh. Jadi, sememangnya sambutan bukan sahaja daripada bumiputera malah juga daripada pembeli-pembeli saham bukan bumiputera pun tidak memberikan sambutan yang menggalakkan pada tahun lepas.

Pada tahun ini juga kita lihat beberapa syarikat sahaja yang baru disenaraikan. Jadi, memang pada tahun ini kita nampak kenaikan perniagaan saham di bursa saham, ia menggalakkan dan pada tahun ini memangnya ada pertambahan daripada segi penglibatan bumiputera di dalam saham-saham terbitan ini dan kita akan dapat melihat perkembangannya melalui komposit indeks yang dikeluarkan pada tiap-tiap hari yang diniagakan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Soalan tambahan saya, tadi Yang Berhormat ada menyebut kerajaan tidak bercadang untuk memperuntukkan saham-saham terbitan awam ini kepada pesara-pesara. Maklum balas yang saya terima kalau sekiranya saham-saham ini diberi atas nama koperasi dan juga persatuan tetapi pemberian ini adalah kepada satu badan yang kemudiannya tidak dapat dimanfaatkan secara direct. Apa yang menjadi masalah kepada pesara sekarang ini dengan beban kos hidup yang makin meningkat dan tanggungjawab mereka kepada keluarga dan kalau sekiranya pekerja-pekerja yang sedang bekerja boleh menikmati kenaikan gaji dan sebagainya tetapi pesara-pesara tidak boleh dapat apa-apa. Inilah kita mahu kerajaan memberi satu privilege, saham-saham baru yang diberi itu bukan banyak lima lot ataupun sepuluh lot yang mereka kena bayar, bukan bagi percuma. Saya rasa ini adalah sesuai dan patut daripada kita minta kerajaan bagi percuma kepada pesara lebih baik tawarkan saham, di mana duit itu boleh dilabur. Ini suatu kegiatan yang sihat dari segi ekonomi.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, masalahnya saham ini bukan selalu naik. Kalau sudah pasti kita bagi saham terbitan, ia naik tidak mengapa tetapi kita tahu apabila ekonomi tidak begitu menggalakkan, apabila kita berikan terbitan saham ini, ia turun. Kalau begitu macam mana? Kita tidak mahu menyusahkan lagi pesara-pesara kita. Mereka terpaksa mencari, sudahlah wang sedikit dan kalau mereka diberikan terbitan saham khas ini mereka terpaksa meminjam daripada bank, kalau naik, tidak mengapa, kalau turun macam mana? Hutang bertambah lagi, bertambah miskin persara ini.

Jadi, oleh sebab itu kita buat menerusi badan-badan koperasi supaya ada buffer. Kalau sekiranya pesara mahu mendapat nikmat daripada kenaikan saham ini, buat menerusi koperasi. Jadi, kalau saham itu jatuh yang akan menghadapi masalah ini ialah koperasi tetapi oleh kerana ia besar, ia boleh absorb, dengan izin, penurunan harga itu. Tetapi kalau secara direct, pesara dapat saham khas terbitan, kalau naik tidak mengalah, kalau turun macam mana?

Jadi, sebab itu kita sebenarnya hendak jaga kebajikan pesara supaya mereka jangan bertambah teruk hasil akibat daripada menurunnya harga terbitan saham khas ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenaikan saham memang sering berlaku dan selalunya bergantung kepada spekulasi-spekulasi yang berlaku dalam pasaran dan ada juga kadang-kadang berita angin. Saya ingin bertanya ini jauh daripada situ, mengenai Y2K. Y2K di dalam industri-industri dan juga syarikat-syarikat yang ada, yang berdaftar di bawah BSKL ini? Adakah syarikat-syarikat ini telah pun mengambil pendekatan-pendekatan untuk mengatasi masalah Y2K dan bagaimana dengan keadaan saham apabila masuk tahun 2000? Ada pihak-pihak yang mengatakan oleh kerana berlakunya Y2K kemungkinan penurunan-penurunan saham akan berlaku, adakah perkara ini benar dan pihak kementerian membuat pemantauan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Soalan ini terkeluar daripada soalan asal, Yang Berhormat. Tetapi dari segi masalah Y2K ini bukan sahaja dalam bursa saham tetapi ianya melibatkan semua jabatan kerajaan dan juga-juga syarikat-syarikat yang mengendalikan kerja harian mereka menggunakan komputer. Oleh kerana ini merupakan banyak amalan dalam bursa saham ini merupakan spekulasi sudah tentulah apa juga perkara yang dibangkitkan akan menyebabkan sentimen dalam bursa saham ini akan dipengaruhi oleh rumors, kalau Dr. Mahathir terbatuk pun, harga saham akan jatuh.

Jadi, sebab itu saya rasa kalau Yang Berhormat tanya apakah masalah Y2K ini kalau dibangkit ia akan mempengaruhi bursa saham, jawapan saya mungkin, sebab di Bursa Saham Kuala Lumpur, ia macam satu badan, macam satu tempat kasino dan ia banyak spekulasi.

Jadi, walau bagaimanapun untuk mengatasi masalah Y2K ini sememangnya kerajaan telah pun mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini menjelang tahun 2000 ini.

9. **Tuan Long bin Jidin** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan status kedudukan tanah yang dilupuskan kepada masyarakat Orang Asli seluruh negara mengikut daftar terkini, termasuk “kawasan Orang Asli”, rizab Orang Asli dan tanah bermilik seperti yang terkandung dalam Akta 134, Akta Orang Asli 1954.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato’ G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat status kedudukan tanah yang telah dilupuskan kepada masyarakat Orang Asli di seluruh negara mengikut daftar terkini adalah seperti berikut:

| | Status/Kedudukan Tanah | Hektar |
|----|--|---------------|
| 1 | Tanah yang telah diwartakan; | 19,303.43 |
| 2. | Tanah yang telah diluluskan tetapi belum diwartakan; | 28,932.72 |
| 3. | Kawasan Orang Asli yang telah dimohon; | 78,975.56 |
| 4. | Kawasan yang didiami oleh Orang Asli tanpa permohonan rasmi; dan | 5,640.55 |
| 5. | Jumlah kawasan yang dilupuskan kepada Orang Asli. | 132,875.81 |

Sekian, terima kasih.

Tuan Long bin Jidin: Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Demi kebaikan masyarakat Orang Asli, bolehkah kerajaan memberi contoh, kerajaan negeri yang telah melaksanakan pembangunan tanah yang telah

dilupuskan kepada mereka? Terima kasih.

Dato' G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, semua negeri menguruskan banyak penyusunan rancangan pembangunan tanah untuk Orang Asli tetapi di sini saya boleh memberi hanya satu contoh, kerajaan negeri Johor membuat perancangan untuk melaksanakan projek pembangunan tanah Orang Asli di RPS Mukim Bekuk, Segamat, Johor. Projek tersebut adalah melibatkan 187 penduduk Orang Asli di kawasan ini yang dipilih untuk mengusahakan tanaman kelapa sawit. Melalui projek ini setiap keluarga akan diberi sebuah rumah dalam tempoh satu tahun manakala 8 ekar tanah tanaman kelapa sawit akan diserahkan kepada Orang Asli selepas tempoh yang tertentu. Kerajaan-kerajaan di negeri Pahang, Selangor, Perak dan lain-lain negeri juga melaksanakan banyak projek penyusunan semula untuk membangunkan tanah Orang Asli. Terima kasih.

10. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Syed Ghany** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan sudah tiga cadangan telah dibuat oleh syarikat-syarikat swasta negara untuk saham-saham yang telah digantung di pasaran CLOB, adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk memberi tempoh waktu dan tempoh bilangan cadangan untuk menyelesaikan masalah CLOB ini.

Dato' Mohamed Nazri bin Abdul Aziz : Tuan Yang di-Pertua, Central Limit Order Book System (CLOB) adalah pasaran saham atas kaunter, dengan izin, over the counter yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia tetapi telah diwujudkan oleh Bursa Saham Singapura. Dagangan saham di CLOB telah dihentikan pada 15 September 1998. Penyelesaian masalah saham CLOB adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Singapura dan pelabur yang terlibat. Kerajaan Malaysia tidak terlibat dengan sebarang cadangan penyelesaian tetapi berharap masalah ini dapat diselesaikan dengan segera. Beberapa pihak swasta telah mengumumkan minat masing-masing untuk menyelesaikan isu saham-saham CLOB dan terpulanglah kepada Kerajaan Singapura dan pelabur-pelabur CLOB untuk menimbangkan cadangan tersebut.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan

tambahan saya, kerajaan telah menegaskan berkali-kali bahawa masalah CLOB ialah masalah Kerajaan Singapura. Saya hendak dapatkan maklumat berkenaan dengan kesan kepada ekonomi negara kita dan kepada pelabur-pelabur itu sendiri. Berapakah jumlah pelabur-pelabur Malaysia yang terlibat dengan CLOB ini dan bagaimana kesan dari segi ekonomi negara kita?.

Dato' Mohamed Nazri bin Abdul Aziz : Ada juga pelabur-pelabur Malaysia yang terlibat dalam soal CLOB ini, tetapi mereka tahu bahawa CLOB bukanlah satu kaunter yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Maka apabila mereka melabur di dalam CLOB, mereka melabur dengan pengetahuan bahawa ini ialah pasaran gelap. Jadi kalau mereka menghadapi apa-apa masalah itu adalah di atas pilihan mereka. Walau bagaimanapun, saya ingin mengatakan di sini walaupun CLOB ini merupakan satu masalah tetapi sukacita dimaklumkan bahawa dalam Bursa Saham Malaysia ini banyak wang daripada Singapura masih lagi dilaburkan di dalam KLSE kita. Ini menunjukkan bahawa CLOB ini walaupun menjadi satu isu di antara Singapura dan Malaysia namun ia tidak menjejaskan pelaburan yang dibuat oleh pelabur Singapura dalam KLSE. Itu daripada segi pelabur Singapura.

Daripada segi pelabur antarabangsa, ia langsung tidak menjadi masalah kerana kita lihat sejak 15 Februari, akaun luar yang telah dibuka oleh pelabur-pelabur asing telah meningkat daripada 2,000 kepada 7,500 dan kemasukan pelaburan luar untuk portfolio dalam akaun luar kita yang melabur dalam KLSE telah meningkat kepada RM4.7 bilion berbanding dengan hanya RM18.53 milion pada 10 Mac. Ini bermakna isu CLOB ini langsung tidak menjadi satu perkara yang boleh menjejaskan keyakinan pelabur luar untuk melabur dalam KLSE.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 64 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

**RANG UNDANG-UNDANG KEISTIMEWAAN DIPLOMATIK
(KONVENSYEN VIENNA) (PINDAAN) 1999**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.05 pagi.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 dibaca untuk kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang perkara-perkara yang ada hubung kait dengan perwakilan diplomatik di Malaysia adalah diperuntukkan dalam dua ordinan yang berasingan iaitu Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 dan Bahagian 5 Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957. Sebelum Akta 1966 digubal peruntukan-peruntukan di Bahagian 2 dan 5 Ordinan 1957 mengenai perwakilan diplomatik adalah terpakai. Akta 1966 digubal untuk memberikan kuat kuasa kepada Konvensyen Vienna mengenai Keistimewaan Diplomatik 1961 setelah Malaysia menyertai, dengan izinnya, konvensyen tersebut pada 9 November 1965. Bahagian 2 Ordinan 1957 kemudiannya dimansuhkan setelah Akta 1966 diluluskan. Walau bagaimanapun, Bahagian 5 Ordinan 1957 yang tidak dimasukkan ke dalam Akta 1966 adalah masih lagi terpakai untuk perwakilan diplomatik sehingga kini.

Oleh yang demikian, cadangan Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999 ini akan memansuhkan Bahagian 5 Ordinan 1957 itu dan menjadikan Akta 1966 lebih komprehensif kerana perkara-perkara yang berhubung kait dengan perwakilan diplomatik akan diperuntukkan di bawah satu akta sahaja.

Dengan berkuatkuasanya Rang undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) Pindaan 1999 akan menjadi Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 lebih komprehensif kerana perkara-perkara yang berhubung kait dengan perwakilan diplomatik akan diperuntukkan di bawah satu akta sahaja. Jadi sehubungan dengan itu juga Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1997 juga dapat dimansuhkan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

11.07 pagi

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pada pagi ini bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan ini terlebih dahulu saya ingin menarik perhatian bahawa rakan kita dalam Dewan ini iaitu Saudara Hamzah bin Mohamad Zain telah pun keluar daripada Parti UMNO dan telah pun masuk ADIL. Tetapi amat malang dan dukacitanya pada diri saya kerana beliau tidak hadir pada hari ini. Sepatutnya dia hadir supaya senang ahli-ahli yang berminat untuk bertanya kepada beliau sama ada beliau betul-betul adil atau tidak adil. Bagi pandangan saya beliau tidak begitu mempunyai keadilan kerana beliau adalah dilantik oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia. Kalau diri saya, kalau sebetul-betulnya adil, saya akan meletakkan jawatan saya dalam Dewan Senat ini. Itu baru dikatakan adil. Tetapi pandangan saya, saya pun berpendapat dengan Yang Berhormat

Senator Rosli dalam akhbar baru-baru ini bahawa tidak mendapat keadilan.

Saya nampak dia tidak begitu adil dalam perkara ini. Saya bukanlah hendak mencabar akan tetapi pendirian amat jelas kalau sesiapa tidak bersetuju dengan orang yang melantik kita sebagai Ahli Dewan Senat, kita harus berhenti. Tetapi saya rasa dia pun tidak berminat untuk duduk di dalam Dewan Senat ini kerana kita sering lihat kadang-kadang dia datang sekejap selepas itu dia tidak datang. Datang pagi, waktu petang pun tidak datang, kecualilah macam setengah-setengah Ahli Yang Berhormat ada urusan-urusan penting dan adalah kadang-kadang pada waktu petang tidak hadir. Tetapi beliau nampak jelas dalam dua tiga tahun ini beliau memang tidak begitu berminat di dalam Dewan Senat iaitu Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengingatkan kepada beliau sekali lagi bahawa berterima kasihlah dan bersyukurlah kepada orang yang melantik beliau sebagai ahli Dewan Senat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1999 ini saya sedikit sebanyak ingin menyentuh bahawa wakil-wakil kita di luar negara ini harus dikemaskinikan, kadangkala apabila wakil-wakil kita ke luar negara, konsul general dan sebagainya kadangkala keadaan tempat itu tidak begitu sesuai. Kadang-kadang ia diletakkan di pinggir-pinggir bandar dan sebagainya dan sukar kepada orang negara ini kalau ada hal untuk pergi mencari.

Saya lihat Konsul General kita di pekan baru terletak jauh di hujung jalan dan depannya pula penuh dengan sampah. Itu baru ini. Jadi tidak menampakkan kebersihan, jika hendak disalahkan perbandaran yang berkenaan pun kita susah juga. Tetapi keadaan tempat itu kalau semua lorong itu lorong sampah diletakkan wakil-wakil negara kita, bila kita datang orang Malaysia ini bersih sedikit, kita lihat pun naik pening.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi kepulauan yang sama ada di lautan India dan Pasifik, saya tengok keadaan ekonomi kita pun sekarang sudah memberangsangkan, kalau boleh kita menempatkan wakil kita yang tetap sebagai

Mauritius dan lagi Maldives. Maldives ini kalau tidak silap pada diri saya diwakili oleh wakil kita daripada Sri Lanka. Jadi dari Sri Lanka inilah mereka membuat perhubungan dengan kerajaan Maldives untuk menguruskan segala-gala urusan antara kerajaan dengan kerajaan. Kadangkala ada sungutan-sungutan yang agak lewat diproses kerana memandangkan dari Sri Lanka juga ke Maldives ini tidak ada jalan darat, hanya jalan udara ataupun jalan laut. Jadi saya rasa kalau keadaan ekonomi negara sudah pulih apalah salahnya kerajaan memikirkan untuk menempatkan seorang wakil kita yang betul-betul boleh bertugas untuk negara.

Maldives ini dengan negara kita adalah rakan kita, kita boleh berkongsi berniaga dengan dia, banyak usaha yang kita telah jalankan dengan Maldives. Begitu juga dengan Mauritius, Mauritius juga sedemikian, kalau saya tidak silap ada juga mempunyai wakil di tempat lain. Jadi seorang wakil untuk bekerja dan bertugas pada satu masa pada dua tempat yang jauh saya rasa amat sukar.

Rang undang-undang ini amat baik saya lihat tadi dan saya teliti bahawa segala-gala pindaan ini amat perlu akan tetapi kerajaan harus peka hanya pindaan akta ini tidak begitu berkesan jika kita tidak laksanakan dengan sepenuhnya. Begitu juga setengah-setengah kedutaan-kedutaan besar kita di luar negara, meskipun kadang-kadang sebagai contoh Pejabat Penerangan Pelancongan kita di luar negara contohnya, kalau lihat memanglah elok, Tourist Information Centre of Malaysia tulis di situ. Akan tetapi apabila kita masuk ke dalam kita lihat semua peralatannya pun kurang, information kurang dan terdapat juga kelemahan-kelemahan yang harus dikemaskinikan.

Saya ingin memberitahu Dewan ini, banyak kali sudah saya sebut di dalam Dewan ini, kadang-kadang sebagai contohnya di London sendiri, kita ingin memperkenalkan budaya kita ke negara luar. Akan tetapi pejabat kita di London itu tidak dilengkapi dengan costume dan sebagainya, sedangkan songkok pun tidak ada. Apa salahnya kita tempah songket, tempah kain batik, tempah kain pelikat untuk anak-anak kita menunjuk kebudayaan. Saya ingat lagi budak-budak penuntut universiti untuk meminjam costume di Jabatan Penerangan Pelancongan,

tidak ada. Adalah satu dua yang sudah tidak boleh dipakai, sudah lusuh dan sebagainya. Kita ada wang, negara kita kaya, bukan negara kita daif sangat. Apa salah ditempah songket dan sebagainya. Terpaksalah setengah itu, kita pun hendak ketawa, Tuan Yang di-Pertua, pakai seluar jeans atas baju Melayu, pakai sampin, bayangkanlah orang Melayu pakai seluar jeans pakai sampin, bolehlah juga dilihat akan tetapi janggal sedikit, apa salah kita bekalkan, kerana JPP juga terletak di bawah kedutaan-kedutaan besar kita. Duta-duta Besar kita kena ambil perhatian, itulah tugas mereka, bukan sahaja menjaga tugas diplomatik. Di mana jabatan-jabatan yang kita letakkan di luar negara harus diambil perhatian, bukan sahaja menguruskan hal-hal imigresen dan sebagainya.

Dan kita lihat juga di beberapa agensi kita seperti kedutaan kita apabila hilang pasport antarabangsa, saya lihat mengambil masa yang lama hingga kadang-kadang dua minggu, kadang-kadang sebulan pun ada. Apa salahnya kalau bahagian yang berkenaan memproses perkara ini secepat dalam masa dua hari, tiga hari, jadi yang menuntut pasport itu tidak terbengkalai perjalanannya. Kalau dia ada proof dia ada kad pengenalan, dia ada surat beranak dan sebagainya yang dikirim oleh keluarga dari sini, kita proses sahaja terus, tetapi ada rungutan juga, sungutan ada yang tunggu sampai satu bulan lebih. Yalah kita faham demi untuk menjaga negara kita supaya tidak sewenang-wenang digunakan peluang-peluang ini, tetapi apa salahnya kalau kita proses dengan cepat, minta kesan perkara ini di negara kita sama ada benar-benarkah dia ini warganegara kita ataupun bukan warganegara kita, apa salahnya kadang-kadang memakan masa lama. Saya rasa perkara ini sepatutnya kedutaan-kedutaan kita, konsul-konsul kita mengambil perhatian yang serius supaya tidak begitu mengambil masa yang lama mengenai perkara yang tersebut.

Saya rasa itulah ucapan saya pada pagi hari ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

11.16 pagi.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999 dan mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana mengemaskinikan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar peranan diplomatik dari segi pembangunan negara amat penting dalam era globalisasi ini kerana kita dapati apabila runtuhnya sempadan antara negara-negara, peranan pegawai-pegawai kita di peringkat antarabangsa bagi menentukan supaya negara kita dengan dasarnya dapat diiktiraf oleh negara-negara community antarabangsa terus dipertingkatkan. Kita dapati baru-baru ini setelah negara kita dilanda dengan kegawatan ekonomi, dari segi imej negara, dari segi pengarang-pengarang surat-surat khabar antarabangsa ini terlalu banyak yang mencaci, mencerca negara kita dengan gambaran-gambaran yang tidak seimbang terutama sekali dari segi kerajaan kita, dari segi pemimpin kita, jadi di sinilah letaknya pegawai-pegawai dipolomatik kita di peringkat Washington ke, di New York ke, di London, Tokyo, di mana-mana sahaja memainkan peranan yang lebih proaktif untuk menjawab mata ke mata, hati ke hati dengan pengarang-pengarang surat-surat khabar media massa antarabangsa ini. Dan mereka kalau sekiranya memerlukan penjelasan yang lebih tepat daripada pihak kerajaan dari segi spiritnya, semangat perjuangannya kalau sekiranya tidak dapat ditanggungjawabkan kepada mereka, kita minta pihak kerajaan mengambil mereka yang berkecimpung dalam politik yang kanan-kanan untuk dijadikan duta-duta besar kita, kerana mereka lebih memafahami dari segi over view, dari segi pandangan yang luas yang diperlukan oleh pucuk pimpinan kita.

Saya rasa sudah sampai masanya kalau dahulu kita dapati di Washington ada bekas-bekas menteri kita dan sebagainya dijadikan duta besar, jadi kali ini kita minta pihak kerajaan menimbangkan semula dari segi untuk kita berdepan dengan secara serius dan mengutarakan pandangan kita, falsafah perjuangan kita kepada negara-negara luar, kita memerlukan mereka yang mempunyai pengalaman lebih

daripada diplomatik, lebih terkeluar daripada ascend diplomasi ianya membabitkan pemikiran perjuangan dan semangat perjuangan.

Jadi di sini saya mengharapkan pihak kerajaan akan mengambil kira apabila untuk menentukan seseorang itu hendak dihantar ke sesuatu tempat dan di sini saya ucapkan tahniah kepada duta besar kita di Washington kerana dalam media massa banyak menangkis pendapat-pendapat Kongres baru-baru ini misalnya yang mengadakan satu kangaroo court, dengan izin, di mana kita sendiri diputuskan dihukum tanpa memanggil Perdana Menteri kita sendiri sudah dijatuhkan hukum oleh Kongres di Amerika dan duta besar kita menjawab dan memberikan penjelasan dan kalau boleh pihak kementerian hari ini bolehlah juga memberi penjelasan apa caranya kita mengatasi masalah kredibiliti, masalah identiti yang kini sering diputarbelitkan oleh media massa yang mempunyai agenda-agenda tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama kita merasakan pihak Kementerian Luar Negeri, Kementerian Dalam Negeri di negara kita ini mengawasi juga dari segi peranan ahli-ahli diplomat antarabangsa yang bermastautin di negara kita. Saya tidak tahulah bagaimana kementerian dapat mengawasi kegiatan-kegiatan kerana kita dapati apabila kita berdepan dengan masalah kegawatan ekonomi baru-baru ini, apabila kita berdepan dengan masalah reformasi jalanan baru-baru ini, kita dapati ada anggota-anggota daripada embassy, pejabat-pejabat kedutaan luar negara di negara kita ini, seolah-olah memainkan peranan membiar dan menggalakkan kegiatan reformasi.

Bahkan Naib Presiden Amerika sendiri dijemput khas datang ke negara kita, kita beri pula penghormatan kepada dia dari segi ucapan utama, dalam satu jamuan makan malam, dengan izin, this is an official state function di mana beliau mengutarakan pendapat supaya reformasi diteruskan untuk untuk menentukan demokrasi wujud di negara kita. Adakah ini tidak melanggar tatasusila diplomasi dan apakah tindakan kita terhadapnya, saya pun tidak tahu, sudah lupa, saya rasa tidak ada tindakan yang tegas yang diambil. Adakah bantahan dibuat terus-

menerus kepada mereka supaya tidak masuk campur di dalam penyelenggaraan negara kita sendiri.

Begitulah juga kemungkinan ada pejabat-pejabat duta asing yang ada bermastautin di negara kita digunakan untuk menjalankan kegiatan yang bertentangan dengan izin, dengan national interest kita. Saya hendak tahu siapa, dari dalam Kementerian Dalam Negerikah, Kementerian Luar Negerikah atau Jabatan Perdana Menteri yang menjalankan tugas bagi menentukan tidak ada pegawai-pegawai di embassy-embassy ini meresap menggalakkan reformasi ataupun menjalankan kegiatan-kegiatan antikerajaan di dalam negara kita ini.

Ini penting, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun mereka ini berselindung di bawah undang-undang Keistimewaan Diplomatik, kita perlu juga mengawasi supaya mereka tidak menyalahgunakan keistimewaan itu untuk menjalankan jarum dan secara tidak langsung memberikan pendapat dari segi kewangan, dari segi pemikiran untuk menjalankan kegiatan-kegiatan antikerajaan. Kerana kita tahu di negara -negara jiran kita sudah wujud di mana peranan negara -negara luar begitu berleluasa sekali sehinggakan ada kerajaan tergugat dengan peranan mereka, iaitu peranan dari segi inteleknya, dari segi pemikiran dan juga dari segi kewangan menular ke negara-negara tertentu untuk menggugat kerajaan yang dipilih. Kita juga dengar dalam media massa kita lihat bagaimana Kerajaan Amerika Syarikat misalnya memberikan peruntukan RM90 juta untuk menjatuhkan Saddam Hussin misalnya. Ini saya rasa melanggar tatasusila diplomasi. Jadi, saya hendak tahulah adakah perkara ini berlaku di negara kita atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, sehubung dengan undang-undang ini juga dan sependapat dengan saudara saya tadi, saya juga ingin menanya pihak kerajaan adakah pihak kerajaan berpuas hati dengan peranan yang dimainkan oleh duta besar kita dan pegawai-pegawainya di peringkat antarabangsa, kerana kita dapati dari segi surat khabar, dari segi media massa tempatan, tidak sampai. Saya baru balik dari Mesir baru-baru ini saya dapati di sana memang tidak ada lagi surat

khobar-surat khobar *Straits Times*, *Utusan Malaysia*, *Berita Harian* dihantar ke sana untuk mereka mengetahui apa yang berlaku. Mungkin perkara ini boleh dapat daripada Internet. Tetapi seperti yang saya nyatakan di Dewan yang mulia ini menerusi Internet kita tidak dapat secara menyeluruh gambaran dan semangat surat khobar itu, the local content tidak dapat, kerana ia dipilih dari secebis sahaja.

Jadi, saya merasakan sungguhpun kita berdepan dengan keadaan kegawatan ekonomi jangan kita kedekut dari segi maklumat-maklumat yang penting. Pelajar-pelajar Malaysia juga inginkan maklumat ini. Di Mesir kita didahului oleh parti pembangkang. Pelajar-pelajar di sana sekarang membaca *Harakah* kerana sebelum itu mereka telah pun bertemu dengan Timbalan Menteri Besar dari Kelantan, PAS saya difahamkan. Kalau kita tidak mengisinya dengan keperluan kita sendiri ianya akan diisi oleh parti-parti pembangkang dan mereka digunakan untuk menghasut kerajaan. Jadi, saya minta peranan kedutaan kita dari segi peringkat negara-negara terutama sekali di mana ramai pelajar kita, mesti kita lengkapkan menerusi syarikat Penerbangan MAS kah kita hantar surat khobar-surat khobar ini, jangan kita tunggu hanya diplomatic bag sahaja yang mungkin datang seminggu atau dua minggu sekali, kita kena hantar cepat-cepat. Kalau perlu ianya di e-mailkan menerusi kapal terbang kita hantar, kerana ini penting untuk menjaga maruah kerajaan itu sendiri.

Pada masa yang sama saya hendak tahu kerana saya tahu sahabat saya Senator Tan Sri Mohd. Khalil, Menteri Penerangan pun ada di sini, adakah kita meletakkan kalau dahulu saya rasa kita ada pegawai-pegawai penerangan khas di peringkat pejabat kedutaan kita. Dalam satu soalan yang saya tanya dahulu dia kata ada seorang-dua sahaja di kedutaan-kedutaan tertentu. Saya merasakan amat perlu sekali tugas-tugas mengurangkan jurang pemisahan antara media massa di mana sahaja kita bertugas dengan pegawai-pegawai kita dengan kepentingan negara kita, kita kena rapatkan dan mereka yang patut merapatkannya ialah pegawai-pegawai penerangan yang diberi tugas khas membantu duta besar kita di kedutaan-kedutaan bagi menangkis dan pada masa yang sama mencerminkan

falsafah perjuangan negara kita supaya ianya tidak diputarbelit oleh mana-mana pihak. Jadi, peranan Kementerian Penerangan di peringkat antarabangsa perlu dipertingkatkanlah kalau boleh. Jadi, saya rasa kalau kita berbuat demikian, insya-Allah apa tohmahan yang diberi, yang dilempar kepada kita dapat kita atasi serta-merta. Kerana kalau ada time lap, kalau ada perbezaan masa antara terkeluarnya tohmahan dengan jawapan kita, impaknya sudah berkurangan. Jadi, kita mahukan instant impact dari segi pembalasan, hujah-hujah yang setanding dari segi intelegnya, setanding dari segi tahapnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita merasakan peranan rang undang-undang ini dua hala, pertamanya peranan duta-duta kita di peringkat antarabangsa dan pada masa yang sama bagaimana kita mengawasi peranan yang dijalankan oleh duta-duta atau pejabat-pejabat kedutaan di negara kita sendiri bagi semata-mata untuk menentukan negara kita, kerajaan kita terpelihara daripada tercemar dengan dakyah-dakyah dan tohmahan-tohmahan. Saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno.

11.22 pagi.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut bangun dan turut mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999. Pertama, kita sedia maklum bahawa peranan aktif para diplomatik adalah amat penting dan merupakan salah satu bagi kita untuk memperbetulkan segala tohmahan-tohmahan yang tidak benar yang menjadikan kadang-kadang negara kita ini seolah-olah sentiasa tidak betul. Walhal dalam keadaan banyak hal negara kita dengan begitu cemerlang telah mendahului negara-negara lain dalam beberapa hal terutama dalam Multimedia Super Corridor (MSC).

Saya lihat bahawa semangat patriotik yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi kepada dua duta besar yang sering kita baca melalui surat khabar daripada New York, dan satu ketika dahulu daripada Paris. Kemudian

selepas duta kita daripada Paris kita tidak mengetahui lagi kecuali duta kita di Washington, apakah perkembangan di negara-negara di mana mereka menjadi duta dan apakah cadangan-cadangan atau pandangan-pandangan yang mereka telah sebar luaskan melalui surat khabar kepada kita dan saya yakin kepada akhbar-akhbar atau media massa di mana mereka ditugaskan.

Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999 ini saya rasa telah sampai waktunya bagi wakil-wakil kita di luar negara untuk melihat kembali. Barangkali yang dilantik, saya masih teringat semasa perhimpunan Agung UMNO Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz telah mencadangkan kepada kerajaan melalui perhimpunan itu agar para duta besar ataupun para diplomat kita yang akan kita lantik, berilah keutamaan kepada orang-orang yang boleh menyampaikan mesej, yang boleh bercakap, yang boleh menjadi duta, yang boleh memperjelaskan secara terperinci mengenai dengan perkembangan negara kita, pemantauan perkara-perkara yang sepatutnya dipantau dan sudah tentunyalah orang-orang politik tidak akan dikecualikan daripada memegang jawatan ini.

Demikian juga, ramai pemimpin yang telah menjadi Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat yang mana mereka ini telah terbiar begitu sahaja. Saya percaya seandainya mereka ini diberi peluang, diberi ruang untuk menjadi duta di mana-mana mereka akan menjalankan tugas mereka dengan lebih cemerlang sebab mereka mengetahui sedikit-sebanyak tentang masalah negara. Begitu juga barangkali kita perlu menimbang kepada beberapa sasterawan kita, tidak kepada sasterawan penulis buku *Shit* dan sasterawan-sasterawan yang lebih kurang dengan beliau, tetapi perlu kita ambil mereka yang memahami tentang hasrat, tentang bagaimana usaha kerajaan selama ini menjadikan rakyat Malaysia sebagai model kepada negara-negara luar.

Kita sedia maklum bahawa untuk menjadi duta bukanlah perkara yang mudah. Maka itu saya ingin cadangkan kalau boleh salah satu syarat seorang duta itu menjadi duta sebelum mereka menjadi duta ada baiknya diberi kursus, sebagai

contoh hospitality management tourism, dengan izin, yang dianjurkan oleh ITM atau Sunway Kolej di negara kita dan berapa kolej lagi diperkenalkan atau diberikan kepada mereka agar mereka barangkali seperti kita orang-orang politik ada yang tidak tahu mengenai ini apabila diberi peluang untuk menjadi duta sedikit-sebanyak mereka tahu bagaimana untuk mengendalikan tugas yang diberikan kepada mereka.

Baru-baru ini kita berpeluang melalui CPA, seramai 18 ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat melawat ke Gibraltar untuk menjadi pemerhati. Selepas itu para Ahli Parlimen ini berpeluang melawat ke sebuah negara yang saya percaya menurut yang kita dengar daripada pemandu pelancong, negara Spanyol merupakan negara yang kedua teramai pelancong selepas Amerika. Kalau tidak silap saya penduduk Spanyol lebih kurang 45 juta. Saya ingin Yang Berhormat Puan Mastika perbetulkan jika saya tidak berapa tepat, dan pelancong yang datang melawat ke Spanyol lebih kurang 65 juta, nombor dua selepas Amerika. Jadi, kita dapat melihat bahawa cara pemandu pelancong ini memberi penjelasan, memberi penerangan kepada setiap pelancong begitu menarik.

Saya pernah mengikut satu lawatan di negeri Sabah, di tempat saya sendiri di mana pelancong kita jika saya bandingkan dengan pemandu pelancong daripada China – suatu masa dahulu saya mengikuti rombongan ke China, kemudian ke Spanyol jika dibandingkan dengan kedua-dua pemandu pelancong ini kita amat jauh ketinggalan. Malangnya di Semenanjung ini saya pernah sekali tetapi tidaklah sehebat seperti pelancong yang ada di Spanyol dan China yang mana kita boleh ikut serta, kita boleh mempelajari bagaimana mereka membawa pelancong itu dengan style tersendiri, kalau boleh dibawa di setiap tempat yang menarik sama ada di kraftangan, penternakan mutiara, tempat shopping dan macam-macam, setiap apa yang kita lalui di situ pemandu pelancong ini sentiasa memberi penjelasan satu persatu seolah-olah kita tahu semua mengenai dengan negara yang kita lawati. Misalnya, kalau di Sabah, ‘sekarang kita berada di Kota Kinabalu, kita akan melancong ke Gunung Kinabalu’ dan di sepanjang jalan itu tidak ada lagi

cerita, bila sampai ke Gunung Kinabalu diberitahu ' inilah Gunung Kinabalu, ini perkara yang tidak boleh dibuat dan sebagainya. Begitu hambar saya rasa.

Jadi, saya fikir ini bukan kesilapan daripada pemandu pelancong kita tetapi mungkin kerana kekurangan bimbingan. Saya sebut ini kerana saya lihat Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, kementerian yang ada termasuk duta-duta, termasuk kakitangan diplomat kita mereka juga perlu diberi sedikit-sebanyak mengenai dengan cara memperjelaskan sesuatu mengenai dengan negara kita. Saya juga mendapat tahu bahawa salah satu syarat untuk menjadi pemandu pelancong di Spanyol dia mesti ada B.A Honours, dia mesti degree holder baru boleh. Kalau tidak lulus, mereka ini tidak akan dibenarkan menjadi pemandu pelancong. Begitu juga di China yang saya lihat bahawa mereka juga mempunyai kelulusan yang sama dengan tempat lain. Di Malaysia saya ingin bertanya dengan kementerian walaupun ini agak terkeluar sedikit, tetapi saya ingin bertanya apakah syarat kelulusan yang diberikan kepada para pemandu pelancong kita sama ada sama dengan negara-negara luar, kalau tidak saya ingin mencadangkan supaya syarat itu perlulah diketatkan ataupun perlulah diinsentifkan kursus kepada para pelancong kita yang sedia ada.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan Malaysia kerana sudah sampai waktunya saya melihat tadi Menteri Penerangan kita ada walaupun sekarang beliau tidak ada tetapi saya percaya pegawai-pegawai atau kakitangan kerajaan yang lain akan mencatatnya, di mana satu ketika dahulu Dewan ini pernah disajikan dengan pelbagai cadangan iaitu kalau BBC London boleh beroperasi atau Good Morning Vietnam ada satu ketika saya menonton filem ini atau barangkali kalau boleh duta-duta kita bagaimana supaya kita boleh buat Good Morning Malaysia ataupun seperti yang dibuat oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, 'Kenali Malaysia, Cintai Malaysia' dan inilah tugas yang perlu dibuat.

Semasa kita berada di Madrid kita berterima kasih kepada kakitangan kedutaan di mana mereka menyambut kita, cuma sambutan yang mereka adakan

ini mungkin kerana terlalu sibuk, tetapi saya nampak terlalu sibuk itu untuk berapa lama. Kalau kita sibuk memang sebagai manusia yang sihat walafiat kesibukan memang ada di mana-mana. Apa salahnya 18 Ahli Parlimen daripada Malaysia ini semasa itu berilah mereka dua atau tiga hari untuk sama-sama perjumpa satu persatu macam yang dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen kita yang diketuai oleh Yang Berhormat Puan Rohani daripada Sarawak di mana beliau membawa risalah mengenai negara kita Malaysia, di mana kita berada kita edarkan. Saya rasa kerajaan juga harus melihat perkara ini dan saya ingat ini peluang keemasan kita untuk mengambil risalah-risalah atau apa juga yang perlu kita sebarkan luas kepada negara-negara terutama kepada ahli CPA yang berpeluang melawat di negara di seluruh dunia untuk membawa apa-apa yang patut diberikan kepada rakan-rakan mereka.

Semasa di Gibraltar kita berpeluang berjumpa dengan CPA di seluruh dunia dan kita sempat membahagi-bahagikan risalah serta memberikan lencana 'Melawat Malaysia'. Saya rasa ini satu langkah yang cukup bagus dan bila saya tanya kedutaan kita di sana dia kata kita tidak ada bahan-bahan ini. Jadi, tepat dan benarlah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bahawa kadang-kadang para kakitangan duta kita di sana ataupun diplomat kita di situ mungkin tidak begitu aktif, saya tidak tahu apa sebabnya, tetapi memang tepat di London sendiri pun *Harakah* lebih dahulu sampai daripada *Berita Harian*, *Utusan Malaysia* dan sebagainya. Saya percaya telah mendapat tempat di dalam fikiran Menteri Penerangan kita, begitu dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan kalau boleh kita minta supaya peranan yang lebih berkesan, saya yakin dengan kebolehan Yang Berhormat Tan Sri Mohd. Khalil Yaakob secara kebetulan bapa angkat UMNO Keningau yang mana beliau mempunyai pelbagai idea, kalau dapat CNBC yang bermula dengan pejabat yang kecil, begitu dengan CNN yang bermula dengan pejabat kecil sudah sampai waktunya, bukanlah kita berhasrat untuk menjadi juara dunia tetapi sekurang-kurangnya kita dapat memantau, kita dapat memperbetulkan segala tohmahan, segala tuduhan seperti

yang sering kita baca Malaysia menjadi mangsa oleh negara-negara Barat yang sentiasa cemburukan kejayaan negara kita yang tercinta ini. Saya yakin bahawa perkara-perkara ataupun surat khabar ini adalah merupakan nadi untuk memperbetulkan suasana ini. Satu ketika dahulu semasa mengerjakan ibadah haji saya berkesempatan berjumpa dengan para pelajar Malaysia di Universiti Madinah.

Kemudian bila saya sampai ke tempat itu, orang yang dahulu menyambut saya dan rakan-rakan saya adalah pelajar-pelajar pro PAS, datang sahaja, mereka memberi salam kepada kita, kemudian dia beritahu saya dari negeri ini, ayah saya orang kuat PAS pembangkang, dia tidak sebut pembangkanglah, tetapi dia beritahu begitu dengan rakan-rakannya yang tidak tahu berapa ramai di situ.

Jadi, saya tanya, fasal waktu itu tahun 1991, UMNO belum dikembangkan ke Sabah, jadi saya melihat bahawa mereka mempunyai tarikan tersendiri sebab kita bila berada di luar negara, kita rasa bersendirian, bila ada rakan kita daripada negara Malaysia, oh dari Malaysia, wah begitu rapat, begitu intim sehinggakan mereka membawa minuman.

Saya lihat orang-orang Barisan Nasional khususnya UMNO tidak ada seorang pun yang berani menyatakan bahawa mereka itu UMNO, tetapi barangkali senario itu, tahun 1991 dan berkat daripada usaha Kerajaan Barisan Nasional, di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, mungkin ianya telah berubah dan pada pandangan saya secara peribadi, memang telah sampai waktunya orang-orang Barisan Nasional ini khususnya orang-orang UMNO, pemimpin-pemimpin atasan kita, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional kita apabila sahaja berpeluang untuk melawat ke negara-negara, diatur dengan diplomat, ini bukan mengajar itik berenang, tetapi barangkali sama-sama untuk memperingatkan, menunjukkan mana lagi kolam yang belum direnangi, untuk bersama-sama dengan duta besar, adakan perjumpaan, sama ada secara bersendirian atau secara bersama-sama dengan duta ini, dengan pelajar-pelajar kita, tidak kira dia pembangkang atau siapakah, saya teringat kisah mantan Ketua Menteri Sabah,

Yang Amat Berhormat Dato' Yong Teck Lee, semasa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, semasa beliau menjadi Menteri Pendidikan, beliau melawat ke Hong Kong dan ke London dan berjumpa dengan pelajar-pelajar Malaysia dan salah seorang daripada pelajar, aktivitis pelajar Malaysia waktu itulah Yang Berhormat Dato' Yong Tech Lee dan beliau adalah antara orang yang memberi soalan yang agak negatif kepada Perdana Menteri kita pada masa itu.

Tetapi hari ini, kerana salah satu dari pendekatan yang kita buat, yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional, akhirnya mereka yang begitu agresif, yang cuba menentang kerajaan pada waktu itu, hari ini mereka menjadi sahabat, malah menjadi salah seorang dari pemimpin Barisan Nasional.

Saya yakin pendekatan terbaik, yang boleh kita buat sama ada di luar negara ataupun di dalam negeri ialah menemui para pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi. Orang-orang tua kita berkata, tidak kenal maka tidak cinta. Kecintaan ini, masalah ini atau perkara yang patut mereka luahkan kita terima secara positif dan kita cari jalan bagaimana untuk mengatasi perkara ini.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi kerana beliau telah memperkenalkan pelbagai cara untuk mendekati para pelajar kita untuk memberi penjelasan sejelas-jelasnya mengenai dengan tohmahan parti pembangkang, mengenai dengan komen-komen ataupun tuduhan liar yang dilemparkan oleh pemimpin-pemimpin parti pembangkang.

Dengan kelantangan beliau, dengan penjelasan satu demi satu, saya yakin dan percaya, insya-Allah Barisan Nasional akan memenangi 2/3 kerusi pada pilihan raya yang akan datang.

Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz agar para diplomat yang kita hantar ini ada sahaja suara-suara sumbang yang menentang kerajaan panggil mereka, beri penjelasan, tanya mereka bagaimana keadaan seumpama ini.

Kalaulah kita mempunyai duta seperti yang ada di New York hari ini, alangkah hebatnya kita. Tidak ada masalah saya nampak, sebab sebelum datang ke negara kita, mereka sudah memberi penjelasan lebih awal dan kalau penjelasan lebih awal ini telah diberikan kepada masyarakat antarabangsa di mana mereka ditugaskan, saya tidak nampak apa masalahnya, face to face, dengan izin, mata dengan mata atau pemimpin-pemimpin, atau duta kita adakan perjumpaan dengan pemimpin di situ atau mana kumpulan yang agresif, yang negatif pandangannya terhadap negara kita termasuk negara Australia.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan memilih duta-duta yang hebat-hebat, yang kalau boleh saya panggil first class di negara-negara yang sentiasa menghentam Kerajaan Malaysia termasuk Australia, Amerika Syarikat okaylah saya ingat, London dan beberapa negara lagi yang tidak ingin melihat, sebenarnya mereka ini cemburu dengan kejayaan kita. Sebuah negara kecil seperti kita Malaysia, dengan kejayaan yang tiba-tiba begitu melonjak, saya tinggal di Dynasty Hotel berjumpa dengan orang Sweden pagi tadi dan beliau membuat business dalam bidang kenderaan. Saya sahaja tanyalah, saya kata: “Negara saudara lebih maju daripada negara kami.” Dia kata: “Oh, tidak, sekarang Malaysia lagi cepat daripada negara kami.” Ini orang Sweden yang tinggal di Dynasty Hotel, sama-sama daripada Tingkat 18 turun ke bawah, beliau menyatakan kekagumannya, kepimpinan Yang Amat Berhormat, Kerajaan Barisan Nasional yang ada dengan pelbagai rancangan untuk memajukan negara kita.

Jadi, kalau orang luar pun sudah ada ciri-ciri positif melihat negara kita, saya yakin seandainya kakitangan diplomat kita barangkali perlu ditambah kalau kurang. Saya bersetuju kita jangan terlalu lokek untuk membelanjakan wang bagi tujuan ini.

Saya ingin mencadangkan kalau boleh di mana juga duta kita berada, apa salah kerajaan ambil penulis khas, kalau barangkali duta itu tidak begitu mahir dalam menulis ataupun apa juga, kita minta penulis-penulis kita ataupun reporter khas kita dua atau tiga orang kalau tidak ambil pelajar di bidang yang sesuai,

sambil menyelam sambil minum air, sambil belajar, sambil memberi penjelasan kepada negara di mana dia ditugaskan dan saya berkesempatan bersama dengan Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah semasa melawat Turki, bila kita sampai di Turki, bahasa apa yang kita tahu di Turki, kita pun melihat dan kita kagum dengan seni Islamnya, seni bangunan-bangunan yang telah ditinggalkan oleh Sultan Salehuddin Al Ayyubi dan pemimpin-pemimpin sebelum beliau, ada lima orang pelajar di situ yang ditaja oleh kalau tidak silap saya oleh Utusan Malaysia dan dua orang ditaja oleh MARA.

Jadi, mereka ini bila tahu bahawa ada rombongan daripada Malaysia datang, mereka bersama-sama dengan kita daripada awal sampai akhir. Saya rasa ini yang, dengan izin, orang Sabah bilang 'ngam'. Ini yang tepat, sekurang-kurangnya mereka boleh memperjelaskan kepada kita, ini yang boleh dan ini yang tidak boleh, begini keadaannya, ini dia, bagaimana keadaan politik di Turki, bagaimana pandangan mereka terhadap orang-orang Malaysia, bagaimana sambutan mereka terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Mereka perjelaskan kepada rakyat Turki, dan orang-orang Turki, negara Turki antara negara yang mengagumi kepimpinan Perdana Menteri kita dan negara Malaysia kita yang diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Jadi, kalau dapat kerajaan menimbang setiap di mana ada duta kita, setiap di mana ada kakitangan diplomat kita, barangkali ambil empat atau lima orang atau tiga orang, kalau pun kerajaan barangkali memikirkan bahawa perbelanjaannya agak besar, cari mana-mana korszortium, cari mana-mana syarikat yang sedia untuk membiayai macam Petronas atau Shell atau mana-mana lagi. Okay, taja mereka sama ada dua atau tiga orang atau berapa yang termampu disetiap negara.

Baru-baru ini saya baca melalui surat khabar di mana bahasa Melayu ini, bahasa nusantara ini sudah diperluaskan sehingga diadakan di Rusia, sampai begitu hebat dan kalau dapat saya ingin mencadangkan supaya di mana juga ada duta kita yang ditugaskan ataupun diplomat kita yang ditugaskan, ambil pula anak-

anak mereka yang kita pilih sendiri, yang memang cukup intelek, yang cukup pandai memenuhi syarat yang akan kita kenakan untuk belajar di universiti kita, seperti Universiti Islam Antarabangsa ataupun Universiti Malaya atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang kita fikirkan sesuai, sekarang kita ada Multimedia Super Corridor (MSC), kita ada Universiti Teknologi Malaysia dan di mana-mana kita ambil mereka supaya bila mereka sampai ke sini, sudah tentunya memang lebih awal lagi kita akan diberikan orientasi, pengenalan mengenai negara kita dan apabila mereka balik ke negara mereka, mereka akan perjelaskan setiap apa isu yang berlaku di sini terutama daripada negara-negara luar yang cemburu dengan kejayaan kita, mereka secara automatik akan defend, dengan izin, negara kita. Akan memperjelaskan kedudukan yang sebenar kepada negara kita.

Saya juga berpeluang bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa melawat ke Lebanon. Saya tidak berapa pasti sama ada duta itu warga negara Malaysia, tetapi kalau menurut pengamatan saya, sebab saya tidak berkesempatan bercerita dengan beliau waktu itu, duta itu macam daripada negara Lebanon sendiri. Saya tidak tahu apa sebab orang Lebanon itu barangkali sudah jadi warga negara Malaysia menjadi duta, saya ingat bagus juga begitu. Boleh juga untuk tempat-tempat tertentu tetapi barangkali lebih bagus kalau ada orang Malaysia yang saya bilang itu, ada lima orang, keluaran dari Universiti Lebanon, bila dia keluar di sini, dia mengikutinya ataupun menyokong kerajaan yang ada, barangkali ada waktu kita ambil mereka untuk ditugaskan di sana dan lagi baik kalau orang yang memahami, yang boleh bertutur dalam bahasa tempatan, bahasa negara-negara di mana mereka ditugaskan dapat ditempatkan di situ dan merekalah yang menjadi duta kita dalam segala hal.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbincangan saya mengenai dengan Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna)(Pindaan) 1999 ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan atas pindaan rang undang-undang ini, mudah-mudahan juga Kementerian Penerangan dalam masa yang sama akan memikirkan bagaimana

supaya Suara Malaysia sama ada melalui media massa, TV, radio, surat khabar dan sebagainya akan dapat dipercepatkan secepat mungkin sebagaimana satu perkara yang agak kecil tetapi kesannya begitu besar di dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, selama ini UMNO apabila bersidang hanya dikumandangkan Lagu UMNO, kali ini kita telah dihidangkan dengan dua lagu iaitu Lagu UMNO itu sendiri dan Lagu Barisan Nasional.

Saya ingat ini sangat penting dan saya mendoakan agar negara Malaysia akan terus cemerlang dan tahniah atas segala-gala yang telah disumbangkan oleh Kerajaan Malaysia dan sumbangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Dengan ini, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jamilah.

11.51 pagi

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga turut bangun bagi mengambil bahagian dan memberi pandangan dalam Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999.

Saya turut mengambil bahagian dalam waktu yang paling ringkas untuk memberi sedikit pandangan kepada tenaga-tenaga duta serta pegawai-pegawai yang telah dilantik oleh pihak kerajaan mewakili negara kita yang berada di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengutarakan dalam bidang-bidang tertentu secara umum iaitu saya tidak selalu pergi ke luar negara, lainlah dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada dalam Dewan ini, walau bagaimanapun, saya tidak juga ketinggalan.

Jadi, secara selayang pandang, saya juga bertemu dengan anggota kedutaan ataupun pegawai-pegawai yang berkhidmat di sana, yang saya rasa kalau saya mengutarakan pandangan ini tidak keterlaluan kerana saya merasakan mereka yang berada di sana tidak banyak kerja dan tidak banyak rakyat yang mengganggu, tidak ada gangguan dari kaum keluarga. Jadi, kebanyakan di antara

mereka menggunakan masa untuk vacation, shopping, main golf dan sedikit-sedikit melaksanakan tugas yang berpatutan.

Jadi, sedangkan masalah pelajar-pelajar kita yang berkeluarga dan masalah rakyat yang banyak di perantauan di mana mereka perlu memberikan kemesraan, memberi layanan, kasih sayang bagi mewakili kaum keluarga mereka yang berada di tanah air untuk memahami masalah yang saya rasa tidak kurang, masalah-masalah dari segi ekonominya, dari segi kesihatannya, yang memerlukan kepada pemerhatian yang serius daripada kakitangan dan juga daripada pihak kedutaan sendiri. Saya juga mempunyai pengalaman semasa saya berada di luar negara kerana ada seorang pelajar yang mengambil kesempatan mungkin terdesak dan sebagainya mencuri. Jadi sistem bank di luar negara, di Amerika Syarikat lain daripada sistem bank di sini, dari segi operasinya mudah.

Jadi, dapat dikesan, maka saya juga terlibat di dalam mengadu perkara ini kepada pihak pegawai yang berkenaan tetapi rasa saya cukup lambat respond yang diberikan, itu pengalaman saya.

Jadi, dengan sebab itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan, kiranya kalau hendak menghantar duta-duta ataupun kakitangan di kedutaan itu sendiri, hendaklah dipastikan mereka yang mempunyai personaliti yang baik, rajin, kreatif, beramanah, paling penting di sana adalah bertakwa.

Dengan cara yang begini, mereka dapat melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab kepada diri mereka, negara mereka dan rakyat yang sepatutnya mereka beri perhatian dengan seriusnya. Itu sahajalah pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih.

TimbalanYang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah.

11.55 pagi

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga turut bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang telah pun dapat membentangkan rang undang-undang ini.

Kedudukan pegawai-pegawai diplomatik di luar negara adalah merupakan satu kedudukan yang penting kepada negara kita sendiri kerana kita tahu bahawa Malaysia yang merupakan salah sebuah daripada negara di dunia yang mempunyai rakan dan kawan daripada negara-negara di seluruh dunia.

Bagi saya perkara ini adalah perkara yang penting dan kita telah mendengar pandangan yang telah dikemukakan oleh kawan-kawan Ahli Yang Berhormat bukan sahaja pada hari ini tetapi pada persidangan-persidangan yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang begitu istimewa. Saya sebagai rakyat Malaysia, saya merasakan begitu bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana kita dilahirkan di dalam sebuah negara yang biarpun kecil tetapi telah membuktikan satu pencapaian yang begitu berjaya di dalam dunia sejagat ini.

Saya kira, penampilan negara Malaysia di mata dunia bukanlah merupakan satu penampilan yang membosankan, bukanlah satu penampilan yang bermasalah untuk kita tampilkan di peringkat dunia, cuma kemungkinan ada perkara-perkara ataupun ada ruang-ruang yang perlu diberi perhatian supaya apa yang kita capai di negara kita ini dapat benar-benar ditampikan kepada mata dunia keseluruhannya.

Kita bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana kita mempunyai Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang begitu bertenaga, berkeupayaan, bukan sahaja mampu menjana negara Malaysia yang baru merdeka 42 tahun, mampu menjana kejayaan-kejayaan di negara, tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah pun membuka mata dunia untuk mengenali Malaysia.

Kalau dahulu disebut Malaysia, orang-orang di luar negara bertanya: “Di mana Malaysia, near to Singapore or somewhere in Asia?” dengan izin, tetapi hari ini bila kita menyebut Malaysia di luar negara, sebagaimana Yang Berhormat Datuk Haji Sairin, kita pergi ke Gibraltar baru-baru ini, kita menyebut Malaysia, mereka akan sejajar dengan nama Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Dr. Mahathir, malah mereka menyebut, “Mahathir!”

Ini adalah satu bukti menunjukkan bahawa dalam masa 42 tahun kita mencapai kemerdekaan, kita telah dapat menjana satu pembangunan yang begitu berjaya, malahan kita harus melihat konsep yang kita laksanakan di Malaysia adalah merupakan satu konsep kehidupan manusia sejagat, yang saya rasa hari ini telah pun menjadi satu konsep yang boleh dilihat oleh semua pihak.

Baru-baru ini kita ada persidangan di Langkawi mengenai perkongsian bijak. Inilah satu konsep yang dibawa oleh Malaysia, malahan negara kita mencapai kemerdekaan di mana konsep yang kita laksanakan, perpaduan kaum, perkongsian di antara kaum dalam negara kita, kehidupan yang tulus ikhlas yang kita laksanakan di antara penduduk-penduduk di negara Malaysia itu adalah merupakan satu falsafah kehidupan yang merentasi pencapaian kemajuan umat sejagat.

Ini saya kira adalah satu pencapaian yang tidak boleh dinafikan. Malahan hari ini, kalau saya berdiri di sini, salah seorang daripada pendukung Barisan Nasional, kita bangga kerana kita ada 14 parti di dalam Barisan Nasional yang telah diberi kepercayaan oleh kerajaan, selama ini kita telah dapat bukan sahaja kita mendapatkan kuasa daripada rakyat, yang diberi kepercayaan oleh rakyat 2/3 tetapi kita telah menggunakan kuasa itu untuk membangunkan negara kita.

Saya meyebut tadi, kita telah merdeka 42 tahun, kita telah mendapat pencapaian-pencapaian yang begitu hebat kerana walupun saya berpeluang jugalah sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Jamilah tadi, beliau tidak berpeluang, tetapi saya dengar ada juga pergi ke luar negara. Saya alhamdulillah, diberi peluang oleh pihak Parlimen dan juga oleh pihak kerajaan.

Saya pernah mengikuti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke South Africa, saya berpeluang hadir conference dua kali, sekali di Islamabad, sekali di China dan baru-baru ini saya berpeluang pergi ke Gibraltar mewakili Parlimen melihat persidangan di kepulauan kecil Mediterranean.

Jadi, dalam peluang baru-baru ini bila kami pergi ke Spain, sebuah negara yang begitu lama melalui kehidupan dan tamadun yang berbeza-beza, kami telah melawat sejarah-sejarah peninggalan Kerajaan Bani Abassiah pada tahun 1511 sehingga tahun 1514 - 700 tahun sebenarnya, saya tidak ingat tahun itu daripada tahun bila tetapi ia merentasi tahun 1511, 700 tahun Kerajaan Bani Abassiah bertapak di Sepanyol. Mereka telah membuat kemajuan-kemajuan yang kita lihat daripada sains, teknologi yang begitu tinggi, pencapaian-pencapaiannya memang kita melihat begitu kagum, namun saya lebih kagum lagi kepada negara kita Malaysia.

Dalam masa 42 tahun kita merdeka, kita telah dapat membuat bangunan yang begitu tinggi di dunia. Hari ini memang Amerika bercadang untuk mewujudkan bangunan yang lebih tinggi tetapi belum lagi dapat. Kita Malaysia negara yang kecil dalam dunia ini, negara yang hidup aman dan damai berbilang kaum, kita telah dapat membuat bangunan yang tinggi, kita telah dapat menguruskan infrastruktur negara kita dengan begitu baik, kita telah dapat mengadakan Jambatan Pulau Pinang, kita mengadakan lebuh raya, malah baru-baru ini Ahli-ahli Dewan Negara dan juga Ahli-ahli Dewan Rakyat telah pun dibawa ke Putrajaya.

Saya rasa pencapaian dan juga satu pemikiran yang membina Putrajaya ini adalah satu pemikiran yang mengangkat martabat bangsa kita ke satu tahap martabat bangsa yang maju dan bertamadun. Saya kira semua pihak yang hadir ataupun yang melihat Putrajaya itu sendiri akan mengagumi kemampuan dan kebolehan bangsa kita, malah lebih-lebih lagi kalau kita diberi taklimat bagaimana Putrajaya ini dibina. Kita akan merasakan bahawa kita akan melakukan apa sahaja untuk memastikan supaya cita-cita dan juga hasrat untuk mewujudkan bandar

yang menjana pentadbiran di negara kita di Putrajaya ini akan dapat dilaksanakan, tidak ada sesiapa pun pada pandangan saya, yang hadir di Putrajaya, yang mendengar taklimat bagaimana cetusan idea Putrajaya ini diwujudkan, bagaimana Putrajaya ini dibina dan apa wawasannya pada masa akan datang, tidak ada seorang pun rakyat Malaysia yang akan mengizinkan projek ini tidak terlaksana, pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita melihat pencapaian-pencapaian yang lain dari segi penyusunan ekonomi, kita telah dapat menyusun ekonomi. Kalau dahulu kaum India di estet, kaum Melayu dengan pertaniannya, kaum Cina dengan perniagaannya, hari ini kita telah dapat menyusun semula masyarakat dengan begitu baik. Malahan pencapaian pendidikan di negara kita kalau kita lihat apa yang telah pun dicapai, pembangunan yang dicapai di negara kita tidak dapat dinafikan ia adalah kejayaan pencapaian Dasar Pendidikan itu sendiri yang mana sebahagian besar daripada kita, kebanyakan kita yang ada di zaman dan dekad yang ada hari ini mencapai kedudukan yang kita ada hari ini kerana kejayaan kerajaan menjana sistem pendidikan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak kejayaan yang telah kita laksanakan dan kita tidak dapat menafikan banyak pengorbanan yang telah dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin di negara kita. Malah ramai pemimpin negara kita yang boleh kita labelkan sebagai wira-wira yang telah membawa kemajuan dan juga pencapaian tamadun rakyat Malaysia yang dapat kita capai hari ini.

Oleh yang demikian, bagi kita yang menghayati keadaan ini semua, kita sudah tentu merasakan kenapa ada lagi pihak-pihak luar, kenapa masih ada lagi pihak-pihak di Barat sana yang melabelkan kita dengan pelbagai label. Malah, ada juga di dalam negara kita yang sanggup melabelkan kepimpinan kita sebagai "Firaun".

Saya sebenarnya sebagaimana yang saya sebut di Dewan ini, saya pernah berkursus, bukan belajar, berkursus di Mesir selama 3 bulan. Saya berkursus di

University of Cairo, saya melawat dan juga belajar di Universiti Al-Azhar sebentar dan saya melihat kehidupan di negara Mesir itu sendiri. Saya memang bersetujulah dengan sebahagian apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Jamilah tadi tetapi sebahagiannya saya tidak setuju. Kenyataan yang menyebutkan bahawa duta-duta kita cuma berada di luar negeri, dengan izin, vacation, shopping, main golf, saya rasa ini kenyataan yang tidak tepat.

Walaupun saya tidak menyatakan bahawa saya puas hati dengan apa yang telah dibuat oleh kedutaan di luar negara tetapi saya tidak dapat menerima bahawa pegawai-pegawai yang kita hantar daripada negara kita oleh Kementerian Luar Negeri, pergi ke luar negara vacation, shopping dan main golf. Saya tidak tahu kalau misalnya mereka diizinkan untuk mendapat tampuk pemerintahan, mungkin ini pemikiran mereka tetapi pegawai-pegawai kita saya fikir tidak kerana sebagaimana saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berpeluang pergi hampir lima ataupun enam negara.....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Bila Yang Berhormat sebut pasal wakil PAS tadi, saya perhati dua orang ini tidak ada. Adakah Yang Berhormat sedar PAS kata dia hendak keluarkan Perlis daripada Malaysia, biar dia memerintah dan sudah tentu dia terlibat dengan undang-undang hak asasi manusia ini. Lepas itu pula, dia hendak lelong Putrajaya, jadi cuba Yang Berhormat terang sedikit, apa pandangan sebagai wakil rakyat daripada Perlis?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar, saya rasa saya habiskan sekejap ini, saya akan jawab nanti apa yang telah pun disebutkan tadi walaupun perkara itu sebenarnya menghiris perasaan kami rakyat di negeri Perlis.

Saya hendak sebutkan cerita di Mesir tadi itu. Waktu saya di Mesir, saya selalu pergi ke Kedutaan Mesir, malahan saya berpuasa di Mesir dan saya juga berhari raya di Mesir. Itu kali pertama saya berhari raya di luar negara, jauh daripada anak-anak dan keluarga. Kedutaan Mesir begitu mengambil berat bukan

sahaja pelajar tetapi kami pegawai-pegawai kerajaan yang mewakili kementerian pergi berkursus, mereka memang mengambil berat. Malahan saya juga berhari raya bersama-sama dengan Duta Besar di Mesir, buat lemang sama, pelajar-pelajar berpuluh-puluh buah bas datang berhari raya di rumah Kedutaan dan Kedutaan begitu berbesar hati untuk menyambut semua pelajar.

Tetapi masalah yang berlaku di sana bahawa pelajar-pelajar yang belajar di Mesir ini kebanyakan daripada mereka adalah biasiswa kerajaan, ada juga sebahagian besar yang pergi atas urusan bayaran sendiri, mereka telah pun diserongkan pemikiran mereka, mereka menjadi satu “cluster”, dengan izin, satu kumpulan penentang-penentang kerajaan. Malah saya melihat kehidupan pelajar-pelajar di Mesir waktu itu amat menyedihkan di mana mereka belajar di dalam suasana satu masyarakat yang kita tahu Mesir bukan merupakan satu negara yang kaya, miskin, susah dan kadang-kadang masyarakat di sana ada juga “bercakap tidak serupa bikin”, dengan izin, keadaan hidup di sana.

Jadi, saya melihat bahawa mereka yang didatangi oleh pihak parti pembangkang yang tidak membawa pemikiran yang rasional yang selalu membawa isu-isu yang membakar perasaan pelajar-pelajar, menyelewengkan hasrat dan cita-cita pelajar untuk menjadi orang yang berilmu, merosakkan pelajar-pelajar itu sendiri. Saya rasa yang merosakkan pelajar-pelajar ini bukan Kedutaan. Yang merosakkan pelajar-pelajar ini adalah mereka yang mengambil peluang pergi berjumpa dengan pelajar-pelajar di luar negara, memesongkan pemikiran pelajar-pelajar di luar negara sehingga pelajar-pelajar ini ada yang setengahnya gagal dalam peperiksaan.

Kalau mereka balik pun, mereka bukan menjadi pemimpin negara dan mereka tidak dapat menghayati apa yang saya sebutkan tadi, pencapaian-pencapaian negara yang sebenarnya memang kita telah laksanakan tetapi pencapaian yang berlaku ini dihakis, dikikis daripada pemikiran pelajar-pelajar oleh mereka yang pergi ke sana, niatnya cuma untuk mempengaruhi pelajar-pelajar untuk menentang kerajaan.

Saya fikir Yang Berhormat Puan Hajah Jamilah patut melihat ini dengan lebih objektif, tidak meletakkan tohmahan kepada pegawai-pegawai daripada kedutaan, tidak menjalankan tugas dan sebagainya. Saya tahu bagaimana susahnya pegawai-pegawai kedutaan di Mesir pada waktu itu untuk menjaga pelajar-pelajar di Mesir. Sebenarnya, apabila balik saya telah pun menulis surat kepada Yang Berhormat Dato' Abu Hassan bin Omar pada ketika itu ialah Menteri Luar Negeri, walaupun saya cuma pegawai kerajaan pada waktu itu terpanggil untuk saya menulis surat kepada menteri, memaklumkan bahawa pelajar-pelajar di Mesir saya melihat tidak dapat menjadi aset yang baik kepada negara kerana mereka dipengaruhi oleh pihak parti pembangkang dengan begitu hebat.

Empat atau lima tahun selepas itu, kita mendengar pelajar-pelajar tunjuk perasaan kepada kedutaan di Mesir. Apa yang saya jangkakan itu memang berlaku kerana saya melihat mereka meluap-luap membangkang kerajaan. Dalam masa yang sama, pada masa perayaan-perayaan mereka pergi ke rumah kedutaan. Kedutaan berbelanja berpuluh-puluh ribu ringgit untuk melihat kebajikan pelajar-pelajar, kasih dan sayang kepada pelajar-pelajar yang berada di luar negeri kerana mereka tidak ada ibu bapa. Tuan Yang di-Pertua, ini yang saya lihat dan saya fikir inilah yang berlaku.

Saya hendak menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar mengenai apa yang disebutkan oleh pihak pembangkang ataupun oleh Ustaz Harun Din yang hendak membawa keluar Perlis daripada Malaysia. Ini adalah satu kenyataan yang menyedihkan saya dan saya merasakan sedih kepada Ustaz Harun Din sendiri kerana selama ini saya menghormati beliau sebagai ulama di negeri Perlis dan beliau pernah mengharumkan negeri Perlis dalam ceramah-ceramahnya yang membabitkan keagamaan. Malangnya ada pihak pembangkang yang menggunakan beliau di dalam arena yang lain. Kalau seorang yang pandai bermain bola suruh main netball, saya tidak fikir orang yang pandai main bola boleh main netball, mungkin dia hendak score gol pun dia sepak pada hal dia kena lantunkan bola ke atas.

Ini yang berlaku kepada Ustaz Harun Din apabila beliau menyebutkan bahawa Perlis hendak dikeluarkan daripada Malaysia. Perlis tidak akan mampu berdiri di atas kaki sendiri sebagai sebuah negara dan sebuah kerajaan. Cita-cita ini adalah cita-cita orang yang tidak mempunyai pengetahuan dan juga tidak mempunyai pengalaman dari segi perlembagaan, tidak menghayati kemerdekaan negara, tidak menghayati ketaatsetiaan kepada negara malahan orang yang membuat kenyataan itu tidak tahu pun dari segi ekonomi dan juga tidak membuat kajian bagaimana hendak mentadbir dan juga bagaimana untuk menjalankan ataupun bagaimana untuk memerintah sebuah negara atau sebuah negeri. Ini memang jelas kelihatan. Sebenarnya pada pandangan saya, kenyataan yang dibuat oleh beliau adalah satu kenyataan yang berat, yang boleh diambil tindakan sebagai seorang rakyat Malaysia yang taat setia kepada negara. Tidak sepatutnya beliau membuat kenyataan, *'kalau kami memerintah Perlis akan dikeluarkan daripada Malaysia'* dan ini akan membuatkan rakyat negeri Perlis begitu marah sekali. Tetapi di sebalik itu, kita simpati kerana seorang ulamak telah pun menjejaskan kredibiliti beliau.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tadi saya tidak hendak menyentuh perkara itu, saya hendak bercakap soal Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999 tetapi oleh kerana Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar telah menyebut, saya hendak menyebutkan di Dewan ini bahawa saya telah menerima surat daripada Insan Prihatin yang mempertikaikan apa yang telah saya perkatakan di Dewan ini mengenai dua orang Ahli Yang Berhormat dan juga pada persidangan yang lepas, perkara-perkara yang saya sebutkan, pandangan yang saya berikan berkaitan dengan apa pandangan yang dikeluarkan oleh wakil pembangkang yang ada di Dewan ini. Mereka telah membuat, mungkin agaknya untuk tekanan psikologi telah menghantar surat mempertikaikan tetapi bagi saya alhamdulillah, apa yang yang dibuat oleh mereka, saya baca kesemuanya, saya melihat dan boleh saya menambahkan pengetahuan,

mencari kalau benar ada kelemahan tetapi saya rasa tidak banyak perkara yang disebutkan di sini benar.

Pertamanya, mereka mempertikaikan pandangan saya mengenai ulama dan umarak. Saya ingat apabila saya berdiri di Dewan ini, saya juga telah pun bercakap mengenai soal ulama dan umarak.

Sebelum itu saya hendak mengalu-alukan pemerhati-pemerhati ini, kebetulan sahaja saya bangun berucap, memang kita ada membawa rombongan daripada Perlis, 17 buah bas untuk melihat Putrajaya dan saya mengalu-alukan rombongan daripada Perlis yang ada di Dewan ini.

Berbalik kepada pandangan saya mengenai ulama dan umarak, saya dipertikaikan di mana mereka menyebutkan bahawa saya adalah merupakan seorang Ahli Parlimen berkarat yang tidak memahami konsep Islam dan tidak melihat, tidak membuat kajian mengenai Islam secara mendalam.

Saya mengakui bahawa mungkin pengajian dan pengetahuan saya dari segi Islam adalah cetek jika dibandingkan dengan sarjana-sarjana yang hebat, tetapi saya tetap mempertahankan pandangan saya. Di zaman Nabi Muhammad s.a.w. memang baginda menjadi pemerintah, baginda juga menjadi ulama tetapi baginda adalah insan yang telah diberi wahyu oleh Allah s.w.t. Martabat nabi tidak sama dengan martabat umat. Bagi saya, kita yang merupakan insan yang baru, yang sentiasa membuat kesilapan dan tidak boleh lari daripada kesalahan seseorang yang diberikan kuasa untuk memerintah, dia harus mempunyai pengetahuan untuk membangunkan negara itu, dia harus mempunyai skill pengurusan yang baik, harus mempunyai kemampuan dan kebolehan yang hebat untuk membangunkan sebuah negara dan dia memerlukan ulama untuk memberi nasihat supaya dia tidak lari daripada konsep-konsep dan juga daripada ajaran Islam Ad-din itu sendiri. Sebab itu saya katakan ada pemisahan antara ulama dan umarak dan ini pun saya rasa telah diperdebatkan di dalam surat khabar begitu hebat sekali. Kenyataan Dato' Harun Din, minta maaf tadi saya tidak sebut Dato', Dato' Harun Din pun menunjukkan bahawa ulamanya hebat di bidang dia tetapi tidak dalam bidang

pentadbiran. Saya tidak perlu menjawab surat layang ini kerana itu sendiri telah pun menunjukkan dan menjelaskan keadaan yang sebenarnya dan terpulanglah kepada kita masing-masing untuk melihatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kembali kepada soal Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999, saya merasakan bahawa banyak kehebatan dan juga banyak kejayaan yang kita telah capai di negara kita. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kalau di Spain dalam masa 700 tahun mereka telah dapat membina satu tamadun yang hebat. Tetapi kita dalam masa 42 tahun, kita telah dapat membina satu tamadun yang hebat, Putrajaya itu sendiri adalah menunjukkan pencapaian tamadun rakyat Malaysia yang harus kita akui, sebab itu saya bawa 17 buah bas datang tengok sendiri bagaimana pembinaan yang dibuat di Putrajaya.

Tadi saya sebutkan falsafah yang kita pegang di negara kita adalah merupakan falsafah "*Perpaduan, Keikhlasan dan juga Pakatan Yang Merentasi Kehidupan Manusia Sejagat*". Kemampuan kita menjana kemajuan tidak dapat dinafikan, kita boleh perincikan satu persatu, alam sekitar Malaysia sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Sairin tadi, kita mempunyai alam sekitar yang hebat malahan di Gibraltar, kami cuma dibawa melihat monyet. Sedangkan monyet di Malaysia, di Sabah, di Sarawak, banyak lagi monyet yang lebih besar dan monyet yang lebih hebat, ada Orang Utan dan sebagainya. Sebenarnya alam sekitar kita hebat kalau dibandingkan dengan negara-negara lain yang mereka boleh menjana daripada keunikan alam sekitar untuk menarik pelancong misalnya di Gibraltar, enam juta orang pelancong daripada dua juta orang penduduk.

Kita tidak dapat eksploitkan, kadang-kadang saya berfikir bahawa amat sedih bagi kita kerana negara kita dalam membuat pencapaian-pencapaian sebegini masih lagi kerajaan yang harus berusaha untuk membuat banyak lagi pembangunan dan berhadapan dan terpaksa mengatasi masalah remeh-temeh yang ditimbulkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan politik, yang tidak membawa apa-apa faedah

kepada pembangunan negara. Ini terpaksa kita menangani dalam masa kita hendak membuat pembangunan, kita merasa sedih. Saya fikir banyak lagi pembangunan dapat dibuat kalau kita semua dapat menumpukan kepada soal pembangunan negara. Malahan ahli Dewan yang datang ke sini pun, saya nampak letih sebab suasana sekarang ini menyebabkan kita letih, penat dengan kerja-kerja yang terpaksa kita laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelajar. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Aziz dan juga Yang Berhormat Dato' Sairin tadi. Kerajaan harus memberikan perhatian dan juga pemantauan kepada pelajar-pelajar di luar negara.

Kita harus memberi pemantauan yang lebih kerana ada anasir-anasir lain yang merosakkan pemikiran pelajar-pelajar ini sedangkan mereka adalah merupakan aset kepada negara kita. Masa depan negara kita terletak kepada pelajar-pelajar ini. Mereka-mereka yang mempunyai kemampuan dan juga kebolehan, keistimewaan yang cemerlang dari segi kebolehan minda yang diberi oleh Allah s.w.t, merekalah yang akan meneruskan usaha-usaha pembangunan negara. Tetapi usaha-usaha ini tidak akan dapat kita laksanakan jika pemikiran mereka telah pun dirasuki oleh perkara-perkara yang jauh daripada kenyataan dan kebenaran yang berlaku pada hakikatnya.

Jadi, saya juga bersetuju dengan pandangan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini yang telah pun dua, tiga kali disebutkan terutamanya Yang Berhormat Datuk Zuki memberi pandangan supaya kedutaan kita di luar negara, kita ada perkongsian yang bijak di antara pegawai-pegawai diplomatik yang mempunyai pendidikan, pengetahuan dan juga mempunyai kebolehan profesional, yang memang telah pun kita latih melalui alam pendidikan dengan mereka-mereka yang terlibat dalam bidang politik, yang mana mereka mempunyai PR dengan izin, tahu bagaimana mewujudkan perhubungan yang baik dan juga tahu dari segi sejarah perjalanan negara kita. Mereka sendiri pernah di antara orang-orang yang bertanggungjawab memikul dan menjana kejayaan yang saya sebutkan supaya

mereka berada bersama-sama dengan pegawai-pegawai diplomatik di luar negara untuk mereka dapat membawa gambaran yang sebenarnya negara Malaysia yang kita cintai ini.

Saya rasakan kalau ini dapat diberikan perhatian oleh pihak kerajaan insya-Allah tohmahan-tohmahan dan juga pandangan-pandangan serong, yang tidak tepat, yang berlaku di luar negara dapat kita atasi.

Saya juga menyeru pada pihak kerajaan supaya pemilihan pegawai-pegawai yang hendak bekerja di luar negara haruslah diberi tapisan dan juga dipilih mereka-mereka yang mempunyai kemampuan dan juga kredibiliti yang terbaik. Walaupun saya tidak menerima pandangan Hajah Jamilah tadi, mengatakan mereka vacations main golf dan sebagainya. Saya tahu mereka bekerja tetapi kebolehan bekerja tidak sama di antara satu individu dengan individu yang lain. Kita hendakkan pegawai-pegawai yang benar-benar bertanggungjawab, benar-benar menghayati pencapaian-pencapaian yang kita laksanakan dan mereka dapat membawa imej yang baik kepada negara, malahan mereka sanggup untuk bekerja, siang dan malam sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bekerja untuk satu pengorbanan mereka kepada negara kita.

Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta supaya pihak kerajaan juga mengkaji kemudahan-kemudahan dan juga mengkaji keadaan pegawai-pegawai kita di luar negara dengan kejatuhan matawang kita pada masa ini. Memang kesan kepada mereka begitu besar, malahan di Sepanyol saya dimaklumkan oleh pihak pegawai kedutaan, mereka terpaksa menyewa rumah, bayarannya RM7,000 untuk mendapatkan sebuah rumah yang sederhana untuk pegawai yang berkenaan dan juga keluarga.

Jadi, di samping kita meminta supaya mereka memberikan perkhidmatan yang terbaik, kita juga, saya fikir perlu melihat kebajikan dan juga kemudahan-kemudahan mereka untuk menjalankan tugas ini perlu diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya lihat, mungkin dapat kita contohi daripada negara luar. Bila kami pergi ke Sepanyol baru-baru ini, di TV

Spanyol sentiasa disiarkan filem yang sentiasa memupuk semangat rakyat di negara Sepanyol itu untuk memahami sejarah negara mereka dan mereka tidak berganjak daripada perjuangan yang telah pun mereka laksanakan. Filem itu sentiasa ditayang, hari-hari ditayangkan, channel itu saya rasa ada channel khas untuk filem yang berkenaan. Ini, saya fikir di negara kita tidak ada, kerana di negara kita ada bermacam-macam drama dan sebagainya tetapi tidak menjurus kepada pengwujudan semangat kecintaan negara dan tidak menjurus kepada generasi muda untuk memahami bagaimana kita memperjuangkan, bagaimana Barisan Nasional memperjuangkan kemerdekaan negara dan seterusnya mengisi kemerdekaan itu sehingga kita mencapai apa yang kita ada hari ini.

Saya menyeru Kementerian Penerangan supaya dapat meneliti perkara ini supaya filem-filem yang bercorak sejarah dapat direka cipta supaya seluruh rakyat Malaysia dapat memahami dengan jelas, mudah dan dapat menghayati semangat perjuangan itu supaya kita tidak lari daripada landasan perjuangan kita yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong pandangan Dato' Aziz tadi mengenai kegiatan kedutaan-kedutaan luar. Saya sendiri sebenarnya pernah didatangi oleh kedutaan luar sebelum kita menghadapi masalah krisis yang besar, kedutaan daripada Australia. Daripada cara berpakaian, percakapan, kononnya mereka hendak berjumpa dengan wakil-wakil rakyat daripada Perlis tetapi nasib baik tidak ada wakil rakyat lelaki yang berjumpa dengan mereka kerana mereka adalah pegawai wanita yang muda, cantik dan berpakaian yang menghairahkan. Berjumpa dengan saya, daripada percakapannya jelas bahawa mereka bertanya dan menyelidik keadaan politik di negara kita.

Jadi, saya fikir, ini bukanlah merupakan satu tohmahan tetapi ingatan bahawa dalam kita mencapai kejayaan yang begini hebat ada pihak-pihak yang cemburu mengenai pencapaian kita dan kita tidak boleh menafikan, banyak pihak menafikan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sengaja menghantui, menakut-nakutkan rakyat menyatakan ada campur tangan asing.

Saya secara personal merasakan memang ada usaha-usaha campur tangan asing yang ingin melihatkan kerajaan yang ada hari ini, kerajaan Barisan Nasional tumbang untuk mereka dapat mencapai hasrat dan cita-cita agenda mereka sendiri. Malahan saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian mengenai satu artikel dalam *Straits Times* yang menceritakan mengenai 'mahkamah kangaroo'. Di dalam *Straits Times* itu menyebutkan bahawa mahkamah kangaroo ini dijalankan oleh pihak-pihak yang sebelum ini mendapat sumbangan-sumbangan dalam mereka menjalankan kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti mereka daripada bekas Timbalan Perdana Menteri. Ini disebutkan di dalam *New Straits Times*, mereka ini memang lebih mirip kepada pihak yang berkenaan sehingga mereka, dalam mahkamah kangaroo menjatuhkan hukuman kepada Perdana Menteri kita dengan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas.

Saya ingin mendapat pengesahan daripada pihak kementerian keadaan ini dan jika keadaan ini berlaku ia amat mendukacitakan kita, malahan kita melihat dan kita telah pun dimaklumkan mengenai kehadiran pihak-pihak dari luar negara yang berjumpa dengan pihak-pihak yang tidak ada kena mengenai di dalam pentadbiran kerajaan di negara kita. Ini menunjukkan satu pencabulan, di mana pencabulan ini didukung dan disokong oleh sebahagian daripada pihak rakyat di negara kita sendiri yang tidak menghayati pencapaian-pencapaian, kemajuan-kemajuan yang telah kita capai sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap supaya pihak kerajaan sebagaimana harapan rakan-rakan tadi supaya memberikan perhatian yang khusus mengenai kedutaan-kedutaan kita di luar negara supaya mereka lebih efficient dalam menjalankan tugas mereka dan mereka dapat mengharumkan nama negara Malaysia di luar negara. Kita berharap mereka akan dapat, berkemampuan untuk menangkis tohmahan-tohmahan yang berlaku.

Saya di sini hendak mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Luar dan juga pegawai-pegawai Kementerian Luar. Hari ini saya kira usaha-usaha yang mereka jalankan memang telah pun dapat meletakkan

Malaysia di mata dunia. Cuma yang kita hendak mereka berusaha lebih giat lagi, mereka lebih fokus lagi di dalam usaha menangkis serangan-serangan dan juga fahaman-fahaman yang tidak tepat dari pihak negara luar. Dengan itu saya turut menyokong Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

12.33 tgh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya menunggu rakan saya daripada negeri lain untuk berucap. Saya takut Tuan Yang di-Pertua panggil Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri jawab, saya bangun juga untuk turut membahaskan..

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, kita ada dua rang undang-undang berkenaan dengan diplomasi dan konsular ini oleh itu kalau tertinggal yang satu itu kita boleh sambung yang kedua. Betul tak Tuan Yang di-Pertua?.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih dan saya ingin mengambil sedikit kesempatan untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan)1999. Minta maaf ya, kerana masa Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri bentang tadi, saya tidak ada dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rang undang-undang ini untuk memperkemaskan lagi dari segi peranan negara kita di peringkat antarabangsa dan untuk mencegah pihak-pihak yang cuba menggugat keamanan, kestabilan negara kita. Kita perhatikan pada hari ini terlalu banyak sangat pihak yang selalu menimbulkan isu menggugat kestabilan negara kita. Oleh yang demikian rang undang-undang ini dirasakan boleh membantu kerajaan untuk menstabilkan keadaan politik.

Kita telah mendengar berbagai-bagai pihak cuba memfitnahkan sama ada pihak pemimpin secara individu ataupun pihak kerajaan dengan mengatakan kerajaan kita zalim, kerajaan kita membazir dan sebagainya. Dan seperti yang disebut oleh rakan saya tadi, ada pihak pembangkang menyebutkan, hendak lelong Putrajaya yang mana kerajaan telah menubuhkan satu pusat pentadbiran baru yang kita tahu pusat pentadbiran baru ini kerajaan tidak pinjam walau se sen pun.

Ini telah pun di rancangan semasa keadaan ekonomi negara kita memang dalam keadaan baik dan insya-Allah, oleh seorang pemimpin yang mempunyai visi mempunyai pandangan yang merancang dan cuba membentuk pentadbiran negara kita ini ke arah pentadbiran kerajaan digital ataupun kerajaan elektronik yang saya rasa semua pihak bersetuju. Kita tidaklah boleh dengan sekaligus melihat apa yang berlaku itu secara pandangan yang sempit. Kita mesti memikirkan secara jangka panjang dan begitu juga ada pihak-pihak tertentu bercakap seolah-olah tidak memahami prinsip-prinsip pentadbiran dan juga pandangan dari segi undang-undang negara ini sendiri.

Misalannya hendak keluarkan Perlis, kalau dapat memerintah Perlis dan kalau Kerajaan Pusat tidak mahu beri peruntukan bantuan, hendak keluarkan Perlis dari Malaysia. Jadi pandangan-pandangan ini sudah tentu membelakangkan langsung dari segi undang-undang Perlembagaan negara kita dan oleh sebab itu kerajaan mempunyai peranan untuk memberi kefahaman kepada rakyat, apa benda yang kita boleh, apa benda yang kita tidak boleh buat dari segi undang-undang.

Maka kita rasakan kerajaan melalui Kementerian Penerangan dan juga Kementerian Luar Negeri mempunyai peranan penting untuk memberi kefahaman kepada rakyat di Malaysia sendiri dan juga kepada negara-negara luar. Dan dengan pandangan singkat saya ini, saya menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Tayod]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya memberi penjelasan atas perkara-perkara yang telah dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada pagi ini

semasa kita membentangkan Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999.

Saya ingin ucapkan ribuan terima kasih atas sokongan dan kata-kata yang mendorong dan memberi semangat kepada pegawai-pegawai kedutaan kita dan juga duta-duta besar kita yang sentiasa berusaha menjalankan tugas mereka dengan daya upaya yang mereka ada untuk mencapai matlamat-matlamat mengharumkan nama negara kita di luar negara dan juga mempertahankan kepentingan negara kita Malaysia di dalam bidang sejagat dan juga di forum antarabangsa.

Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian menyentuh banyak perkara antaranya Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal telah menyentuh bahawa untuk kita mengemaskinikan tempat-tempat pegawai kita, kita memang sentiasa mengambil perhatian perkara ini dan juga perkara ini diambilkira oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika, Yang Berhormat Tuan Haji Sairin, dan memang kita mempunyai tujuan untuk memberikan kemudahan-kemudahan yang baik untuk pegawai-pegawai kita di luar negara. Dan kita dalam merangka Rancangan Malaysia Ketujuh dan Kelapan, memang kita mendapatkan peruntukan untuk membangunkan kedutaan yang tetap di negara-negara tertentu dan di mana kepentingan kita adalah besar dan juga tempat-tempat kediaman pegawai-pegawai kita yang dekat dengan kedutaan dan juga yang sesuai untuk mereka ini.

Yang Berhormat telah menarik perhatian kita kepada tempat yang kita tidak ada kedutaan seperti di Mauritius dan juga Maldives. Ini memang masih kita jaga di bawah kedutaan kita di Sri Lanka dan juga Mauritius di bawah jagaan kedutaan kita di Harare. Dan kita memang cuba untuk menempatkan duta-duta kita di luar negara khususnya mamandangkan bahawa negara kita pada masa kini memang meningkat dalam perhubungan dua hala termasuk kegiatan-kegiatan di bidang perhubungan perdagangan dan juga perhubungan dua hala dalam sokongan mereka khususnya dalam usaha-usaha kita meningkatkan pencapaian-pencapaian negara membangun dalam forum-forum antarabangsa. Di mana negara kita

khususnya mengambil bahagian yang besar dan menitik beratkan bahawa dasar kita, bahawa peluang untuk negara-negara yang masih mundur dan belum membangun dapat ruang yang sama dan peluang yang sama untuk mencapai pembangunan dari segi ekonomi dan sosialnya.

Yang Berhormat juga telah menarik perhatian kehilangan paspot. Ini kita akan ambil perhatian dan walau bagaimanapun proses ini memang memerlukan sedikit masa kerana kalau hilang di luar negara paspot ini bukan satu perkara yang boleh dianggap ringan sahaja. Kita juga mendapati pengalaman yang lalu bahawa di mana ada orang mengambil peluang untuk menggantikan paspot di luar negara ini telah menyalahgunakan peluang ini dengan duta-duta kita. Ini membuatkan pegawai-pegawai kita perlu lebih berhati-hati untuk bertindak khususnya mengenai perkara paspot hilang, mengganti paspot, membaharui paspot kita di luar negara.

Dan saya berharap kerana sebab ini, saya ingin menjelaskan bahawa keadaan ini memang akan mengambil perhatian kami tetapi kita tidak akan mengabaikan keselamatan dan juga kepentingan negara kita khususnya dalam usaha kita menjalankan atau meningkatkan efisiensi kita.

Yang Berhormat, mengenai pejabat-pejabat pelancongan di luar negara, saya berharap kementerian tertentu akan mengambil perhatian. Walau bagaimanapun, ada bahagian kedutaan kita juga diberi peluang untuk memberikan maklumat mengenai pelancongan kerana ini adalah satu perkara yang kita utamakan pada masa kini dalam kita menarik pelaburan daripada luar masuk ke negara kita dan juga menarik pertukaran wang asing ke negara kita.

Memang di mana kedutaan-kedutaan yang tidak cukup maklumat itu, kita akan ambil perhatian dan mencari apa sebabnya. Sebenarnya kita memang sentiasa mengadakan cukup maklumat untuk mereka ini dan saya pernah mengunjungi kedutaan-kedutaan yang tertentu dan nampaknya memang ada maklumat-maklumat yang perlu untuk kita berikan penjelasan kepada negara luar

dan pelancong-pelancong asing. Tetapi, mungkin yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat ini kita akan ambil perhatian.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah menyentuh mengenai media asing dan juga meminta supaya memberi peluang kepada ahli-ahli yang berpengalaman mendalam dalam bidang politik juga menjadi duta besar dan juga supaya dapat menangkis usaha-usaha media asing dan pihak-pihak asing yang tidak senang dengan negara ini, menangkis tuduhan-tuduhan mereka dan membetulkan maklumat dengan jelas.

Kita memang sentiasa mengambil maklum kegiatan-kegiatan yang tidak menyokong kerajaan, ada yang daripada rakyat kita dan ada juga daripada bukan rakyat Malaysia. Memang Kementerian Luar Negeri telah meningkatkan usaha dalam penerangan kita dan juga telah dapat meningkatkan peruntukan supaya maklumat-maklumat yang perlu dapat dihantar ke luar negara dan juga memberikan penerangan-penerangan khususnya lebih cepat dan tepat menerusi media elektronik dan media cetak.

Ini telah meningkat sejak kebelakangan ini kerana kita baru mendapat peruntukan yang telah dipertingkatkan dan sebelum ini memang masalahnya besar juga atas usaha-usaha kita kerana kekurangan peruntukan termasuk juga kemudahan-kemudahan yang dapat kita guna untuk terus memberikan penerangan yang cepat dan tepat. Walau bagaimanapun, selama ini kita telah menyediakan penerangan-penerangan kepada kedutaan-kedutaan dan kita panggil duta-duta luar kita balik ke Kuala Lumpur dan memberi penerangan dan juga mengemaskinikan mereka ini dengan maklumat-maklumat tertentu mengenai ekonomi, sosial dan politik negara kita. Mereka ini juga diberi cara-cara dan maklumat-maklumat yang perlu untuk menangkis mana-mana tuduhan yang tidak benar kepada negara kita.

Jadi, keduanya, Bahagian Penerangan Kementerian Luar telah pun mengambil perhatian bahawa yang pentingnya ialah semasa kita memberi jawapan

kepada tuduhan-tuduhan itu supaya ia memberi impak yang baik sepertimana Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz telah nyatakan tadi.

Begitu juga mengenai penerangan-penerangan yang perlu kita berikan kepada media asing ialah usaha-usaha Kementerian Luar, Bahagian Penerangan telah menjemput banyak pemberita dari negara Afrika, Eropah dan juga negara-negara di rantau ini untuk bertemu dan juga berbincang mengenai perkara-perkara mengenai negara kita, pembangunan dan pemulihan ekonomi kita dan politik kita dan mereka juga diberi peluang untuk menemuramah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan berbincang mengenai perkara-perkara yang ingin mereka soalkan.

Ini telah berjaya mengeratkan lagi perhubungan di antara media asing di mana mereka sentiasa dahulunya mendapat berita langsung daripada international bodies seperti Reuters, CNN dan sebagainya dan mengisi di dalam surat khabar tempatan mereka. Tetapi, pada masa kini, kita telah berjaya membuat perhubungan antara surat-surat khabar ini menerusi badan-badan agensi kita yang tertentu seperti Kementerian Penerangan, BERNAMA dan juga Bahagian Penerangan, Kementerian Luar Negeri kita. Ini adalah satu langkah yang kita percaya akan terus meningkatkan lagi usaha-usaha kita untuk menangkis tuduhan-tuduhan dan maklumat-maklumat yang tidak tepat ke atas negara kita.

Yang Berhormat Dato' Haji Sairin Karno telah menyentuh mengenai perkara pelajar-pelajar kita di luar negara yang telah dipengaruhi oleh pihak-pihak pembangkang khususnya parti-parti politik pembangkang dari negara kita ini. Bersamaan dengan itu juga, saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Jamilah Ibrahim dan Yang Berhormat Mastika Junaidah yang juga telah menyentuh perkara mengenai pelajar-pelajar itu.

Ingin saya jelaskan di sini bahawa tuduhan Yang Berhormat Jamilah Ibrahim yang menyatakan bahawa duta kita di luar negeri tidak bekerja, cuma main golf, vacation, shopping dan sebagainya, saya ingin nyatakan bahawa kalau Yang Berhormat tidak mendapat penerangan maklumat yang tepat, jangan sekali-

kali menyentuh perkara-perkara yang Yang Berhormat tidak memahami sebenarnya di dalam usaha kita di luar negara.

Memang saya faham, beliau ada menyatakan bahawa beliau tidak banyak ke luar negeri tetapi janganlah menuduh sesuatu yang tidak sempurna sama sekali kepada pegawai-pegawai kita yang selama ini telah berusaha untuk mempertahankan kedudukan polisi dasar kita di luar negara dan juga kedaulatan negara kita di luar negara.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Dato' Timbalan Menteri. Sebenarnya, saya tidak membuat tuduhan melulu, kemungkinan andaian sahaja. Minta maaf. Tetapi saya menafikan, saya tidak melulu membuat tuduhan tetapi kalau andaian itu ada, kita harus lebih meningkatkan kesedaran ini. Minta maaf.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyatakan tuduhan, dia menjadikan andaian. [*Ketawa*] Itu memang benar juga kerana apabila saya juga dituduh di dalam Dewan Rakyat, jawapan menjadi andaian juga. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa pegawai-pegawai kita ini sentiasa berusaha ketika mereka berada di luar negara. Saya ingin mengatakan, janganlah menuduh kelemahan pegawai kita untuk menjadi alasan PAS ingin mempengaruhi pelajar-pelajar kita di luar negara.

Kita memang tahu, saya ingin menyatakan di sini, pengaruh-pengaruh parti pembangkang ini di luar negara ke atas pelajar-pelajar kita khususnya pelajar yang tidak ditaja oleh kerajaan dan juga ada yang ditaja oleh kerajaan, menerusi cara-cara yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan tepat, dengan cara tidak mengambil kira atau mempertimbangkan tanggungjawab pelajar-pelajar kita. Mereka ini sampai tidur bersama, makan bersama dengan pelajar ini supaya mereka dapat mempengaruhi mereka supaya membenci kerajaan dan negara Malaysia ini khususnya Kerajaan Barisan Nasional.

Saya rasakan ini adalah satu perkara yang sangat sedih dan kerana ini telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kita, kita memang terus berusaha memberikan penerangan yang baik dan maklumat yang jelas kepada pelajar-

pelajar ini dan kita berharap mereka ini sedar bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini sentiasa bertimbang rasa untuk memberi peluang untuk mereka belajar dan mendapat ijazah mereka, supaya mereka dapat memberikan sumbangan yang bererti dan penuh kepada masyarakat apabila mereka balik sebagai seorang graduan yang berilmu.

Jadi, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin tadi, bahawa ramai pelajar ini tidak berjaya dalam peperiksaan mereka kerana terlalu sibuk dengan kegiatan-kegiatan yang lain sampai tidak ada masa untuk belajar memberi perhatian kepada pelajaran mereka ini. Ini memang kita sedar bahawa kegiatan-kegiatan seperti ini tetapi kita terus berusaha menerusi Kementerian Pendidikan, Kementerian Penerangan dan juga Wisma Putra, pegawai-pegawai dan kedutaan kita memberikan maklumat dan juga memberi bimbingan kepada pelajar-pelajar kita supaya mereka ini terus menggunakan masa yang ada pada mereka ini untuk mendapat ilmu untuk mereka balik dan menyumbang kembali kepada masyarakat di negara kita ini.

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin juga telah menyentuh mengenai syarat-syarat pemandu pelancong, ini terkeluar dari kementerian saya tetapi kita akan memberi ingatan kepada kementerian yang berkenaan dan memang benar kita masih perlu memberikan perhatian kepada usaha-usaha kita untuk memberi quality service khususnya, kerana bila negara kita maju seperti mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selalu nyatakan, kita perlukan satu prestasi yang juga maju, yang setaraf dan berjalan bersama ekspektasi dan juga keperluan semasa oleh masyarakat dan juga dari industri-industri buatan dan juga industri perkhidmatan seperti ini.

Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah telah juga menarik perhatian atas kegiatan-kegiatan duta luar yang berada di Malaysia. Kita memang sentiasa mengambil berat tingkah laku yang tidak memberikan hubungan yang sihat antara negara kita dengan negara yang menghantar dutanya iaitu duta luar di negara kita, kita memang terus mengambil tindakan, nota dan sebagainya kepada

duta-duta tertentu dan minta penjelasan dari mereka dan pendirian mereka atas mana-mana perkara yang tidak menyenangkan dari segi kepentingan negara kita dan kerajaan Malaysia kita.

Akhir sekali, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar telah menekankan perkara-perkara yang menyentuh perlembagaan dan juga undang-undang negara kita mengenai kenyataan yang tidak berasas atau keterlaluan dari pembangkang untuk mengeluarkan Perlis dari Malaysia, ini memang satu perkara yang saya setuju bahawa tidak harus dikeluarkan kalau kita berfikir dengan baik dan dalam bahawa negara kita ini ialah sebuah negara bersekutu dan terus dipegang oleh sebuah kerajaan yang kuat dari sokongan semua golongan, latar belakang dan

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan sebelum Yang Berhormat duduk, saya minta laluan dulu, kalau tidak, tidak boleh minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta pandangan Yang Berhormat, setuju atau tidak bahawa yang dibangkitkan oleh seorang Yang Berhormat tadi iaitu pegawai-pegawai kita, ahli-ahli politik, orang-orang korporat apabila pergi ke luar negara sambil bermain golf. Saya rasa kita tidak boleh pandang negatif keadaan seperti ini. Jikalau kita pergi ke luar negara apa salahnya kalau kita main golf sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua: Bermain golf dengan Presiden Bill Clinton, saya ingat tidak ada salahlah.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, lagilah bagus. Kalau dapat main golf dengan Bill Clinton, berapa mahal, berapa nilai harganya yang dapat kita bawa balik ke negara kita. Jadi, kita jangan pandang negatif bahawa pegawai-pegawai kerajaan, ahli-ahli politik dan korporat pergi ke luar negara bermain golf. Saya galakkan mereka bermain golf, janganlah terlalu sangat. Kalau pergi main dua, tiga jam, dalam masa kita main golf itu kita boleh tengok keadaan negara itu, padang golf, kafeteria, jalan, boleh interaksi, boleh bertukar-tukar fikiran dari segi bisnes, boleh kita mengeratkan lagi perhubungan

kita dengan negara dan pemimpin mereka, mengapa kita tidak galakkan, mengapa kita pandang negatif? Kita tidak boleh pandang negatif, kita kena pandang hadapan sekali. We must have a forward looking country and a forward looking leader like Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad, yang telah pun dikatakan oleh Presiden Katami di Taheran bahawa you have a forward looking leader in the name of Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki mengenai sokongan atas kegiatan-kegiatan yang sihat di kalangan duta-duta kita kerana saya sendiri pemain golf. Itu saya tidak sebutkan bahawa kita semua main golf ini yang baik. Sebenarnya untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mungkin pembangkang tadi, main golf ini kalau tidak keterlaluan memanglah satu kegiatan yang sihat di mana pihak-pihak yang ingin berbincang dapat berbincang dalam masa main golf itu dalam dua jam bila main sembilan lubang dan dari segi kegiatan kesihatan, kalau kita tidak duduk, kita berjalan dan berdiri dan tidak makan masa kita main dan masih berbincang.

Dalam kegiatan golf ini juga kita mungkin dapat menilai sesuatu keperibadian seseorang dalam menghadapi cabaran-cabaran tertentu. Jadi, ini ada baiknya, ada juga kelemahannya kalau kita keterlaluan. Jadi, terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki.

Akhirnya, saya ingin juga menjelaskan perkara yang telah di

Datuk Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Minta jalan lagi.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Sebentar. Perkara yang telah saya katakan tadi seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin dan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar dan Dato Abdul Aziz mengenai mahkamah kangaroo ini di Senate Amerika ini adalah berhubung dengan satu kegiatan yang mereka telah membicarakan negara kita tanpa saksi dari negara ini, cuma mendapat maklumat dari orang-orang yang

bukan dari negara ini tetapi orang yang ada kepentingan sendiri dan yang tidak berminat untuk menyokong apa-apa dasar baik atau jahat di negara kita tetapi mereka memang sentiasa ada agenda untuk menyokong apa-apa dasar yang tidak baik untuk negara kita dan mereka ini pernah juga telah mengaku menerima sumbangan-sumbangan dari pihak-pihak atau rakan-rakan bekas Timbalan Perdana Menteri kita dalam kegiatan-kegiatan mereka yang lalu.

Jadi, ini satu tindakan oleh pihak committee ini untuk memberi satu keputusan atau judgement atas perkara-perkara yang mereka tidak memahami dengan dalamnya sosio politik, infrastruktur kita dari segi sejarah kita dan sebagainya dan terus menuduh dengan tidak cukup maklumat kegiatan-kegiatan atau usaha-usaha kita membangunkan negara kita dan rancangan dasar fiskal, dasar ekonomi dan cara kita memulihkan ekonomi dengan tidak mengikut cara atau arahan-arahan mereka atau kemahuan mereka di mana mereka dapat mempengaruhi keputusan-keputusan dan juga dasar-dasar dalaman negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, cuma barangkali kita ingin berkongsi pengalaman. Apabila negeri Sabah menghadapi setiap kali election, di kalangan pemimpin parti pembangkang di Sabah ada yang tergamak ingin mengeluarkan Sabah daripada Malaysia dan orang-orang ini kalau tidak salah saya yang dikenakan tindakan ISA. Jadi, kalaulah ada rakyat Malaysia pemimpin mana sekalipun yang ingin menyatakan untuk keluar dari Malaysia, saya percaya pimpinan atau pucuk pimpinan kita atau undang-undang yang sedia ada, apa salahnya kita kenakan.

Pengalaman kita di Sabah, apabila sahaja kerajaan PBS semasa memerintah, mereka keluar daripada Barisan Nasional, yang menjadi mangsa ialah rakyat negeri Sabah di mana pembangunan terpaksa kita hanya putih mata, kerana kerajaan negeri Sabah pada masa itu diperintah oleh kerajaan yang telah keluar daripada Barisan Nasional, yang menderita – rakyat, pemimpin-pemimpinnya tetap dengan pendapatan yang sedia ada tetapi menderita ialah rakyat.

Saya harap pemimpin-pemimpin pembangkang terutama PAS berfikir dua kali sebelum menyatakan pendapat dan pandangan mereka. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih Yang Berhormat. Memang saya pun ingat bahawa ini cara-cara pihak pembangkang untuk mengambil perhatian dari penyokong-penyokongnya supaya dapat menghangatkan sesuatu isu khususnya dalam pilihan raya. Ini memang tidak menghairankan kerana isu-isu seperti ini memang sentiasa menghangatkan emosi-emosi penyokongnya dan ini cara mereka memancing penyokong-penyokong dalam isu-isu yang menghangatkan emosi.

Keduanya, saya juga teringat dalam kegiatan-kegiatan pelajar kita, memang mereka ini pergi ke luar negara, belajar dan menghadapi berbagai cabaran dan juga kelemahan-kelemahan mereka dalam menghadapi suasana baru dari segi kebudayaan, cabaran pelajaran yang baru di luar negara. Kita telah mengadakan konsular-konsular kita di luar negara dan juga termasuk pemimpin-pemimpin agama dari Kementerian Pendidikan juga telah memberi dorongan dan sokongan kepada pelajar-pelajar ini. Tetapi sayangnya, di sini juga kita nampak pihak-pihak pembangkang mengambil kesempatan dalam kelemahan-kelemahan ini terus memberi satu alasan bahawa kerana kita tidak memberi perkhidmatan ini, itulah sebab mereka mengisikan ruang ini.

Jadi, saya ingin mengingatkan di sini, Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa memang kita sedar kelemahan-kelemahan ini tetapi kita terus akan meningkatkan prestasi kita dan kelemahan-kelemahan yang telah ditegur oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kita ambil perhatian dan seterusnya mengambil tindakan yang positif.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong rang undang-undang ini dan terus memberi peluang untuk mempertingkatkan lagi perhubungan dua hala kita dalam negara kita dan juga terus mengemaskinikan Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1999 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, majlis ini

ditangguhkan sehingga 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG HUBUNGAN KONSULAR (KONVENSYEN VIENNA) (PINDAAN) 1999

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.35 ptg.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda undang-undang mengenai hubungan konsular bagi memberikan kuat kuasa kepada Konvensyen Vienna mengenai hubungan konsular yang ditandatangani dalam tahun 1993 dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya untuk dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini perkara-perkara yang ada hubung kait dengan hubungan konsular adalah diperuntukkan dalam Bahagian IV, Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957, Federation of Malaysia, Ordinance 53/57. Setelah Malaysia menjadi negara ahli kepada Konvensyen Vienna mengenai hubungan konsular 1963 pada 1 Oktober 1991 adalah wajar satu akta berasingan mengenai hubungan konsular digubalkan. Ini memandangkan kuasa yang diperuntukkan dalam Ordinan 53, Perkara 57 tidak komprehensif bagi melaksanakan kehendak konvensyen yang telah Malaysia sertai. Sehubungan itu Ordinan 53, Perkara 57 perlu dipinda dan dibuat penyesuaian supaya dapat memenuhi obligasi negara di bawah konvensyen tersebut. Oleh itu satu Rang Undang-undang Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999 yang telah digubal oleh Jabatan Peguam Negara adalah bertujuan untuk maksud di atas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menghuraikan serba sedikit mengenai akta ini. Fasal 1 memperkatakan tajuk ringkas dan tujuan mengadakan peruntukan bagi mula berkuatkuasanya dan pemakaian akta yang dicadangkan. Akta yang dicadangkan hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 November 1991 kerana itu ialah tarikh konvensyen mula berkuat kuasa berhubung dengan Malaysia.

Fasal 2, menyatakan peruntukan konvensyen yang mempunyai kuat kuasa undang-undang di Malaysia dan menjelaskan pemakaiannya di Malaysia.

Fasal 3 mentakrifkan ungkapan tertentu yang digunakan dalam rang undang-undang.

Fasal 4 bertujuan memperuntukkan skop pemakaian akta yang dicadangkan.

Fasal 5, bertujuan memberi Yang Di-Pertuan Agong kuasa untuk meremit apa-apa cukai, caj, duti atau fee yang dikenakan atau dipungut dibawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia atau mana-mana bahagiannya dan kena bayar oleh kerajaan mana-mana negara atau pegawai konsul atau pekerja konsul negara itu apabila pendapat Yang Di-Pertuan Agong remitan

patut diberikan oleh sebab layanan yang telah diberikan kepada Kerajaan Malaysia atau kakitangan konsular Malaysia oleh negara itu.

Fasal 6 bertujuan memberi Yang Di-Pertuan Agong kuasa untuk menarik balik mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang diberikan kepada sesuatu post consul, sesuatu negara atau mana-mana orang yang berkaitan dengannya jika didapati oleh Yang Di-Pertuan Agong bahawa keistimewaan dan kekebalan yang diberikan kepada sesuatu post konsul Malaysia di wilayah negara itu atau kepada orang yang berkaitan dengannya adalah kurang daripada yang diberikan oleh akta yang dicadangkan kepada post consul negara itu ataupun kepada orang yang berkaitan dengannya.

Fasal 7 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sesuatu perakuan yang dikeluarkan atau dibawah kuasa menteri hendaklah menjadi keterangan conclusive berkenaan apa-apa soal sama ada atau tidak seseorang berhak mendapat keistimewaan atau kekebalan di bawah akta yang dicadangkan .

Fasal 8 bertujuan membuat peruntukan kecualian bagi perjanjian di pihak tertentu dan Fasal 9 bertujuan memberi kuasa pemerintah berdaulat atau kerajaan mana-mana negara memegang tanah di Malaysia bagi maksud tertentu yang dinyatakan.

Fasal 10 bertujuan memberi pegawai konsul kuasa untuk berurusan dengan harta orang yang sudah mati yang terletak di Malaysia.

Fasal 11 bertujuan meminda Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957 berbangkit daripada penggubalan akta yang dicadangkan. Ia juga bertujuan membuat peruntukan, kecualian tertentu mengenai keistimewaan dan kekebalan yang diberikan di bawah Seksyen 6 dan 7 ordinan itu bagi negara-negara tertentu yang bukan anggota konvensyen. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda undang-undang mengenai hubungan konsular dengan memberikan kuat kuasa kepada Konvensyen Vienna mengenai hubungan konsular yang ditandatangani dalam tahun 1963 dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya Yang Berhormat

2.41 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Bismillah hirrah'man nirrah'him. Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang yang istimewa ini iaitu Rang Undang-undang Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) tahun 1999. Sebelum saya pergi kepada intisarinya, izinkan saya bertanya berkenaan pelaksanaan rang undang-undang ini.

Kalau mengikut Fasal 1, 2, 3 bahawa haribulan berkuatkuasanya ialah 1 November 1991. Tetapi kalau ikut 30 hari daripada masa wujudnya penerimaan rang undang-undang ini, patutnya jatuh pada 31 Oktober bukannya 1. November kalau ikut perkiraan saya. Itu satu saya pertanyaan saya pada mulanya.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, Perkara 5 ada menyebut apa fungsi konsular iaitu (a), (b), (c) dan seterusnya, tidak payahlah saya sebutkan. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, penting sekalilah konvensyen ini. Kita ada banyak konvensyen. Saya hendak menyentuh sedikit berkenaan Konvensyen Vienna dahulu sebelum saya pergi kepada Konvensyen Vienna berkenaan dengan hubungan konsular. Iaitu konvensyen berkenaan dengan Geneva, Konvensyen Geneva, sebab saya hendak mengatakan di sini bahawa kekuatan dan kesungguhannya konvensyen ini diwujudkan dan kita mesti memastikan bahawa konvensyen ini berjalan mengikut apa yang kita tandatangani. Kita tahu iaitu abad ke-20-an amatlah bersejarah kerana ia telah menyaksikan dua perang. Perang dunia - Perang Dingin, Perang Dunia II dan juga peperangan di serantau. Terdapat kesedaran di mana diktator dan pemimpin-pemimpin yang jahat, yang penyangak

yang telah melakukan tindakan yang bertentangan dengan konvensyen seperti Konvensyen Geneva. Peperangan dan konflik telah membawa kesengsaraan yang tidak terhingga dan penyingkiran beramai-ramai penduduk dan menjadi pelarian yang merupakan mangsa keganasan, pencabulan hak asasi, pembersihan etnik dan penderitaan yang amat sangat oleh penduduk yang mana peperangan-peperangannya berlaku yang tidak mengikut konvensyen.

Akibat dari semua ini terutama selepas perang dunia, masyarakat antarabangsa telah bertindak dalam mewujudkan Konvensyen Geneva. Adakah ia berkesan di dalam menyekat kelakuan zalim diktator dan pemimpin yang jahat? Semurni-murni konvensyen ini, malang sekali pada masa lalu telah banyak berlaku pencerobohan ke atas konvensyen ini, di mana diktator-diktator yang melanggarnya tidak dikenakan hukuman, pencabulan yang ketara sekarang dapat dilihat seperti mana yang berlaku di Kosovo, seperti mana yang berlaku di Afghanistan, seperti mana yang berlaku berlaku di Kongo, seperti mana yang berlaku di Rwanda ketika dunia menyaksikan kesemua ini dengan ngeri adalah mustahak untuk bertindak meski pun adanya konvensyen. Contoh-contoh masa kini ialah peperangan serantau yang berlaku di Afrika, di Afghanistan, Timur Tengah tetapi yang paling dasyat sekali mengikut konvensyen ialah peperangan yang tidak diisytiharkan yang berlaku di Kosovo, di mana kesengsaraan manusia mengatasi segala-galanya pada zaman moden ini. Pembersihan etnik, layanan buruk terhadap terhadap tawanan perang, pembunuhan dan tidak mengendahkan langsung hak asasi yang berlaku dengan cepat.

Di Afghanistan, hak wanita diketepikan dan keganasan menjadi biasa kepada pihak yang berperang sama seperti di Kongo, di Rwanda di Afrika dan di Timor Timur dan juga termasuk Korea Utara. Menyaksikan semua ini Tuan Yang di-Pertua, kita selalu terutamanya sama ada Konvensyen Geneva telah gagal. Sangatlah menyedihkan bila konvensyen ini tidak dapat berbuat apa-apa untuk menghukum diktator yang melakukan kekejaman. Dalam hal ini apa yang dapat dilakukan untuk memberi kuasa kepada Konvensyen Geneva.

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada konvensyen yang satu lagi yang kita sedang bincangkan dan hendak perbahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Konvensyen Vienna mengenai hubungan konsular telah dikuatkuasakan semenjak 1993. Di mana ia ditandatangani oleh masyarakat antarabangsa, tetapi semenjak itu telah berlaku beberapa pelanggaran yang menjadikan konvensyen ini dikaji dari dekat untuk menentukan kelemahan-kelemahan dan membuat ianya lebih berkesan terutama di dalam dunia yang sentiasa berubah, bukan sahaja dalam bidang politik, tetapi juga ekonomi dan teknologi.

Dengan perkataan lain Tuan Yang di-Pertua, di era globalisasi geopolitik, isu pandangan dan hak asasi memainkan peranan yang memperangui hubungan konsular. Dalam menentukan pindaan kepada convention ini, rang undang-undang ini mengkaji aspek-aspek dari sudut baru. Saya ingin nyatakan di sini bahawa kebanyakan daripada cadangan itu hanyalah lanjutan daripada yang telah sedia ada. Ia hanyalah lanjutan dari segi bentuk sahaja dan bukannya dari segi isinya yang membawa cadangan baru untuk merangkumi perubahan di dalam pembangunan global yang menjadikan hubungan konsular ini lebih kompleks di dalam suasana global masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat beberapa cadangan berkenaan beberapa isu yang berkaitan dengan suasana hubungan global semasa berkaitan dengan konsular. Patutkah undang-undang konvensyen yang telah dipinda mengkaji campur tangan di bidang hak asasi dan perdagangan di mana ianya telah mengkaburi perhubungan konsular yang sentiasa berubah. Yang keduanya bagaimana pula dengan undang-undang yang berkaitan dengan campur tangan teknologi dan pengintipan yang selalu digunakan untuk mencampuri urusan negara-negara lain di man ia akan melampaui hubungan konsular.

Kita tahu Tuan Yang di-Pertua, tugas konsular dan diplomat ini adalah khususnya untuk mengintip, mengetahui apa yang berlaku di dalam negara sipenerima dan diadukan balik kepada negara masing-masing. Walaupun dalam undang-undang ini ada menyebutkan iaitu perkembangan hubungan komersial,

ekonomi, kebudayaan dan saintifik antara negara-negara penghantar dan negara-negara penerima. Selain daripada ini memupuk hubungan persahabatan antara mereka mengikut peruntukan konvensyen ini. Tetapi apa yang berlaku adalah seperti mana yang saya katakan tadi. Negara-negara maju semakin kerap menggunakan perkembangan teknologi untuk campur tangan di dalam negara-negara yang kurang maju. Adakah undang-undang tertentu dimasukkan ke dalam konvensyen yang dipinda untuk melindungi kemerdekaan negara-negara yang kurang maju.

Adakah kita pastikan ini bahawa rang undang-undang ini termasuk dalam Rang Undang-undang Hubungan Konsular. Saya memerhatikan semalam tidak ada. Ini hanyalah perkara biasa yang memberi kekebalan kepada konsular-konsular yang diterima ke negara kita ini. Mengapa satu rang undang-undang dikaji dan diubah supaya ia melengkapkan perkara-perkara mengikut globalisasi dan dunia moden ini. Undang-undang adalah perlu untuk melindungi negara-negara yang kurang maju dari sebarang campur tangan dari negara-negara yang maju sama ada secara tersirat ataupun tersurat yang selalunya membuat negara kurang maju tersebut dibiarkan tanpa reaksi atau perlindungan yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat undang-undang yang telah sedia ada untuk melindungi pegawai-pegawai konsular di negara-negara penerima semasa konflik ataupun peperangan, bagaimana pula ketika situasi seperti yang saya hendak nyatakan sekarang ini berlaku. Apabila negara penerima dan negara penghantar secara tiba-tiba terlibat di dalam konfrantasi langsung, misalnya apa yang telah terjadi kepada Malaysia dahulu semasa konfrantasi antara Indonesia dengan Malaysia, apa telah terjadi kepada konvensyen. Sejauh manakah undang-undang yang sedia ada boleh dikuatkuasakan untuk melindungi pegawai-pegawai konsular di negara berkenaan? Apabila berlaku satu kecemasan, satu porak-peranda, satu malapetaka dalam sesebuah negara, wujud peperangan, kita di Malaysia sanak saudara menanti dengan keadaan tertekan, menanti apa akan

terjadi kepada sanak saudara kita yang jadi diplomat, yang bekerja di embassy-embassy, dengan izin, di konsular-konsular di luar negara.

Adakah patut kita tidak melihat lebih jauh mengenai undang-undang yang sedia ada di dalam aspek ini. Mengapa kita tidak pandang jauh, mengapa kita tidak boleh jadi sebuah negara yang mempelopori, yang mewujudkan rang undang-undang ini? Sampai masanya Malaysia seperti mana yang telah dipelopori dan telah dicadangkan dan dilaksanakan oleh negara kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Malaysia boleh, Malaysia mesti mewujudkan, Malaysia mesti jadi the leading nation in this region. Bagaimana pula undang-undang mengenai pampasan misalnya kalau terjadi sesuatu perkara berlaku, adakah undang-undang pampasan boleh dibayar ganti rugi bila berlaku sesuatu perkara, misalnya di London, di New York, embassy kita terbakar dan sebagainya. Bangunan itu adalah bangunan hak kita. Apa juga dalam lingkungan bangunan itu adalah hak Malaysia. Begitu juga di tanah air kita ini, jika American Embassy di dalam pagar itu haknya. Kita tidak boleh masuk ke dalamnya dengan tidak ada kebenaran.

Seperti contoh kes yang berlaku baru-baru ini mengenai kemusnahan dan pembunuhan konsular China di Belgrade. Pelbagai telah dilakukan tetapi isu sebenarnya masih lagi belum jelas. Sampai sekarang ini pun jelas lagi. Kalau perkara semacam ini berlaku kepada konsular kita dan ahli-ahli diplomat kita di luar negara, apa yang kita boleh buat. Senyap sahajakah? Bagaimana pula dengan serangan gerila di negara-negara penerima. Perlukah undang-undang dimasukkan ke dalam konvensyen tersebut supaya serangan seperti itu tidak digunakan sebagai alibi, dengan izin, ataupun untuk melindungi tindakan yang primitif ini.

Di dalam hubungan antarabangsa, Tuan Yang di-Pertua, negara-negara yang maju dan berkuasa selalunya mempunyai pelbagai kelebihan. Seperti mana yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir semalam di Langkawi - LID. Saya terpegun mendengar ucapan yang begitu bernas dan yang begitu berani. Bagaimana undang-undang Konvensyen dapat dikuatkuasakan

secara lebih adil. Kebanyakan undang-undang yang dibuat untuk konvensyen tersebut seharusnya bersifat saksama yang meliputi semua negara yang menandatangani. Tetapi secara realitinya, secara betulnya ia tidak pernah sama rata. Bagaimana pula penguatkuasaan undang-undang ke atas negara-negara penyanyak yang saya sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, dalam banyak hal pindaan yang dicadangkan kepada Konvensyen Vienna meliputi pemakaian undang-undang berkenaan tetapi tidak jelas mengenai apa yang perlu dilakukan sekiranya terdapat pelanggaran undang-undang tersebut. Pada ketika mana keganasan telah berlaku di dalam aspek hubungan konsular, masyarakat dunia tidak berupaya untuk bertindak kerana tiada landasan untuk ia bertindak secara efektif, kecuali negara-negara yang kuat mengambil cabaran tersebut, negara yang dipanggil 'big brother champion', dengan izin. Patutkah undang-undang tatacara dimasukkan untuk mengatasi kelemahan ini? Ini yang saya persoalkan.

Undang-undang tidak patut dilihat bagaimana ia dapat dilaksanakan. Ia sepatutnya proaktif untuk menghalang tindakan-tindakan yang tidak diingini seperti undang-undang pencegahan. Undang-undang inilah yang saya ingin ketengahkan. Saya yakin di dalam perubahan globalisasi, revolusi teknologi dan bentuk baru geo-politik abad ke-21 akan membawa undang-undang yang baru dan proaktif yang sepatutnya dipertimbangkan dalam Konvensyen Vienna mengenai hubungan konsular.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan kegiatan dan kemasukan orang-orang politik sebagai duta, sebagai konsular, sebagai ambassador. Saya hendak petik serpihan antara ahli politik dan diplomat. Saudara pengarang ini ialah Osman Samin, Kementerian Luar Negeri, Wisma Putra. Saya sekali-kali tidak hendak menegur apa yang dilakukan oleh para diplomat kita di luar negara. Mereka menjalankan tanggungjawab dengan amat baik. Di mana juga saya tidak hendak sebut negara-negara yang saya pergi sebab banyak sangat sahabat saya tadi menyebut. Saya

juga dapat peluang pergi dan saya dapati ahli-ahli diplomat kita, duta-duta kita, high commissioner kita memberi layanan yang baik kepada orang-orang politik. Kepada yang lain saya kurang periksa. Kepada mereka ini saya ucap terima kasih. Baru-baru ini saya dapat peluang pergi ke Tehran, Iran sebuah negara Islam. Kami telah pun diberi layanan yang amat istimewa. Sepuluh motokar mengikut kami. Saya tidak hendak sebut tetapi terpaksa juga sebut sebab ini layanan yang istimewa yang diberikan oleh negara luar di mana ahli-ahli politik diberi layanan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pun bersama kita. Pihak *Iranian Post* amat menyegani negara kita. Apabila sebut sahaja Malaysia ‘oh your Prime Minister, Dr. Mahathir Mohamad, dia terus sebut Perdana Menteri kita. “He is the leader of the Islamic nation”, dia kata, dengan izin. Ini bukannya askar, bukannya koperal, bukannya kapten ataupun kolonel yang bersama-sama mengiringi kami itu. Kami telah pun diberi security protection lebih kurang 20 orang. Ini diperkatakan oleh kaum-kaum diplomat dan orang-orang yang sama di Iran. “Oh, your Prime Minister, he is the leader of the Islamic nation. He is the leader who is forward looking and there is so much progress in Malaysia now. You are very lucky to have a leader like him”. Dalam hati saya pun alhamdulillah sahajalah, tetapi di mulut saya kata “Thank you very much, thank you very much”.

Tuan Yang di-Pertua, duta kita di sana dia ada hal yang sangat penting, tidak dapat bersama dengan kami, tetapi penolong duta itu bersama-sama dengan kami, tidak tinggal daripada pagi sampailah ke malam, sudah habis tanggungjawab barulah mereka balik ke rumah masing-masing. Saya telah pun diarah oleh Tun Yang di-Pertua untuk membuat dua resolusi, satu resolusi berkenaan dengan Kashmir dan satu lagi resolusi berkenaan dengan Kosovo. Saya telah dapat pertolongan dalam masa setengah jam resolusi itu saya dapat sempurnakan dengan pertolongan oleh Embassy kita di Iran. Ini menunjukkan mereka memberi kerjasama dan amat cekap.

Oleh itu, bukanlah bermaknanya saya mencadangkan dahulu bahawa duta-duta dan high commissioner ini patut juga terdiri daripada ahli-ahli politik.

Sebenarnya mana sesuai, misalnya Allahyarham Dato' Kamaruddin Isa, Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi, dia telah menjalankan tanggungjawab yang amat baik, banyak pujian telah diberi kepada beliau. Apabila ada orang hendak pergi haji dia ada menunggu, apabila orang balik haji dia menghantar balik. Orang pergi umrah pun dia sambut. Cukup baik layanan yang dia berikan kepada para jemaah haji yang pergi pada masa beliau di sana.

Nama ini cukup panjang, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak baca. Saya hanya hendak sentuh sedikit sahaja. Antara nama-nama yang disebut oleh Osman Samin, Kementerian Luar Negeri, Wisma Putra, Kuala Lumpur banyak sangat di sini. Orang politik yang telah menjadi duta, misalnya Tan Sri Musa Hitam, Tan Sri Khir Johari, Allahyarham Tun Fuad Stephen, Tun Awang Hassan, Datuk Lew Sip Hon. Saya baca sambil lalu. Namanya terlalu banyak. Dato' Mohamed bin Rahmat, Allahyarham Dato' Kamaruddin Mat Isa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada orang di belakang berdiri.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan sedikit, adakah dengan senarai itu kita hendak tambah lagi, iaitu kalau sekiranya Yang Berhormat Dato' Zuki sendiri meninggalkan Dewan kita ini, kita mintalah pihak kerajaan menimbangkan supaya senarai itu dipanjangkan lagi, masukkan nama saudara saya Yang Berhormat Dato' Zuki.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak penting. Yang pentingnya mana-mana sahaja orang politik yang berkecualan dan berkebolehan seperti Yang Berhormat Datuk Hashim Safin mungkin, Yang Berhormat Dato' Aziz mungkin, Yang Berhormat Puan Faridah mungkin. Mengapa kita tidak hantar perempuan pula menjadi duta kita. Mereka pun layak. Jadi, siapa yang layak yang sesuai kita hantar. Bukan maknanya tempat diplomat yang ada sekarang ini kita tukar dan beri kepada orang politik, tidak ada. Permohonan saya tidak begitu, tetapi permohonan saya kalau sesuai.

Tuan Yang di-Pertua pun selepas ini kalau sesuai boleh pergi.

Tuan Yang di-Pertua: Tua sangatlah.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tidak lagi, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua itu nampaknya sahaja tua tetapi hati muda. *[Ketawa]* Ahli-ahli politik pun boleh jadi diplomat. Diplomat juga boleh jadi ahli-ahli politik. Ketua saya dahulu, Tan Sri Mohd. Khalil Yaakob, dia ada pagi tadi, sekarang tidak ada. Kalau ada saya hendak puji dia lagi. Dato' Seri Sabaruddin Chik – minta maaf semua dari Pahang secara kebetulan. Dato' Abdul Kadir Sheikh Fadzir, dahulunya seorang diplomat sekarang jadi seorang ahli politik. Jadi, diplomat pun boleh masuk politik, orang politik pun boleh jadi diplomat. Jadi, saranan saya ialah bahawa kalau ada peluang berilah kepada ahli-ahli politik yang berkualiti diplomat seperti mana yang dikatakan Putera Gunung Ledang Kuala Lumpur- “Kualiti Diplomat Malaysia” dalam forum hujung minggu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya hendak beri peluang kepada sahabat saya untuk berucap lagi. Panjang sangat saya berucap tadi. Saya akan cuba dalam masa Jawatankuasa nanti membangkitkan sedikit lagi teguran saya dalam rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

3.05 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999 yang dibawa oleh pihak kerajaan sebentar tadi. Saya amat bersetuju dengan matan-matan yang diucapkan oleh saudara saya Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki sebentar tadi kerana secara keseluruhannya merangkumi wujudnya satu kepentingan yang menyeluruh di mana mereka yang berkualiti sahaja boleh mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa di kedutaan-kedutaan yang ditetapkan supaya imej negara sentiasa terjamin dan lebih-lebih lagi semangat perjuangan bangsa di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat dicerminkan tanpa dakyah dan tohmah kepada peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Rang Undang-undang Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999 ini memberikan satu assumption, dengan izin, di mana negara bangsa (nation state) merupakan negara bangsa yang

seimbang dan sama dari segi kedaulatannya. Tetapi sebenarnya realitinya, hakikatnya apabila jatuhnya komunisme sebagai satu ideologi pada tahun 1989 wujud satu sahaja kuasa unipolar iaitu Amerika Syarikat. Jadi, dengan wujudnya pendekatan globalisasi secara mendadak, dengan wujudnya satu pendekatan liberalisasi, satu pendekatan untuk mendominasi demokrasi kepada negara-negara lain, seolah-olah sekarang ini tidak wujud lagi sempadan dan tidak lagi wujud konsep dan notion negara bangsa (nation state) tadi.

Jadi, kalau ianya begini seperti yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita semalam, kita mesti mencari jalan bagaimana playing field, ataupun padang permainan antarabangsa ini disamaratakan. Kalau tidak, negara-negara kecil, negara-negara membangun sentiasa mendapat tekanan dari segi sungguhpun adanya konvensyen semacam ini misalnya, tetapi sentiasa mendapat tekanan dan layanan yang berbeza-beza, satu prejudice, satu diskriminasi secara positif sungguhpun kadangkala ianya tidak berapa nampak (hidden) tetapi jelas menunjukkan bahawasanya kuasa menentukan real politicnya, menentukan geo politic yang berbeza-beza dan kuasa itu sekarang apabila tidak adanya komunis, ianya jelas nampak terletak kepada tangan kuasa besar seperti Amerika Syarikat.

Jadi, kalau sekiranya ini hakikatnya, kalau sekiranya padang permainan itu tidak sama rata antara perjuangan peringkat antarabangsa, maka kita mestilah mengakuri wujudnya satu pendekatan baru, pendekatan yang memberi sedikit sebanyak handicap, yang memberi sedikit sebanyak bantuan ataupun dari segi keistimewaan kepada negara-negara kecil kerana mereka mungkin tidak dapat bersaing atau mungkin tidak dapat menerima sifat-sifat globalisasi, liberalisasi dan demokrasi mutlak ala Barat dan apakah keistimewaan itu? Keistimewaan itu ialah untuk mengenal pasti identiti sesebuah negara, bangsa dengan masalah-masalah tersendiri yang bukannya kerana mereka, mereka wujud sebenarnya selepas post kolonial era ataupun fasa koloni dibuat sedemikian rupa oleh penjajah-penjajah dahulu yang dibuat sempadan seperti negara-negara di Afrika, tidak mengira komponen sesebuah negara itu, bangsa dan kaum mana sehinggakan kita dapati

sekarang ini negara-negara di Afrika misalnya begitu fragile, begitu tidak kukuh sehinggakan ianya sekarang berdepan dengan masalah-masalah tribulism, masalah-masalah peperangan kaum dan notion negara bangsa amat lemah sekali.

Bagaimana mereka yang sebegitu rupa misalnya dapat bersaing di peringkat antarabangsa sebagai satu negara yang mempunyai kedaulatan yang mutlak kerana mereka sendiri bergantung kepada negara-negara luar yang mempunyai kuasa hegemony dan dominasi, baik dari segi ekonomi, politik, kententeraan mahupun sosial.

Dalam keadaan begini,, saya merasakan dalam persidangan antarabangsa, dalam apa sekali persidangan, kita mestilah mengemukakan pendekatan negara-negara membangun, pendekatan negara-negara yang baru muncul (the imaging states), dengan izin, bagi menentukan playing field, padang permainan yang tidak sama rata ini memberikan keistimewaan kepada negara-negara yang membangun ini supaya kalau sekiranya mereka belum lagi mampu untuk menyertai perjuangan atau persaingan globalisasi untuk menyertai dari segi perdagangan antarabangsa yang secara berterus terang, tidak ada sempadan, tanpa sempadan atau dipaksa untuk menerima demokrasi mutlak ala Barat, semuanya sifat-sifat ini terpaksa dikaji semula dan tidak digunakan sebagai alat untuk merupakan sebagai penjajahan kedua, the second wave of colonialism.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita merasakan apa yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir malam tadi, di mana kalau sekiranya playing field itu sungguhpun ianya sama rata, saiz pemain-pemainnya pun tak sama rata. Cuba bayangkan orang Malaysia bermain ragbi dengan orang-orang di Fiji, the all black ataupun orang Malaysia bermain dengan orang yang tingginya 6'5" atau 6' 7" bermain volley ball dengan orang-orang Amerika, tentu sahaja orang Amerika yang tingginya 6'5" itu namanya Jordon dan sebagainya diletak sahaja bola dalam gol itu, macam saya 5' 2", baru hendak masuk askar, tentu saya ini kena melompat tinggi sangat.

Jadi, handicap itu ada, macam main golf juga, kita ada handicap. Tuan Yang di-Pertua sendiri ada handicap yang tertentu, pagi-pagi dengan golf Tuan Yang di-Pertua, saya pun mempunyai handicap yang berbeza, tetapi handicap diberi atas tahap permainan masing-masing.

Jadi, kita mengharapkan juga negara-negara ini di dalam bidang peringkat untuk hendak menerima nilai-nilai antarabangsa, tidak perlu kita mendadak ataupun memaksa mereka menerima nilai-nilai ini kerana mereka belum lagi sanggup, belum lagi bersedia untuk menerimanya.

Jadi, alasan kalau sekiranya mereka tidak menggunakan sifat-sifat dan nilai-nilai ala Barat ini tadi kerana adanya dominasi kekuasaannya, mereka dipinggirkan, ah, tidak ada demokrasi, kita tidak akan beri dia peluang untuk memasuki perbadanan perdagangan antarabangsa (WTO) misalnya, oh mereka mengamalkan nepotism, mengamalkan cronyism, kita tidak boleh memasukkan mereka di dalam bidang-bidang perniagaan antarabangsa atau memasuki satu-satu sektor dan peluang yang dibuka luas kepada mereka yang mengamal perkara yang semacam ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah melihat bagaimana kuasa mata wang digunakan oleh spekulator mata wang untuk menjahanamkan sesebuah negara. Seperti yang saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini, kita lihat bagaimana tabung mata wang antarabangsa (IMF) menggunakan kuasa, ya kita akan membantu Indonesia, ya kita akan membantu Thailand dan South Korea, tetapi ini dia nilai-nilai dan cara-cara hendak membantu, mereka akan dibantu kalau sekiranya kerajaan ditukar, seperti yang wujud di Indonesia sekarang ini. Bagaimana teruknya 20 juta manusia yang dahulunya miskin sudah meningkat kepada 40 juta yang mendapat RM3.80 ataupun kurang daripada US\$1 sehari.

40 juta bererti 20% daripada penduduk-penduduk di Indonesia dimiskinkan oleh cadangan IMF, bukan hendak mengkayakan, bukan hendak menebus kemiskinan, tetapi mendaifkan lagi dan setakat ini ketidaktentuan dari segi politik di Indonesia, dari segi kerajaan – melarat. Reformasi berterusan dan nyaris-nyaris

reformasi itu melanda negara kita, seolah-olah ada satu agenda baru, agenda penekanan kolonial kedua, badai kolonial kedua menerusi the tools of economy, menerusi alat-alat perekonomian antarabangsa.

Seolah-olah globalisasi itu sendiri, seolah-olah badan pertubuhan perdagangan antarabangsa itu sendiri merupakan bank dunia, dana mata wang antarabangsa seolah-olah merupakan satu alat kepada mereka yang menyumbang sepenuhnya, negara-negara Barat untuk memberikan satu dominasi kepada negara-negara kecil.

Jadi, konvensyen seperti ini mesti mencerminkan secara mana negara-negara kecil ini terus dapat bersaing, tanpa gangguan, tanpa kegugatan untuk memberi peluang yang lebih kepada mereka menyertai arus perdana perekonomian dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat bersetuju dengan Yang Berhormat saudara saya Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi yang menyebut, apakah tindakan badan dunia terhadap mereka yang jelas dan nyata bertujuan untuk membuat satu racial cleansing, penyucian bangsa dan kaum di Eropah, di negara-negara Balkan di mana dahulunya orang-orang Bosnia bukan main teruk, lepas itu kini orang-orang Kosovo keturunan Albania, Islam yang menjadi sasaran sehinggakan ramai yang dibunuh, ramai yang disembelih, anak kecil, ibu, orang tua disembelih, dibunuh, secara berkumpulan.

Kita sekarang ini sedang menyaksikan kubur-kubur beramai-ramai mereka ditanam dan apa yang sudah jadi kepada Sloviden Melosevic, Presiden Serbia ini, sampai sekarang masih lagi bermaharajalela sungguhpun pelajar-pelajar menuntut untuk beliau berhenti, sungguhpun sudah ada satu peruntukan khas oleh kerajaan daripada Amerika Syarikat menyatakan penggulingan Melosevic, kita akan membayar sekian-sekian, seperti hendak menggulingkan Saddam Hussein, US\$90 juta digunakan wang untuk sesiapa yang boleh menggulingkan Saddam Hussein.

Nampak jelas, kalau kepada Melosevic ini tidak mengapalah, tetapi Saddam Hussein sendiri pun kena. Saddam Hussein untuk menjadi pemimpin

negaranya telah pun mendapat satu habuan daripada Amerika Syarikat yang menyatakan gulingkan dia, nah US\$90 juta.

Jadi, begitu murah kepimpinan negara-negara seperti ini. Standard yang berbeza-beza, piawai pendekatan yang berbeza-beza, Amerika Syarikat dengan Melosevic dibiarkan sehingga begitu ramai orang Islam yang mati dibunuh dan pada masa yang sama orang-orang Islam di Iraq dipertahankan disekat dari segi ekonomi supaya ramai yang melarat sampai mati anak-anak kecil, satu generasi, dua generasi hilang begitu sahaja di muka bumi kerana ketinggalan zaman, kerana penuh dengan penyakit dan tidak akan dapat menyambung dari segi tamadun Iraq itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, jadi standard ataupun nilai yang berbeza-beza ini, yang ditujukan kepada negara-negara yang berbeza terutama sekali negara-negara Islam, kita merasakan seolah-olah ada prejudis baru daripada negara-negara Barat terutama sekali apabila wujudnya satu teori, Samuel P. Huntington yang pernah saya utarakan di sini, pertembungan tamadun, sekarang ini bila tidak ada komunisme sebagai satu falsafah, satu ideologi, yang wujud sekarang ini ialah demokrasi, the triumphant democracy, lepas itu musuhnya negara-negara Islam dan orang-orang Islam, sehinggakan bila bom meletup sahaja di Amerika, ha, orang Islam telah menjatuhkan bom, sampai begitu sekali pemikiran dan prejudis yang telah pun merebak begitu tebal kepada pemimpin-pemimpin di Amerika Syarikat.

Jadi, di manakah wujudnya persefahaman, understanding dan juga perasaan menghormati satu-satu agama, satu-satu ideologi yang berbeza sedikit dari Amerika, daripada apa yang mereka fahami terus merupakan mereka sebagai musuh ketat, musuh utama.

Jadi,

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, kalau dialah dihantar sebagai ambassador ke Serbia, apa yang dia patut buat

atau lakukan sebagai seorang konsular di sana untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Kosovo dan Serbia sekarang ini ?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya dihantar ke sana, yang pertama sekali saya buat, saya panggil sahabat saya Yang Berhormat Dato' Mohd. Zuki untuk melawat dan menyaksikan keadaan sebenar yang berlaku. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya amat sedih kerana peranan askar-askar kita, tentera kita di Kosovo yang bukan sahaja menjaga keamanan tetapi juga membantu dari segi kesihatan, memberi ubat dan sebagai paramedic bukan sahaja kepada orang-orang Islam Kosovo, orang-orang yang bukan Islam dari Serbia, tak ada cerita dalam televisyen. Televisyen kita tidak ada pergi ke sana untuk hendak memberikan gambaran perjuangan bangsa Malaysia ini di negara-negara yang memerlukan, yang adanya CNN sekejap sahaja diambil gambar orang-orang Malaysia membantu orang-orang daripada Serbia.

Jadi, kita dari segi pendekatan amat luas. Kita memainkan peranan humanitarian ground ini, asas-asas kemanusiaan, tetapi tidak dieksploitasi, tidak digunakan sepenuhnya oleh negara kita.

Jadi, saya minta menerusi pihak Kementerian Luar Negeri, apa sahaja kerja-kerja baik yang dijalankan oleh pasukan-pasukan kita, pasukan tentera, pasukan sukan terutama pasukan tentera yang memberikan nyawa untuk menyelesaikan masalah dunia sepatutnya ini menjadi dokumen menerusi pita video, televisyen dan sebagainya.

Jadi, kita mengharapkanlah kerana itu mungkin ianya menaikkan lagi semangat anak-anak bangsa untuk menyertai dari segi pertahanan negara ini menerusi pertubuhna-pertubuhan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya juga ingin mengetahui dari pihak kementerian, kalau sebenarnya wujud hubungan konsular yang baik ini, menerusi Konvensyen Vienna 1999, apa yang sudah jadi kepada ASEAN, saya lihat Pulau Spratly kita, kita letak sahaja satu bangunan untuk hendak menandakan kita

mempunyai hak juga di situ, bukan main menjadi komen terutama daripada Filipina dan saya difahamkan juga Albright akan mencungkil perkara ini dalam perjumpaan sama ada hari ini atau esok dengan pemimpin negara kita.

Sudah menjadi satu faktor yang boleh menyekat hubungan baik antara negara-negara ASEAN, tetapi yang lebih menghairankan negara yang paling dekat dengan kita, negara jiran kita entah macam mana berlaku baru-baru ini saya lihat, kereta sesak hendak keluar ke Singapura dan mereka ini sebenarnya membangunkan ekonomi Singapura, mempunyai pekerjaan yang halal di Singapura, sehinggakan terpaksa berjam-jam menerusi Tambak Johor untuk pergi bekerja di sana.

Dan perkara ini berlaku sebenarnya, selepas tersiarnya Istana Melayu Kampung Gelam, Sultan Hussein di muka surat depan *Utusan Malaysia*, ianya punca untuk mencetuskan seolah-olah satu persaudaraan yang rapat antara Singapura dengan Malaysia.

Apa yang dipamerkan oleh *Utusan Malaysia* menunjukkan satu fakta yang perlu diketahui umum bagaimana Istana Sultan Hussein yang berusia 160 tahun akan dijadikan muzium, akan dijadikan pusat yang menceritakan sejarah ketuanan Melayu di Singapura dan rata-rata Parlimen di Singapura menyatakan, menyoal apa yang berlaku di dalam surat khabar kita menerusi TV3 dan sebagainya, cerita-cerita yang dipamerkan dan dia lupa sebelum kita mengadakan Perhimpunan Agung UMNO, tonggak kepada Kerajaan Barisan Nasional satu berita daripada *Business Times* Singapura boleh memberi komen untuk menyatakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita suruh berhenti, hendak digantikan dengan orang-orang baru.

Ini kerajaan, menceritakan hal Kerajaan Malaysia. *Business Times* Singapura mengutarakan pendapat seperti itu di ruangan *Editorial*, maknanya hebat dari segi tamparan kepada kita. Dan apabila kita bercerita tentang Istana, Parlimen dia riuh, apabila dia menceritakan tentang kerajaan kita, tidak riuh kita, hanya sekarang kita hendak meriuh-riuhkan kerana perkara itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Singapura dengan Malaysia mempunyai hubungan yang paling rapat, seperti isi dengan kuku, kerana Singapura dahulunya adalah di bawah naungan Kerajaan Sultan Johor, Semenanjung Tanah Melayu, jadi sejarah tidak boleh kita ketepikan dan kita hairan bagaimana Konvensyen Vienna 1999 ini, hubungan konsular dapat meneruskan persahabatan rapat, bukan sahaja antara negara-negara jauh, antara Malaysia dengan Singapura itu sendiri, air kita beri dan saya lihat air pun kita beri yang belum diproses, sampai ke sana dia boleh jual balik ke negeri Johor, air bersih dengan harga yang tinggi, ini pun kesilapan kita. Tetapi soalnya, ada hubung kait yang rapai, Singapura-Malaysia.

Jadi, saya hendak tahu daripada Kementerian Luar Negeri, apakah kedudukan sebenarnya, antara kita dengan negara-negara ASEAN menerusi kubu kita di Pulau Spratly dan di antara kita dengan Singapura kerana wujudnya kegelisahan menerusi media, menerusi Tambak Johor dan sebagainya. Dan apa yang telah jadi kepada tanah kepunyaan negara kita di Singapura? Kita mempunyai tanah di Singapura dan perlindungannya ada termaktub di dalam ini, sejauh mana tanah kita terlindung daripada kekuasaan sesebuah negara, seperti terlindungnya tanah-tanah kepunyaan asing di negara kita sendiri. Kita hendak tahu daripada kementerian, kerana ini penting, ini soal maruah, soal kedaulatan negara yang merdeka seperti Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, saya ingin menyarankan kepada pihak kerajaan, kalau kita pergi ke London misalnya, kita lihat embassy kita di satu tempat, trade atau perdagangan di satu tempat yang lain, lepas itu dari segi pelancongan di satu tempat yang lain, berselerak di merata-rata tempat. Adalah lebih ekonomik, lebih mendapat fokus yang tajam kalau sekiranya kita buat satu bangunan, beli sebuah bangunan, bangunan Malaysia dan semuanya di tingkat pertama, di tingkat kedua, di tingkat ketiga dan di atas sekali kita pergi kepada Duta besar kita, yang di tingkat bawah dari segi perniagaan dan ekspo – habis cerita!

Jadi, semuanya bertumpu kepada satu pusat. Jadi, kita ingin mengetahui dari pihak kementerian, adakah dasar konsular, dasar penubuhan pejabat-pejabat di luar negara ini dapat disatukan menerusi Kementerian Luar Negeri, menggabungkan segala agensi-agensi supaya senang mereka yang hendak membuat hubungan dengan kita menerusi satu pusat sahaja yang merangkumi segala bidang, perdagangan, pelancongan, kebudayaan, sejarah, budaya dan apa-apa sahaja, buat di bawah satu bumbung. Ini tidak akan menyulitkan negara, mengurangkan kos kerana sekuriti yang sama, semuanya sama. Kereta pun mungkin kita dapat buat satu plate yang sama dan sebagainya.

Jadi, sekarang ini kita mesti membuat pendekatan seperti ini untuk menimbulkan wujudnya kecanggihan pemikiran, janganlah kita buat IT, kita buat digital government, kerajaan digital, buat e-commerce dan sebagainya, tetapi kita sendiri tidak canggih dari segi mengubahsuai sistem kedutaan kita di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan pagi tadi saya menyebut tentang maklumat yang perlu dibawa menerusi kedutaan-kedutaan. Saya ingin mengulang sekali lagi perlunya maklumat-maklumat sahih dikeluarkan menerusi kedutaan untuk tatapan pelajar-pelajar kita dan perlunya Kementerian Penerangan di bawah Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalid Yaakob sebagai menterinya bagi mewujudkan khusus jawatan pegawai yang tidak diresap menerusi Kementerian Luar Negeri kerana tanggungjawabnya kepada pelajar-pelajar kita, media massa di sana untuk menjawab tohmahan-tohmahan dan memberikan penerangan-penerangan yang jelas dari segi dasar-dasar kita supaya kita tidak diputarbelitkan dan tahap pemikiran orang-orang ini mestilah sesuai dengan kawasan yang mereka wakili.

Kalau hendak hantar Pegawai Penerangan yang mahir di kampung, hendak hantar ke London lepas itu mengharapkan supaya mereka dapat berbincang dengan pengarang-pengarang *Financial Times*, *The Economist* kah, tidak dapat dan kita malu ataupun menghantar seorang yang kualitinya tinggi di Kuala Lumpur sahaja hantar ke New York hendak bercakap dengan *New York Times*,

Washington Post kah tidak laku. Jadi, tahap (level) pemikirannya, intelegnya mesti sepadan dengan mereka yang hendak ditemui. Maka barulah dapat kita merasakan konsular kita memainkan peranan yang penting di sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Zainuddin Maidin.

3.32 ptg.

Datuk Zainudin bin Maidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong Rang Undang-undang Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999. Walaupun saya menyedari bahawa rang undang-undang ini tidaklah akan memberikan persamaan hak antara kita dalam hubungan dengan negara-negara lain dan walaupun saya menyedari bahawa hal ini adalah untuk memberikan kekuatan immunities yang memperkuatkan immunities kepada para diplomat kita untuk saling campur tangan antara satu sama lain. Selain daripada perkara-perkara yang telah pun menjadi semangat kepada Rang Undang-undang Diplomatik itu sendiri.

Sebelum saya pergi kepada perkara-perkara lain, saya ingin menyentuh dua perkara iaitu yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan juga Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, iaitu pertama sekali, saya rasa berterima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Zuki yang telah menimbulkan soal perlantikan ahli politik untuk menjadi duta atau diplomat. Walaupun perkara ini adalah satu perkara yang telah pun dilaksanakan dari sejak dahulu tetapi apabila beliau menimbulkan perkara ini, maka ternyata telah menjadi sesuatu perbincangan yang mengembalikan kita kepada sejarah memperingati bahawa perkara ini telah dilakukan dan telah diberikan jawapan oleh pihak Wisma Putra menjadi suatu perbincangan di dalam akhbar yang saya kira banyak membantu dalam mengingatkan kita kepada sejarah di negara kita.

Kemudian, saya juga ingin menyentuh tentang apa yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz. Beliau telah menyatakan tentang soal pihak Singapura merasa tersinggung oleh kerana kita telah menyentuh terutamanya pihak akhbar di sini telah membangkitkan soal langkah Kerajaan Singapura untuk mengambil istana Sultan Hussein di Singapura. Saya ingin menjelaskan bahawa penyiaran berita ini sekadar untuk mencatatkan suatu sejarah berakhirnya suatu titisan orang-orang melayu di Singapura bukan untuk membela. Saya dalam soal ini, pendirian saya adalah jelas. Saya tidak melihat bahawa mempertahankan suatu bangunan yang dikatakan istana itu akan dapat mempertahankan orang-orang melayu di Singapura. Itu bukanlah benteng terakhir, itu tidak munasabah, itu bukan benteng terakhir. Kalau kita hendak mempertahankan apa yang dikatakan istana sultan di Singapura maka samalah seperti kita mempertahankan Kampung Baru yang ada di Kuala Lumpur sekarang sebagai benteng orang-orang melayu. Itu bukan benteng tetapi benteng orang-orang melayu di Singapura ialah kesanggupan untuk bersaing di dalam sesuatu masyarakat yang kompetitif yang menilai keupayaan dan kesanggupan untuk bersaing dengan kaum-kaum lain yang ada di sana. Tidak ada jalan lain lagi bagi orang-orang melayu di Singapura, maka kita tidak harus melihat itu sebagai sesuatu yang kita tidak harus menanggapi hanya sekadar untuk mencatatkan sesuatu sejarah oleh kerana mereka datang dan mengadu kepada kita maka kita catitkan sebagai suatu berita, bukan kita menganggap itu sebagai satu benteng. Tidak ada benteng lagi di Singapura bagi orang Melayu. Hal ini mestilah kita jelas.

Yang keduanya, iaitu tentang sindiran. Sindiran ini telah kita bangkitkan, sindiran *Business Times* terhadap keadaan politik di Malaysia yang secara konklusif yang meminta supaya Perdana Menteri kita berundur dan menteri-menteri daripada MCA, MIC dan sebagainya juga sudah tidak layak dan perlu diganti. Sebenarnya saya difahamkan bahawa itu sebenarnya lebih ditujukan, walaupun ditujukan kepada Perdana Menteri Malaysia tetapi lebih ditujukan kepada Goh Chock Tong sendiri, kepada Perdana Menteri Singapura sendiri, iaitu

bahawa sudah sampai masanya bagi V.G. Lee untuk mengambil tempat sebagai Perdana Menteri Singapura. Goh Chock Tong dan rakan-rakannya haruslah berundur memberikan tempat kepada orang-orang baru. Maka itulah kita melihat selepas berita itu terbit, maka di American Media - *Times*, *Newsweek*, *Asiaweek*, semua keluar dengan berita-berita interview khas dengan V.G. Lee dan V.G. Lee menyatakan kesanggupan sekiranya saya popular diterima, bersedia untuk menjadi Perdana Menteri Singapura.

Saya tidak tahu sama ada betul atau tidak ‘pukul anak, sindir menantu’ tetapi itulah, Goh Chock Tong mesti memberi laluan kepada V.G. Lee di Singapura. Itu soal merekalah, saya tidak mahu pergi lebih lanjut lagi, itu soal mereka. Tetapi yang penting terutama sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia dan khususnya Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir, yang telah menempatkan Kementerian Luar Negeri atau Wisma Putra di tapak yang penting di Putrajaya.

Di samping itu Kerajaan juga, di dalam perancangannya akan mengadakan satu diplomatik enclave di kawasan Putrajaya, yang cantik, berkualiti dan baru-baru ini Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat telah diberikan taklimat mengenai pembangunan Putrajaya dan bangunan Wisma Putra inilah yang paling canggih, impressive, ‘commended’ dalam kedudukannya di Putrajaya. Saya rasa hal ini adalah menunjukkan bahawa Kerajaan Malaysia adalah memberikan perhatian dan penilaian yang tinggi kepada hubungan antarabangnya. Juga di samping itu, menunjukkan bahawa Kerajaan Malaysia adalah menganggap perwakilan asing di negara ini sangat penting dalam membina hubungan kita dengan luar negara.

Yang menarik ialah saya melihat bahawa daripada bangunan Wisma Putra ini, perspektifnya yang telah ditunjukkan kepada kami ialah ia mewakili atau menghayati aspiration Perdana Menteri dalam memberikan mesej kepada apa yang diceritakan oleh Pengarah Perancang Bandar dan Desa, Dato’ Profesor Zainuddin, iaitu dalam mesejnya, Perdana Menteri kepada Dato’ Zainuddin iaitu

pembangunan Putrajaya ini mestilah berasaskan kepada tiga ciri yang telah diberikan oleh Saidina Omar kepada Abu As, Gabenor Mesir dalam membangunkan bandar Mesir. Tiga ciri itu ialah hubungan manusia dengan manusia, hubungan manusia dengan Tuhan dan hubungan manusia dengan alam.

Kita juga diberitahu bahawa Perdana Menteri sebelum masuk ke pejabatnya bagi pertama kalinya, dia telah mengarahkan bahawa mesti didahulukan pembinaan masjid. Itu mesti dalam pembangunan mana-mana juga bandar yang Islamic City, masjid mesti dibangunkan dahulu. Sebelum dia masuk ke pejabatnya maka dia minta izin untuk bersembahyang dahulu di masjid itu baharulah dia masuk pertama kalinya ke pejabatnya. Yang penting sekali ialah saya rasa Wisma Putra ini akan melambangkan salah satu daripada ciri yang saya sebutkan tadi, iaitu ciri hubungan manusia dengan manusia.

Jadi, inilah yang saya merasa bangga dan saya merasa bahawa Wisma Putra akan menjadi satu bangunan yang paling menarik, yang paling impressive dan yang boleh kita banggakan. Saya juga berharap bahawa pihak-pihak para diplomat yang ada di sini akan bersedia untuk mengisi tempat ataupun peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada mereka sebagai rasa penghargaan kita kepada mereka. Dalam hal ini, saya ingat dengan sumbangan ataupun kerjasama mereka maka kita akan dapat membangunkan sebuah bandar Islamic City yang paling canggih dan paling mengagumkan di dunia ini.

Selain daripada itu, saya juga berharap dengan kecanggihan yang telah kita lihat daripada apa yang kita akan lihat dari Wisma Putra itu maka tentulah kita mengharapkan kecanggihan Wisma Putra itu sendiri. Tentunya masalah yang akan kita hadapi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi iaitu suatu keadaan dunia yang berlainan. Di mana apabila kita mengharapkan setelah berakhirnya Perang Dingin (Cold War) maka kita merasakan bahawa kita tidak ada masalah lagi. Kita akan berada dalam sebuah dunia yang aman dan damai, yang tidak ada sering ganggu-menganggu lagi, berakhirnya Communism, itulah mimpi-mimpi kita. Tetapi tidak menjadi

demikian sebab Amerika mempunyai mimpi yang tersendiri, ia mempunyai mimpi yang lama, new frontier ataupun 'the Pacific's dream' dan pelbagai lagi yang menunjukkan bahawa mereka adalah gigih dalam menjalankan usaha-usaha untuk mencapai mimpi-mimpi mereka.

Tentunya di antara yang paling menarik sekali ialah bahawa kita dapat menemui dalam tulisan-tulisan yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, dalam tulisan Huntington ataupun Peter Drewker menyebutkan bahawa masa hadapan kerajaan bukan kerajaan. Masa hadapan kerajaan ialah masyarakatnya yang diswastakan, masyarakat itulah yang lebih merupakan masyarakat yang menyumbang kepada pembangunan negara. Kita telah melihat kepercayaan Amerika ini walaupun tidak disalur, tidak dijadikan suatu philosophy lagi mungkin dalam dasar luar negaranya tetapi dalam hal ini kita telah melihat bagaimana apabila Al Gore datang ke sini dan beliau bercakap, walaupun beliau tidak menghormati kerajaan yang ada sekarang. Beliau menghormati orang di jalanan, orang yang tidak sah bukan sahaja di negara kita juga di tempat-tempat lain. Itu adalah projek daripada dasar masa hadapan Amerika yang harus kita hayati dan harus kita melihat daripada sekarang ini. Inilah yang akan menjadi suatu ancaman baru kepada kita dan kita tidak dapat mengelak mengatakan bahawa kita tidak akan dapat mengelakkan daripada campur tangan asing, itu tidak mungkin akan berlaku. Campur tangan asing akan terus berlaku tetapi masalahnya bagaimana kita menguruskan diri kita untuk keluar dengan maruah dan dengan kekuatan kita sendiri untuk survive dalam dunia yang baru ini.

Ini yang paling penting sekali iaitu bagaimana dan kita telah melihat hal ini berlaku dan kita melihat bagaimana mimpi-mimpi Amerika ini dengan menggunakan tenaga-tenaga Asian untuk membunuh kawan-kawan dalam Asian sendiri. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Wisma Putra dalam kelicinannya, dalam menguruskan diri kita yang telah ditunjukkan umpamanya dalam soal hak campur tangan (intervention) Ankara negara-negara ASEAN. Kita melihat pada mulanya disuarakan oleh Albright di Thailand kemudian lagi satu

alatnya, lagi satu robotnya iaitu di Filipina. Kemudian apabila Albright pergi ke Filipina, meneruskan suaranya untuk menuntut supaya ada campur tangan antara negara ASEAN maka bersuaralah Filipina.

Saya tidak mahu sebut negara-negara lain tetapi ada dua negara yang telah jelas menjadi alat kepada Amerika di Asia. Bagaimanakah kita bila mereka sanggup menjatuhkan maruah mereka tetapi tidakkah kita sedar bagaimana dalam keadaan ini kita boleh keluar dengan keperibadian kita sendiri dengan tekanan yang begitu hebat dari segi ekonomi, dari IMF dan sebagainya. Negara besar yang 200 juta penduduk boleh jatuh, boleh dilihat sebagai menyerah kalah dengan Camdessus berpegang begini [*Sambil menunjukkan tangan berpeluk tubuh*] dan Suharto, suatu gambaran yang tidak akan boleh kita lupakan buat selama-lamanya, suatu penghinaan kepada bangsa Asia yang paling pedih. Tetapi kita boleh keluar dengan kekuatan kita, manage to survive untuk menunjukkan bahawa kita adalah satu bangsa negara kecil tetapi boleh berdiri lebih kuat daripada negara ASEAN yang lain.

Oleh kerana malangnya dalam keadaan begini orang-orang sosialis dahulu sendiri pun tidak dapat melihat di mana keulungan Yang Amat Berhormat Dato Seri Mahathir bin Mohamad dalam soal ini, despite kesilapannya, kepercayaannya kepada materialisme yang agak keterlaluan. Tetapi bagaimana beliau keluar, bagaimana kadang-kadang kita melihat beliau seolah-olahnya berjuang bersendirian dalam soal ini. Bukan maksud saya tidak ada sokongan dalam negara tetapi dalam hal-hal penentangan yang sepatutnya mendapat sokongan, yang gagal dilakukan oleh Sukarno, yang gagal dilakukan oleh Nehru, yang gagal dilakukan oleh Mao Tze Tong.

Jadi, soalnya sekarang bagaimana kita hendak menguruskan diri kita dalam tekanan, kita memerlukan, jangan kita nafikan bahawa kita juga telah membiarkan campur tangan asing dalam negara kita. Kita survive kerana adanya perjanjian dengan lima negara (five power agreement) semasa konfrantasi Indonesia. Kalau tidak ada lima negara, apabila Indonesia hendak menyerang Malaysia maka

Suharto ingat, apabila diarahkan oleh Sukarno, apa yang diingat oleh Suharto dan beliau mengatakan bahawa, five power agreement akan menghancurkan Indonesia dalam sekelip mata. Maka itulah sebabnya serangan terhadap Malaysia tidak dilakukan, hal itu jelas dan Indonesia juga membenarkan diperalatkan oleh Amerika untuk mengambil Timor Timur, untuk menentang kebangkitan Komunis Fretalin di Timor Timur, Irian Barat. Tetapi akhirnya bagaimana? Akhirnya sekarang adakah mereka mengenang budi Indonesia, tidak. Ini suatu pelajaran yang paling baik, mereka cuba mengumpulkan pendapat dunia untuk mengatakan kekejaman, penekanan, penindasan dan sebagainya terhadap Timor Timur oleh bangsa Indonesia.

Jadi, ini kita harus pelajari dan kita mungkin tidak dapat keluar daripada keadaan ini dan Wisma Putra tentunya akan lebih memahami bagaimana pengalaman kita menggunakan pihak-pihak asing untuk kepentingan kita dan kita juga akan menjadi alat kepentingan asing dari semasa ke semasa mengikut kepentingan-kepentingan kita.

Jadi, soalnya ialah dalam keadaan apa pun kita harus mementingkan maruah kita sebagai satu bangsa yang telah merdeka dan sejauh ini di antara negara-negara ASEAN yang lain, kita telah membuktikan kepada dunia bahawa kita sanggup bersuara sendiri, kita sanggup berdiri di atas kaki kita sendiri, kita mempunyai kemerdekaan yang lain bukan sebagaimana negara ASEAN yang lain yang maruahnya telah jelas untuk kita adili sama ada kita benar atau mereka benar.

Hal ini haruslah disedari oleh bangsa Malaysia dan anak-anak kita yang telah lupa tentang sejarahnya dan inilah yang saya kira sangat penting bagi Wisma Putra untuk menghadapi dengan segala kepakarannya, dengan segala orang-orang yang berpengalaman, saya menghormati Wisma Putra daripada dahulu hingga sekarang. Saya tahu orang-orangnya, saya kenal mereka, saya bercakap dengan mereka, saya mengagumi diplomat-diplomat kita tetapi saya mengharapkan kualiti diplomat yang telah dilahirkan oleh Tan Sri Ghazali Shafie dahulu akan berterusan. Malah mungkin suatu masa nanti kita akan mempunyai diplomat-

diplomats yang lebih berkaliber, yang lebih besar tidak semestinya tidak lebih baik daripada Amerika, tidak semestinya walaupun kita negara kecil.

Jadi, hal inilah yang saya rasa perlu dan saya tidak ada apa-apa lagi yang hendak saya perkatakan. Saya ingat sekadar itu sahaja dan saya turut bangun menyokong rang undang-undang ini.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kamilia.

3.48 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna)(Pindaan) 1999 yang telah dibentangkan oleh pihak Wisma Putra sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang tahu dan sedar bahawa masa kini kita ada lebih kurang enam bulan lagi untuk memasuki abad ke-21. Seperti mana yang telah diperkatakan oleh rakan-rakan sebelum saya tadi bahawasanya abad ke-21 ini menuntut kepada satu shift, satu demansi baru dalam perhubungan diplomatik kerana wujudnya apa yang dipanggil satu era globalisasi dan liberalisasi dan banyak diperkatakan tentang the global village. Tentu sekali banyak perhubungan antarabangsa termasuk juga undang-undang antarabangsa yang perlu dilihat dan dikaji semula jika tidak, ada yang perlu dibubar.

Kita dapati bahawa konvensyen dan treaty adalah merupakan undang-undang yang digunakan, dapat dikuatkuasakan dalam apa-apa perhubungan antarabangsa. Dengan treaty atau konvensyenlah maka sesuatu tuntutan di arena antarabangsa akan dapat dilaksanakan. Tanpa kita mengiktiraf atau meratifikasikan mana-mana treaty atau konvensyen kita tidak akan dapat merupakan sebahagian daripada arena antarabangsa yang boleh membuat tuntutan di peringkat antarabangsa.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat hari ini bahawa kita hendak meratifikasikan dan hendak menguatkuasakan Konvensyen Vienna, hubungan

konsular yang telahpun diwujudkan dalam tahun 1963 dan kita kini dalam tahun 1999 cuba hendak menguatkuasakan dan pula menguatkuasakannya secara retrospektif kepada bulan Oktober 1991. Ini bermakna ada jurang yang begitu jauh di antara tahun 1963 dan 1991 iaitu lebih kurang 20 tahun perbezaan antara kita menguatkuasakan, menerima pakai Konvensyen Vienna ini. Tentu sekalilah kita rasa, apakah masalah kita.

Saya juga telah menyemak banyak konvensyen yang kita tidak terima pakai atau dipanggil 'accession', ada yang hanya diterima secara signature, dengan izin, ada yang secara ratifikasi dan ada yang sempurna secara accession. Yang saya lihat, yang accession banyaknya mengenai undang-undang perdagangan tetapi banyak lain yang masih belum lagi kita dapat pakai kerana kita telah gagal menguatkuasa dan menerima pakai konvensyen-konvensyen dan treaty-treaty berkenaan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta pihak kementerian memberi penjelasan berapa banyakkah konvensyen-konvensyen dan juga treaty-treaty yang masih belum kita terima pakai dan apakah kategori-kategori tersebut dan mengapakah kita masih tidak dapat memberi pengiktirafan dan pemakaian kepada konvensyen-konvensyen dan treaty-treaty berkenaan.

Saya rasa tibalah masanya pihak Wisma Putra membuat kajian dan menerima pakai secepat mungkin terutamanya saya rasa mungkin kelewatan di pihak Peguam Negara kerana banyak lagi undang-undang lain yang perlu dilihat tetapi kita perlu memberi priority kerana datangnya alaf 21, the new millennium, kita dapat tidak terpaksa jadi pemain di dalam arena antarabangsa dan jikalau banyak konvensyen yang masih kita tidak terima pakai, maka mungkin itu akan melemahkan peranan kita dan juga melewatkan tindakan-tindakan yang boleh kita ambil. Saya berasakan bahawa dengan sendirinya kita meminggirkan negara kita daripada negara-negara lain dalam hal-ehwal antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan jikalau boleh, seperti saya katakan tadi Wisma Putra melihat balik kepada semua konvensyen dan treaty yang

ada dan seterusnya cuba memikirkan adakah tiba masanya, jikalau semalam Perdana Menteri kita telah menyatakan bagaimanakah kita perlu menghadapi globalisasi dan liberalisasi ini dan bagaimanakah kita dapat berperanan yang lebih berkesan dan proaktif, untuk memikirkan apa cara kita dapat memastikan konvensyen dan treaty itu dapat dilaksanakan secepat mungkin atau dapat dipakai guna oleh negara kita.

Mungkin juga pihak Wisma Putra boleh boleh proaktif untuk mencadangkan kepada dunia bagaimanakah kita perlu wujudkan undang-undang baru untuk dapat dipakai, bukan hanya kepada negara-negara tertentu, oleh negara-negara yang mengusulkan undang-undang yang berkenaan tetapi apabila ianya diusulkan akan terpakai secara automatik kepada seluruh dunia amnya kerana kita dapati bahawa prinsip-prinsip asasi adalah prinsip-prinsip yang harusnya terpakai. Mungkin tiba masanya negara-negara di dunia ini yang berkelompok sama ada digelar European Union, the Commonwealth Countries, ASEAN ataupun G7 dan sebagainya, mungkin perlu bergabung di bawah satu payung yang dipanggil satu badan dunia dan mungkin boleh kita perkenalkan satu Parlimen dunia kalau kita sudah ada the European Parliament.

Saya rasa tidak mustahil kita mewujudkan satu Parliament Global yang menggunakan information technology (IT) dan menggunakan teknologi tinggi yang hanya merupakan satu Parlimen yang virtual tetapi masih boleh berfungsi untuk menepati kehendak-kehendak masa abad 21 kerana kita dapati banyak kelemahan dalam sistem perundangan antarabangsa. Kalau kita lihat perhubungan antarabangsa ini telah wujud sejak zaman First Century A.D. lagi, daripada zaman the Greek dan the Roman dan kalau di Asia pula kita lihat Asoka di India telah menghantar juga duta-dutanya ke Egypt, Syria, Macedonia dan China.

Saya di sini telah dapati bahawa perkataan 'duta' itu ialah satu perkataan Sanskrit kerana kita juga memanggil diplomat kita sebagai duta. Begitu juga dengan Nabi Muhammad s.a.w. juga telah menghantar misi-misi ke luar daripada negaranya.

Jadi, jikalau diplomasi atau diplomatic relations merupakan satu perhubungan yang begitu tua, kita perlulah rasa saya tidak teragak-agak untuk membuat satu 'leap frog' agar kita akan lebih merupakan satu global village yang lebih friendly atau lebih mesra.

Kata Dato' Zam tadi bahawa American punya agenda mereka sendiri, walaupun mereka merupakan satu negara yang selalu menawarkan diri untuk berbuat baik atau menjalankan tugas-tugas diplomasi seperti yang dilaksanakan oleh Albright tetapi saya berasa optimistik kalaupun semua negara dapat menggabungkan tenaga dan dapat berucap dan dapat mengeluarkan pendapat dan pemikiran seperti Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan berani dan lantang sepertimana ia telah mencadangkan wujudnya satu sistem perundangan kewangan yang lebih adil dan saksama, saya percaya tentu sekali tidak ada akan membangkang kalau kita mahu melaksanakan The Geneva Convention bagi peperangan dan kedamaian. Tentu sekali saya rasa kita akan dapat sokongan daripada orang di India dan di Pakistan yang masih tentu sekali cemas dengan apa yang berlaku di Kashmir.

Saya percaya orang-orang di Kosovo, juga orang-orang di Bosnia tidak kira juga di Turkey yang mempunyai masalah-masalah etnik apatah lagi di negara-negara Africa yang sentiasa bergolak, tentu sekali ramai cerdik pandai mereka akan menerima satu lagi perkembangan undang-undang antarabangsa yang patut dapat menyelamatkan dunia.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melihat kepada apa yang diperuntukkan di dalam kita hendak mengguna pakai Vienna Convention ataupun konvensyen-konvensyen ialah kapasiti kita iaitu sebagai sebuah negara, bagaimanakah sebagai sebuah negara yang berdaulat dapat mengguna pakai sesuatu konvensyen.

Jadi, ini kita dapat lihat bahawa dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 74(1) – yang mengatakan Kerajaan Persekutuan mempunyai kapasiti untuk meratifikasikan sesuatu konvensyen yang tertakluk kepada pengecualian. Dengan

pengecualian bahawa perkara-perkara sebelum sesuatu konvensyen dapat diguna pakai oleh negara kita, perlulah perkara-perkara mengenai undang-undang Islam, adat Melayu atau native law atau national custom bagi Negeri-negeri Borneo hendaklah terlebih dahulu dirujuk untuk sesuatu konvensyen itu diterima.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga satu perkara yang merupakan perkara yang perlu kita lihat dan kaji semula kerana kita dapati peruntukan ini juga telah banyak menimbulkan kelewatan penerima pakai konvensyen-konvensyen yang dihasilkan daripada di peringkat antarabangsa. Contohnya kita dapati Convention on the Elimination of the Discrimination Against Women (CEDAW).

Ini merupakan salah satu konvensyen yang banyak diperkatakan terutamanya oleh kumpulan-kumpulan wanita mengapa kita tidak meratifikasikan keseluruhan konvensyen ini. Jadi kita dapati bahawa dalam perlembagaan kita ada pengecualian-pengecualian tertentu sebelum sesuatu konvensyen itu dapat diterima, dan kita dapati juga bahawa konvensyen-konvensyen yang banyak itu walaupun dalam kita mengatakan bahawa perlunya konvensyen-konvensyen dan treaty yang banyak ada itu perlu dilihat dan dikaji dan perlu diterima pakai secepat mungkin. Tetapi peruntukan di bawah perlembagaan ini juga perlulah diambil kira kerana kita tahu bahawa konvensyen-konvensyen diterima pakai juga perlulah disesuaikan dengan kehendak-kehendak dan kesesuaian negara terutamanya dari segi agama dan juga dari segi budaya. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak perlu dijadikan satu perkara yang dipertikaikan dan diisukan sebagai satu isu politik negara ini.

Jadi saya ingin mencadangkan bahawa peruntukan perlembagaan ini sama ada perlu dikaji dan diperhalusi untuk tidak menimbulkan berbagai-bagai isu ataupun mungkin pihak Wisma Putra dapat menggubal satu dasar yang lebih spesifik dan jelas yang boleh diberitahu dan dilaksanakan dalam kita menerima pakai konvensyen-konvensyen dan treaty di peringkat antarabangsa, kerana saya rasa dalam alaf atau abad 21 ini lebih banyak konvensyen, treaty yang akan perlu diratifikasikan dan tentulah sekali banyak kumpulan terutamanya NGO-NGO di

negara ini akan menuntut meratifikasikan konvensyen-konvensyen yang kepada mereka merupakan hak-hak asasi.

Tetapi saya ingin menegaskan di sini bahawa kementerian perlu tegas untuk memastikan bahawa konvensyen-konvensyen yang diterima pakai perlulah mengambil kira sensitiviti-sensitiviti negara, dan perlulah tegas juga untuk berani memperkatakan apakah dia perkara-perkara sensitiviti-sensitiviti negara agar pihak-pihak seperti NGOs yang ada tidak mensalahtafsirkan keenganan ataupun kelewatan ataupun kegagalan kita untuk meratifikasikan atau menerima pakai konvensyen-konvensyen dan treaty yang banyak lagi masih belum kita terima pakai.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melihat daripada pelaksanaan ataupun penguatkuasaan konvensyen-konvensyen dan treaty di peringkat antarabangsa. Kita tahu ada wujudnya apa yang dipanggil International Court of Justice bahawasanya bagi kes-kes di peringkat antarabangsa di mana terdapatnya pencabulan konvensyen-konvensyen yang telah diterima pakai bahawa pihak yang bersalah boleh dibawa ke mahkamah dunia.

Perkara yang paling ketara ialah yang melibatkan seperti mana yang disebutkan oleh Dato' Mohd. Zuki bin Kamaluddin tadi. Kes-kes perbicaraan war criminal, ini mungkin salah seorang yang sedang dicari dan sedang hendak dibawa keadilan ialah Milosevic yang merupakan seorang pemimpin Serb yang telah banyak melakukan genocide terhadap beribu-ribu orang wanita, kanak-kanak dan lelaki yang telah dibunuh.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati penguatkuasaan atau the enforcement of the convention di dunia ini agak lemah. Walau bagaimanapun, pada pandangan saya dan pendapat saya mungkin dalam abad ke-21 ini penguatkuasaan ini akan lebih berkesan kerana sudah wujud tanda-tanda yang menunjukkan bahawa Mahkamah Antarabangsa atau International Court of Justice ini ada mempunyai kemampuan untuk melaksanakan undang-undang antarabangsa. Contohnya kes Pinochet yang mana telah mewujudkan satu precedence baru yang

mbolehkan seorang pemimpin politik yang telah banyak melakukan criminal war crime yang telah dibawa ke peringkat keadilan. Sama juga kalau kita lihat di Turki, pemimpin Turki, kumpulan the Kurds iaitu Ocalan, juga telah dapat ditangkap walaupun ianya telah cuba lari ke negara-negara lain.

Kalau kita lihat semasa Perang Dunia Kedua dahulu ramai di antara nazi-nazi, general nazi-nazi yang telah dapat lari ke negara-negara luar dan berpuluh-puluh tahun kemudian barulah mereka dapat ditangkap. Tetapi kini kita dapati bahawa mahkamah-mahkamah telah banyak membuat perubahan-perubahan untuk dapat melaksanakan konvensyen-konvensyen yang ada.

Ini pada saya adalah satu petanda yang baik dan mungkin juga kita mengharapkan bahawa tindakan-tindakan yang lebih agresif dan mungkin cara-cara yang lebih inovatif dapat difikirkan untuk kita dapat melaksanakan penguatkuasaan konvensyen-konvensyen yang ada. Kalau di peringkat negara kita, kita lihat bahawa kita telah mewujudkan ASEAN dan juga kita telah ada Bangkok Declaration, Kuala Lumpur Declaration, yang pada saya bertujuan begitu murni iaitu ianya hendaklah respect antara lain, hormat menghormati antara satu sama lain. Mewujudkan Zone of Peace, Freedom and Neutrality (ZOPFAN) dan segala perkara yang mengarah kepada hidup secara harmoni di antara jiran-jiran di ASEAN.

Jadi kita rasa agak dukacita dengan tindakan-tindakan negara Singapura yang telah banyak menimbulkan isu-isu yang telah menyebabkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat kita, kerana kita telah pun mewujudkan satu deklarasi untuk berdamai dan dapat hormat menghormati antara satu sama lain. Mungkin agaknya kita boleh mendapatkan secara baik, secara diplomatik untuk kita membaiki perhubungan dengan negara Singapura. Mungkin agaknya deklarasi Kuala Lumpur dapat diingatkan kembali kepada mereka ataupun ASEAN Declaration supaya negara kita dapat berbaik-baik dan kita juga dapat dengan itu menjalankan pembangunan negara yang lebih pesat dan juga di seluruh rantau ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa deklarasi-deklarasi

yang lain perlu juga diberikan pengiktirafan dan juga perlu diusahakan penguatkuasaannya. Kalau saya katakan tadi tentang deklarasi Kuala Lumpur, mungkin akan dapat memperbaiki hubungan antara kita dengan Singapura atau mungkin pihak kementerian dapat menjelaskan dengan lebih nyata, apakah tindakan-tindakan yang boleh dilaksanakan mengikut deklarasi-deklarasi yang telah diwujudkan untuk sama-sama kita membaiki balik perhubungan antara Singapura dan Malaysia

Kerana saya lihat bahawa di dalam Commonwealth sendiri, ada Deklarasi Harare yang mana telah dapat memberikan satu penguatkuasaan kepada salah satu daripada artikel deklarasinya iaitu deklarasi untuk *the protection and the promotion of the fundamental political values of the Commonwealth*, apabila Nigeria telah digugurkan daripada Commonwealth kerana Nigeria telah mencabuli Harare Declaration yang pertama ini kerana semasa negara-negara Komanwel bersidang di New Zealand, mereka telah mengambil tindakan menggantung seorang penulis Nigeria, iaitu 'Ken Sauwewa' dan oleh kerana itu Nigeria telah digantung keahliannya dalam Commonwealth.

Pada saya, ini adalah satu daripada contoh di mana jika kita telah bersusah-payah mewujudkan satu gabungan negara-negara dan bersusah-payah membuat deklarasi tentulah kita perlu juga bersusah-payah untuk memastikan bahawa kita dapat melaksanakan deklarasi yang telah kita buat. Jadi, pada hemat saya, jikalau mengikut apa yang kita peruntukkan dalam perhubungan antarabangsa dengan deklarasi-deklarasi ini, maka saya mencadangkan bahawa kita mengkaji balik apakah deklarasi-deklarasi negara ASEAN dapat dikuatkuasakan untuk kita mengembalikan suasana harmoni di rantau ini.

Bersama juga kita mengkaji balik apa isu-isu Spartly Island dan sebagainya untuk dapat kita mengurangkan suasana yang muram di rantau ini, apatah lagi dengan keadaan di Indonesia yang tidak menentu. Jadi, saya rasa tidaklah patut ada lagi masalah-masalah lain yang boleh membuatkan keadaan bertambah buruk.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyentuh mengenai hubungan konsular ini daripada fungsi konsular daripada perkembangan perhubungan diplomatik dan sekarang saya juga ingin menyentuh sedikit tentang kualiti diplomat termasuklah juga konsular yang mana kita sedang membahaskan rang undang-undang untuk menguatkuasakan undang-undang kepada konsular. Seperti yang dikatakan oleh Datuk Zainudin, saya rasa Dato' Abdul Aziz juga tadi dan Dato' Zuki, kita perlu melihat kepada kualiti diplomat-diplomat kita untuk memastikan bahawa perhubungan antarabangsa kita dapat dikuatkuasakan sebaik mungkin, se-efficient mungkin dan berkualiti setinggi mungkin.

Saya merasakan seperti juga rakan-rakan lain, pertamanya, perlu wujud the skill atau art of diplomacy yang tinggi. Yang ini mungkin semua diplomat atau yang menjadi duta-duta adalah mereka yang mempunyai bidang berkenaan tetapi saya juga merasakan bahawa kemahiran ini tidak boleh hanya wujud tanpa adanya training dan re-training dan juga adanya exposure yang tertentu. Dan juga perlunya kepada kemahiran dalam pelbagai bahasa, jikalau boleh, dan juga boleh memahami pelbagai konsep terutamanya dalam konsep globalisasi, terutamanya dalam bidng ekonomi yang merupakan salah satu daripada bidang yang penting dalam perkembangan perhubungan antarabangsa.

Saya juga melihat bahawa perlulah kita menggunakan sebanyak mungkin teknologi maklumat yang sepatutnya merupakan satu sistem yang menjad asas kepada perhubungan antarabangsa dan mungkin juga ada baiknya kalau kita juga dapat menggunakan Organisasi Penerangan atau News Organization Worldwide sebagai juga salah satu daripada cara diplomasi. Kalau kita lihat BBC itu, walaupun telah lama, telah sampai kepada 145 milion rumah yang mana kita dapati pengaruh-pengaruh dan diplomasi British ini telah sampai ke serata dunia.

Jikalau kita lihat Diplomasi Malaysia, ianya hanya akan terhad kepada pegawai-pegawai atau duta-duta kita di tempat-tempat yang tertentu. Kalau d Kanada, mungkin ianya hanya berpusat di Montreal ataupun mungkin di England, di London, di New Zealand atau di Auckland. Tetapi ianya tidak luas daripada

apa yang dapat dilalui atau ditemui oleh orang-orang kita. Jadi, mengapa tidak kita menggunakan IT dan radio sebagai salah satu daripada channel diplomasi kita untuk kita dapat memberitahu dunia tentang perhubungan antarabangsa antara mereka dengan kita agar tidak menjadi satu masalah kepada kita untuk memperkenalkan kebudayaan kita, contohnya.

Saya juga ingin mencadangkan di sini dari segi staff, ataupun pengkhidmat-pengkhidmat di pejabat-pejabat kedutaan bahawa isteri-isteri duta atau diplomat diberikan fungsi-fungsi tertentu terutamanya fungsi kebudayaan untuk mereka sama-sama dapat melaksanakan tugas-tugas sebagai diplomat ataupun konsular. Yang saya tahu, semasa saya berada di Montreal, bahawa isteri-isteri mereka juga sibuk mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan isteri-isteri diplomat yang lain.

Apa kata kalau untuk mengurangkan kos, kita kurangkan staff di sana, oleh kerana kegawatan ekonomi, jika tidak pun, untuk lebih memantapkan perkhidmatan diplomat ini, kita berikan elaun kepada isteri-isteri supaya mereka dapat memberi komitmen yang lebih dalam tugas-tugas mereka terutama untuk mengembangkan kebudayaan tentang negara kerana saya rasa kalau diberikan hanya kepada suami, atau isteri itu yang merupakan pegawai diplomat ataupun diberi kepada spouses, dengan izin, supaya seperti yang saya katakan, komitmen yang lebih dan mereka juga dapat memberikan input yang lebih bermakna. Jadi, kalau isteri itu pergi ke jamuan-jamuan tertentu, dia juga dapat memberikan khidmat sepertimana juga suaminya. Tidaklah di dalam semua bidang tetapi di dalam bidang-bidang yang tertentu.

Dan akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah membaca bahawa salah satu cara diplomasi yang diberikan galakan ialah, dengan izin, preventive diplomacy. Saya membaca di situ bahawa Butros Butros Ghali telah dapat menyelamatkan 100 kes insiden yang boleh mencetuskan permasalahan di peringkat antarabangsa kerana mengamalkan preventive diplomacy ini. Jadi, ini mungkin perlu diberi penekanan.

Saya tahu, pihak Wisma Putra tentu sekali arif dengan perkara ini, cuma saya merasakan mungkin ada baiknya jikalau preventive diplomacy ini diberikan pendekatan yang lebih dekat dan diberikan pendekatan baru dan mungkin juga kita boleh memikirkan pendekatan-pendekatan yang lebih inovatif, proaktif dan kita lebih mengadakan perhubungan diplomatik atau perhubungan antarabangsa yang lebih pre-emptive kepada kita hanya sebagai pihak-pihak yang menerima.

Kita dapati bahawa perubahan-perubahan, walaupun kita negara yang kecil tetapi dengan adanya teknologi maklumat, dengan adanya teknologi-teknologi yang wujud sekarang seperti internet, sebenarnya kita boleh lebih agresif. Saya minta pihak kementerian memberi penjelasan dalam Dewan, setakat ini sejauh manakah IT digunakan dalam perhubungan antarabangsa di negara ini dan apakah bidang-bidang yang telah mula digunakan. Adakah wujud website kita? Adakah kita mempunyai idea-idea yang tertentu, bagaimanakah sebenarnya kalau dalam kegawatan ekonomi, internet dapat digunakan semaksima mungkin. Kalau kita kata bahawa orang-orang Malaysia ini memang lebih inovatif dan kreatif, saya percaya kreativiti dan inovatif itu dapat digunakan.

Bagi pihak wanita, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melihatkan pengiktirafan yang lebih tinggi kepada wanita sebagai diplomat-diplomat kerana ramai wanita, saya pun tidak tahu berapa jumlahnya, mungkin kementerian dapat memberitahu kita yang telah berjaya dalam bidang perhubungan antarabangsa ini dan sejauh manakah galakan-galakan yang dapat diberi kepada mereka. Saya tahu ini, is a matter of choice, bukan semua wanita mahu menjadi seorang diplomat atas sebab-sebab kekeluargaan tetapi saya merasakan bagi mereka yang berkemampuan dan mereka yang mahu menjadi diplomat, mereka perlulah diberikan galakan dan saya juga merasakan bahawa dari segi kita memilih orang yang menjadi diplomat, saya juga menyokong bahawa ahli-ahli politik juga boleh diambil kira, yang sesuai untuk dijadikan diplomat.

Mungkin kita juga perlu melihat bahawa kesesuaian itu hendaklah berasaskan kepada etika seseorang itu, latar belakang, moral dan agama agar kita

dapat mencerminkan benar-benar apa yang kita mahu merupakan sebagai negara contoh, negara yang dapat menerajui kalau kata Dato' Haji Mohd. Zuki tadi, leader to lead in the diplomatic world, saya percaya dan yakin bahawa kita boleh dan tentu sekalilah kalau seperti mana yang dikatakan dalam art of diplomacy yang banyak. Kalau dilihat apa yang saya baca tadi Sato dalam buku *Guide to Diplomatic Practice*, diplomasi ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, is the application of intelligence and tact to the conduct of official relations between the government and independence state.

Saya juga suka membacakan kepada tuan-tuan satu pesanan daripada seorang ketua negara kepada ambassador nya, apakah yang perlu dilakukannya apabila ia menjadi duta ke negara lain. Salah satu yang saya ingat ialah lebih banyak diam dan lebih banyak mendengar. Saya juga percaya kita juga bagi orang-orang Islam, mendengar apa yang telah dikatakan oleh Rasulullah s.a.w semasa baginda menghantar Muaz, walaupun Muaz adalah seorang hakim tetapi ia juga merupakan seorang diplomat di mana pesannya antara lain, menegaskan tentang peribadi dan etika yang baik dan Sunnah dan juga Al-Quran itu menjadi panduan dalam segala perilaku, tindakan, keputusan, perbuatan dan tindakan yang dilaksanakan sama ada di peringkat antarabangsa ataupun antara negeri-negeri dalam negara tertentu ataupun antara manusia dengan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan walaupun saya tadi terlupa rupanya dalam bidang ekonomi pun banyak yang perlu kita kaji semula dalam perhubungan antarabangsa seperti APEC, WTO kerana ada pendekatan-pendekatan baru yang memberikan kita cara-cara baru dalam perhubungan antarabangsa yang berkaitan dengan perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada lagi? Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengulas beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan rang undang-undang yang dibentangkan iaitu Akta Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999, satu akta yang baru bagi menggantikan Ordinan 57. Di sini saya ingin menyatakan terima kasih atas sokongan-sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat dan atas teguran-teguran yang telah memberikan dorongan, kritikan dan juga memberikan semangat untuk kita mengkaji semula kelemahan-kelemahan kita dan juga terus maju ke hadapan untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam diplomasi dan dalam perhubungan dua hala dan pelbagai hala di arena antarabangsa.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki telah membangkitkan persoalan bahawa kita harus memperkuat akta undang-undang ini supaya melindungi kepentingan negara kita. Dalam kita membicarakan undang-undang antarabangsa perlulah, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kita ambil kira prinsip timbal balas, di mana apa yang kita berikan kepada diplomat asing itu adalah mengambil kira apa yang diterima oleh diplomat kita semasa bertugas di luar negara.

Jadi, dalam kuasa-kuasa yang kita nyatakan iaitu kuasa Yang di-Pertuan Agong dan kerajaan dalam memberikan keistimewaan itu ataupun kekebalan itu adalah satu perkara yang boleh diberi dan boleh ditarik balik. Kalaulah perlu mengikut keadaan di mana kalaulah ada konflik ataupun pelanggaran dari segi kepentingan hubungan kita atau kepentingan negara kita telah dilanggar. Pemberian kekebalan ini memang bertujuan menjamin supaya mereka ini dapat bertugas dalam negara kita dan kita menganggap tugas mereka haruslah memperkuat hubungan dua hala, mempertingkatkan kegiatan ekonomi dan perdagangan antara negara kita dan negara yang menghantar konsular itu dan juga terus memberikan manfaat dan mereka juga mendapat manfaat dari hubungan dengan kita itu.

Jadi, dasar timbal balas ini yang pentingnya ialah mereka ini harus mengingatkan diri mereka sendiri bahawa prinsip saling menghormati di antara negara ialah negara yang berdaulat atau respect the sovereignty of the country they are being send to, dengan izin. Jadi, ini adalah tidak dimasukkan dengan secara bertulis dalam undang-undang ini kerana ini adalah satu perkara yang boleh dijalankan dengan kuasa menteri dan juga Yang di-Pertuan Agong.

Jadi, perkara yang juga dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki ialah mengenai diktator-diktator dan penyangak-penyangak yang harus diambil tindakan dan dibicarakan. Memang benar kita nampak walaupun banyak konvensyen yang dipersetujui termasuk Konvensyen Geneva tetapi karakter mereka ini terus melanggar undang-undang, tidak menghormati undang-undang dan tidak menghormati sovereignty atau kedaulatan mana-mana negara. Jadi, inilah sebab mereka ini menjadi penyangak atau menjadi diktator yang sentiasa membawa muslihat dan juga kejamanaman ke atas rakyat mereka sendiri.

Walau bagaimanapun, kita memang, Malaysia sentiasa meletakkan keyakinan kita kepada badan antarabangsa iaitu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau United Nation (UN) dan juga International Court of Justice di mana perkara-perkara seperti ini dapat dikemukakan dan dapat dihakimi dan mana-mana kesalahan atas pelanggaran mana-mana konvensyen dan tingkah laku yang tidak sepadu atau sempurna dalam kalangan antarabangsa ini, kita dapat mengemukakan dan membawa mereka ini ke satu peringkat yang boleh mendapat keadilan dan juga supaya mereka ini sedar bahawa pressure atau tekanan keseluruhan ahli-ahli persatuan dunia ini adalah penting bagi memberikan kesedaran supaya mereka ini tidak menjalankan tingkah laku yang salah itu seperti yang kita nampak dalam kes Kosova ini.

Pada tahun yang lalu di mana kita nampak tindakan-tindakan itu walaupun tidak begitu perfect dari segi tindakan itu tetapi yang pentingnya kita dapat mencapai satu persefahaman atau persetujuan supaya keadaan yang teruk itu di mana pembunuhan dan juga ethnic cleansing yang berlaku dapat diberhentikan

sehingga kita dapat mencari penyelesaian politik yang dapat dipersetujui dan diterima oleh masyarakat dunia. Yang pentingnya kita memberi keputusan seperti ini balik kepada masyarakat dunia sekali lagi untuk memutuskan tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang tidak menafikan bahawa tujuan Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Zuki itu tadi untuk menyatakan peranan ahli-ahli politik sebagai ahli diplomatik, memang kita terima sama sekali kerana kita memang sentiasa setuju bahawa ada keadaan-keadaan di mana perhubungan dan masalah yang kita hadapi itu adalah boleh dikatakan multi-facet atau banyak melibatkan pelbagai aspek. Kita memang ada juga menggunakan perkhidmatan ahli-ahli politik walaupun tidak sebagai konsular atau diplomat atau duta, kita juga menggunakan perkhidmatan mereka menerusi badan-badan tertentu seperti CPA, IPU dan ASEAN Forum dan juga menerusi perhubungan mereka ini untuk kita meningkatkan lagi kefahaman khususnya antara rakyat-rakyat, people-to-people contact, antara hubungan negara kita dan juga parliamentary-to-parliamentary contact yang tidak kurang pentingnya dalam kita meningkatkan lagi hubungan dua hala antara negara dan juga mengenalkan dasar-dasar kita, fahaman kita serta peranan kita dalam forum antarabangsa ini, mempertahankan dasar-dasar yang menegakkan keadilan dan mencapai kedamaian dan juga mendapatkan peluang saksama dalam bidang politik dan bidang ekonomi khususnya di kalangan negara-negara yang belum maju dan negara-negara yang membangun.

Mengenai kualiti kedutaan kita, kita memang sentiasa menjaga supaya kualiti mereka ini dapat mengatasi cabaran-cabaran pada masa kini khususnya dalam perhubungan diplomasi pada masa kini bukannya semata-mata seperti semasa Perang Dingin di mana banyaknya politik-politik tetapi sekarang perhubungan yang positif iaitu untuk meningkatkan perdagangan dan meningkatkan kerjasama untuk mencapai matlamat yang lebih besar dan bukan matlamat serantau sahaja.

Jadi, usaha Kementerian Luar Negeri dalam bidang ini ialah di bawah Jabatan Perdana Menteri, kita menubuhkan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar

Negeri atau IDFR di mana kita memberikan kursus jangka pendek dan separuh jangka panjang untuk diplomat dan duta-duta kita termasuk duta-duta dari luar negeri dan juga duta asing yang masih dalam latihan.

Jadi, ini ada dua tujuannya iaitu sentiasa memberikan refresher courses kepada duta-duta kita dan mengemaskinikan maklumat kepada mereka ini dan juga memberikan peluang kepada mereka ini menjalinkan hubungan dengan diplomat-diplomat dari luar negeri seperti negara-negara Afrika, negara Timur Tengah, negara Central Asia seperti Uzbekistan, Kirghiztan, Kazakhstan dan juga negara-negara Eropah yang masih membangun seperti Bosnia dan juga dari segi ekonomi dan politik mereka ini.

Jadi, inilah cara kita supaya kita dapat mempertahankan kualiti diplomasi kita dan kita dapat mempertahankan usaha kita dalam memberikan gambaran khususnya apa yang sebenarnya dalam pembangunan ekonomi dan politik negara kita dan terus menolak tohmahan-tohmahan atau tuduhan-tuduhan yang tidak memberikan gambaran yang positif kepada negara kita.

Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz telah membangkitkan perkara supaya kita menjaminkan wakil Malaysia yang cekap dan kita juga sedar bahawa walaupun kita mahu "level playing field," kata beliau tetapi memang dalam realiti kita sedar memang tidak ada keadaan yang sebegitu kerana pada masa yang lalu kita nampak dalam usaha peranan-peranan negara yang maju mungkin keseluruhan negara itu atau golongan-golongan yang berkepentingan tertentu dalam agenda mereka terus berusaha untuk menekankan pembangunan atau pertumbuhan ekonomi negara membangun menerusi cara-cara yang halus sekali. Kadang-kadang kita boleh tidak sedar bahawa mereka ini mempengaruhi menerusi kegiatan sosial, kegiatan ekonomi dan juga kegiatan yang kadang-kadang lebih jelas dari kegiatan politik pembangkang.

Saya percaya kita memang terima apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz tadi bahawa adanya usaha-usaha the second waves of colonization dan menerusi usaha-usaha tertentu yang kita tidak lihat dengan

secara jelas. Kita lihat juga memang betul misalan yang diberikan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz itu bahawa mereka ini sentiasa memaksa syarat-syarat tertentu, menggunakan syarat-syarat konvensyen, syarat-syarat hak-hak asasi, syarat-syarat buruh dan sebagainya menerusi badan perdagangan dan lain-lainnya supaya pembangunan atau perjalanan perdagangan ini adalah dalam kuasa mereka bukan bergantung kepada kuasa-kuasa luar dari pegangan mereka.

Yang Berhormat tadi juga menimbulkan perkara mengenai Kepulauan Spratlys di kalangan Asean dan syukurlah pada hari ini kita telah mencapai satu persetujuan di kalangan ahli-ahli ASEAN atau 10 negara-negara yang menjadi ahli Asean ini telah setuju bahawa kita terus berhubung dan berbincang secara damai dan berterusan dengan negara-negara yang ada tuntutan atas Kepulauan ini. Kita tidak sama sekali menerima cadangan-cadangan untuk membawa ini kepada Asian Regional Forum (ARF) di mana melibatkan negara-negara yang tidak membuat tuntutan ke atas Kepulauan ini.

Jadi, yang penting sekali di sini ialah negara Cambodia, Vietnam dan China sendiri menyokong pendirian negara kita berhubung isu ini di mana kita seterusnya berbincang secara dua hala dan kalau boleh terus menjalankan satu usaha yang dikatakan 'management code of conduct on the South China Sea' yang telah kita terima menerusi ASEAN dan juga menjalankan 'Workshop on Managing Potential Conflicts on the South China Sea'. Ini juga akan terus membawa kita ke arah tujuan yang baik iaitu di mana kerjasama akan dapat dicapai di mana kita juga dapat manfaat dari sumber-sumber asli atau sumber usaha sama dari Kepulauan itu apabila kita dapat mencapai sesuatu persetujuan antara negara negara yang membuat tuntutan itu.

Jadi isu dengan Singapura dan media Singapura ini memang banyak kali kita menjawab dalam Dewan ini. Walau bagaimanapun, kita nampak Perdana Menteri Singapura pun telah menyatakan perasaan tidak senang dengan komen itu iaitu dalam *Business Times* dan kita berharap supaya perkara-perkara seperti ini, isu air dan CIQ dan sebagainya akan terus kita usaha berbincang seterusnya

untuk mencapainya satu perjanjian dan persetujuan dan harus kita gambarkan ini adalah satu usaha dalam jangka panjang dan untuk matlamat kita ialah untuk terus memperkuat hubungan dua hala sampai dalam jangka panjang dan juga dalam kita membincangkan isu seperti ini harus juga kedua-dua pihak memang harus sentiasa sensitif dan sentiasa memberikan kepentingan iaitu kepada perhubungan yang baik yang harus wujud, kerana perhubungan di antara Singapura dan Malaysia adalah satu hubungan yang penting khususnya untuk komuniti rantau ini.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah juga membangkitkan mengenai penempatan iaitu Pejabat Agensi Kerajaan Malaysia dalam satu bangunan. Memang tujuan besar kita ialah untuk menyatupadukan agensi-agensi ini dalam satu bangunan dan misalnya di New York, di Pretoria iaitu di Afrika Selatan, di Harare, di Jepun dan juga dua - tiga lagi tempat di mana kita telah menempatkan agensi ini MATRADE, Kebudayaan, MSD dan sebagainya dan juga di bawah satu bangunan dan kita juga mengadakan ruang untuk kita memberi pameran untuk barang-barangan buatan Malaysia supaya mana-mana pihak yang ingin membeli atau mengimportkan dari negara kita, barang dibuat di Malaysia boleh juga menggunakan peluang ini untuk mengkaji bahan-bahan itu dan juga terus mencari cara untuk membawa masuk barang-barang dari Malaysia ke negara masing-masing. Jadi ini memang kita jalankan dan kita terus meningkatkan supaya ia menjadi satu khususnya di kawasan-kawasan pusat-pusat kedutaan besar kita di negara asing.

Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin telah menimbulkan banyak perkara, tetapi yang ingin saya katakan di sini akta ini adalah perlu untuk menjagakan kedudukan konsular kita dalam negara kita ini dan seperti mana yang saya katakan awal tadi iaitu kita mengadakan akta ini berasaskan kepada prinsip timbal balas dengan negara luar. Yang Berhormat telah menyatakan bahawa analisis-analisis beliau atas kegiatan-kegiatan yang kita nampak pada hari ini iaitu perhubungan antara Singapura dan Malaysia khususnya dan juga agensi-agensi luar yang telah memberikan gambaran yang tidak sihat kepada negara kita dengan

tujuan agenda mereka yang tertentu, iaitu mereka memberi mesej bahawa mereka ingin mula kembalikan kuasa dalam ekonomi dan juga dalam politik tanpa menggunakan cara keras tetapi secara memberikan gambaran-gambaran menerusi badan-badan agensi yang tertentu yang melibatkan ekonomi dan politik.

Pada hemat saya, saya rasakan analisis dan juga pandangan beliau ini adalah tidak kurang tepat dari tujuannya dan ini gambaran yang boleh dikatakan khususnya dari segi hubungan kita dengan negara luar. Cabaran dari negara yang membangun atau ekonomi yang membangun ke atas ekonomi kita dan juga hubungan kita dengan jiran kita memang perkara yang penting dalam agenda kita khususnya dalam dasar luar negara kita. Memang benar pengaruh asing yang berterusan untuk menghakiskan ASEAN nampak juga, tetapi kedudukan kita tidak berubah kerana ASEAN ini adalah satu badan yang sentiasa komited ke arah membangunkan satu wilayah berkecuali, bebas dan damai di rantau ini. Di antaranya dasar-dasar ekonomi negara ASEAN ini di mana mereka terus bekerjasama untuk membangun, memulihkan ekonomi dan juga membangunkan ekonomi-ekonomi yang masih mundur di kalangan ahli-ahli ASEAN, supaya menjadi satu pasaran rantau ini yang cukup besar untuk menyokongkan ekonomi khususnya ekonomi di rantau Asia Pasifik ini.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai perkara tempat Wisma Putra di Putrajaya. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas keyakinan Yang Berhormat yang telah memberi dorongan dan semangat kepada Wisma Putra untuk terus menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang ke alaf baru. Ini memang benarnya, kita memang bersyukur kerana kita dapat tempat yang baik dan pelaburan yang tepat sekali dalam membangunkan Putrajaya itu. Walaupun dengan kritikan dan tuduhan bahawa kita tidak sepatutnya membelanjakan sebanyak itu dalam projek-projek besar seperti ini tetapi yang pentingnya kita mampu untuk membangunkan satu infrastruktur yang dalam jangka panjang dan masa depan akan perlu digunakan untuk membangunkan terus kerajaan dan juga terus membangunkan infrasturktur untuk kita mempertahankan pertumbuhan

ekonomi dan pertumbuhan negara kita, dan seterusnya kedaulatan negara kita. Dengan adanya peluang untuk kita membangunkan infrastruktur yang begitu cukup canggih dan berwawasan kita dapat merasakan rasa syukur kerana walaupun nampak sekarang ia masih baru tetapi kita memang telah meramalkan kegunaan pusat-pusat ini, iaitu Putrajaya, akan terus menyokongkan pencabaran atau pencapaian kita dalam dasar-dasar luar dan dalam negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga cuba untuk menjawabkan semua perkara yang telah dibangkitkan, dan Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim telah membangkitkan mengenai convention. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita telah menandatangani enam convention dan kita telah rectify lima dan yang lain itu iaitu convention yang kita belum rectify ialah convention mengenai apartheid, tetapi yang telah kita tandatangani dan rectify ialah Prevention on Punishment of Crime of Genocide, Convention on the Rights of Child, Convention the Illumination of all Forms of Discrimination Against Women, Convention of the Nationality of Married Woman, Supplementary Convention on the Ablution of Slavery, Slave Trade and Institution of Practices Similar to Slavery. Yang ada tinggal lagi kalau tidak silap saya sekurang-kurangnya 18 atau 19 convention lagi, adalah di dalam perhatian. Di dalam “coordinating inter agencies meeting” kita berusaha untuk mencarikan persetujuan dan menelitikan “specifically the intention”, “specific technicality” dan juga semua perkara yang terlibat dalam convention itu, kalaulah kita menandatangani dan juga ‘rectify’kan. Kita telah memohonkan pejabat peguam atau Attorney General untuk mempertimbangkan dan juga menelitikan semua convention yang kita belum tandatangani.....

Dati’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Dato’ Haji Zuki minta laluan.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Ya, baik.

Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan berkenaan dengan rectification of convention. Kita dapati kebelakangan

ini banyak sangat wanita daripada luar negara yang masuk ke negara kita ini dengan cara untuk melancong tetapi terlibat dengan perkara-perkara yang tidak diingini sekali iaitu immoral activities khususnya ada kita dapati dalam surat khabar dari Russia, dari negara-negara China, Bangladesh dan juga banyak lagi negara. Jadi bagaimana dari segi konsular kita dapat mengambil perhatian dari segi pasportnya ataupun visanya jikalau ada untuk menahan kemasukan flash trade ini yang sangat keterlaluan di negara kita sekarang ini. Dari segi aktiviti-aktiviti ini adakah dalam pandangan pihak yang berkuasa termasuk polis dan juga pihak Kementerian Luar Negeri. Saya rasa tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian Luar Negeri tidak berkesan dan saya rasa ini satu hala yang patut ditumpukan sekarang ini sebab negara kita ini adalah negara yang berdaulat dan beragama tinggi. Terima kasih.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun hendak bertanya juga pihak kerajaan. Tadi Yang Berhormat telah mengatakan bahawa beberapa konvensyen telah diratifikasikan tetapi ada juga yang masih belum. Saya hendak tahu berapa lama, adakah tempoh masa tertentu yang ditetapkan untuk ratifikasi selain daripada apa Yang Berhormat mengadakan bahawa ada perkara-perkara yang perlu diberi pertimbangan untuk meratifikasikan satu-satu konvensyen. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyokong apa yang telah dikatakan oleh Dato' Mohd. Zuki tadi sebab there is a convention on trafficking a women. Saya rasa konvensyen itu masih belum juga diratifikasikan, mungkin juga itu salah satu sebab mengapa kita masih gagal ataupun masih lagi lemah dalam menangani masalah ini.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki dan Yang Berhormat Puan Kamilia. Memang satu-satunya boleh kita juga katakan kelemahan-kelemahan mungkin kita belum ratify atau menandatangani satu konvensyen yang dikatakan Convention on the Exploitation of Flesh Trade. Ini memang satu perkara yang masih kita pertimbangkan. Walaupun sebelum ini ada juga negara-negara yang sudah

meratifikasikan masih ada masalah juga. Tetapi walau bagaimanapun, kita ambil kira cadangan Yang Berhormat ini, dan memang kita terus mengambil masa menerusi badan perundangan dan Kementerian Dalam Negeri sebelum kita dapat meratifikasikan mana-mana konvensyen ini.

Walau bagaimanapun, yang perlu ialah masa kini tumpuan kita kepada mereka yang menjadi pembawa dan pengguna adalah juga perlu ditindakan dalam perkara ini. Kita harus juga memperingatkan bahawa kita memang mengambil berat atas apa-apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat itu mengenai the flesh trade dan konvensyen itu tadi.

Begitu juga saya ingin katakan bahawa kerajaan memang berusaha untuk memberi peluang kepada rakyat untuk memberi pandangan, badan-badan tertentu, kita berdialog dan sebagainya untuk memberikan pandangan. Dan menerusi Dewan Rakyat dan Dewan Negara kita wakil-wakil mereka dapat memberi pertimbangan dan juga pandangan-pandangan kepada mana-mana undang-undang dan juga akta-akta yang kita kemukakan.

Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim juga telah membangkitkan isu kejiranan dengan Singapura. Kita memang terus berusaha untuk mengurus dengan berpandangan jauh, dan kita menerima hakikat besarnya bahawa potensi perhubungan yang bermanfaat kepada kita dengan jiran kita itu. Kedua pihak memang sentiasa sensitif dan diplomatik, kita sentiasa bergerak berhati-hati dalam isu-isu tertentu supaya tidak menggalakkan ketegangan antara kedua-dua negara.

Cadangan Yang Berhormat Puan Kamalia tadi mengenai isteri duta-duta kita, perkara ini kita boleh ambil perhatian. Tetapi masa kini isteri-isteri diplomat kita adalah bergerak di bawah satu badan yang dinamakan PERWAKILAN di bawah naungan isteri menteri dan juga isteri duta. Ini dijalankan menerusi peruntukan-peruntukan yang mereka dapati sebagai sumbangan-sumbangan ikhlas dari penyokong-penyokong. Kegiatan-kegiatan khususnya ialah kegiatan budaya, kegiatan pendidikan dan sosial oleh pihak kedutaan kita di luar negara. Mereka juga merekrut ahli-ahli dari penduduk Malaysia kita di luar negara di tempat

mereka bekerja, dan ini juga memberi sokongan yang cukup kuat kepada badan ini pada masa kini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, akhirnya saya ingin mengatakan bahawa Kementerian Luar Negeri atau Wisma Putra telah mengemaskinikan website page mereka dan juga kita ada hubungan terus menerusi Internet kepada semua perwakilan kita di luar negeri dan pada masa kini saya sendiri pun sentiasa boleh bila-bila masa berhubung dan menyampaikan pesanan-pesanan kepada pegawai-pegawai kita di luar negeri bila masa tidak kira waktu siang dan malam, kerana kadang-kadang kita siang di sini mereka malam di sana dan bila kita tidur di sini mereka siang di sana. Jadi, pada masa kini kita cukup gembira kerana dapat perhubungan berterusan menerusi Internet. Kita juga terus berusaha berjaga, kadang-kadang Internet ini boleh dicerobohi, dan kita setakat ini masih mencari jalan untuk terus menjaga supaya perhubungan kita itu tidak dicerobohi oleh pihak yang tidak kita ingini.

Satu perkara lagi iaitu kita sekarang sudah ada lima duta wanita dan satu telah bersara. Nampaknya juga banyak pegawai wanita yang sudah memegang pangkat First Secretary dan juga Second Secretary dan mereka ini akhir-akhirnya dapat menjadi duta juga. Banyak juga wanita lain yang berminat dalam kerjaya diplomat ini. Dengan itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat dan mana yang saya belum menjawab, kita akan terus mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya.

Dengan itu saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 11 –

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, saya sudah berdiri tetapi Tuan Pengerusi tidak nampak. Saya hendak bertanya dalam Jawatankuasa ini. Satu, Fasal 1 berkenaan dengan kuat kuasa masa 30 hari selepas termeterainya perjanjian ini, kalau mengikut kiraan saya 31 Oktober.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya Fasal 45 berkenaan dengan pengetepian keistimewaan dan kekebalan. Daripada 1991 sampai sekarang saya hendak tahu daripada pihak kerajaan berapa diplomat atau konsular yang telah mengetepikan keistimewaan dan kekebalannya dari segi jenayah dan juga dari segi sivil memang dia tidak boleh ditepikan. Bermakna yang saya hendak tanya ialah berapa diplomat kita, konsular kita yang telah pun terlibat dengan perkara-perkara yang tidak begitu elok kepada negara kita.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat telah membangkitkan perkara ini dalam perbahasan tadi saya terlupa hendak menjawab, iaitu bahawa konvensyen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada hari ke-30 berikutan dengan tarikh tandatangan surat, iaitu berikutan asalkan ia jangan sebelum 30 hari, selepas 30 hari boleh diterima. Jadi, dalam mana-mana ratifikasi kita perlu seperti ratifikasi mana-mana perjanjian atau konvensyen banyaknya tidak boleh awal dari satu masa yang ditetapkan kerana kadang-kadang ada negara yang baru menandatangani dan meratifikasikan terus mengakui mereka ini telah ratify sebelum mengambil kesempatan dalam peringkat antarabangsa dan ini pernah terjadi dan inilah sebabnya kita ada clause seperti ini.

Yang keduanya, mengenai ahli-ahli diplomat yang telah terlibat, ada tetapi saya tidak ada angka-angka yang tepat di sini. Sebenarnya mereka yang terlibat ini kalau perkara jenayah dan sebagainya, kita ambil tindakan yang setimpal dengan undang-undang kita khususnya kalau di negara kita sendiri. Tetapi saya ingin memperingatkan di sini bahawa diplomat-diplomat asing ada kekebalan

yang tertentu. Mereka ini biasanya dipanggil balik bila mereka terlibat dengan mana-mana kesalahan dalam negara penerima itu. Sekian.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 1999

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.07 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987. Semenjak tahun 1987 akta ini telah pun dipinda sebanyak empat kali mengikut kesesuaian dan juga peredaran masa. Cadangan untuk meminda beberapa peruntukan mengenai penalti ataupun hukuman pada kali ini adalah bertujuan untuk mengenakan hukuman mencegah terhadap pemandu yang kurang beradab dan sering melanggar peraturan lalu lintas.

Pindaan ini juga tertumpu kepada sepuluh seksyen yang melibatkan pemberian kuasa kepada Perbadanan Putrajaya untuk menguatkuasakan undang-undang lalu lintas dari segi had laju, sekatan penggunaan dan juga pemasangan isyarat-isyarat lalu lintas bagi jalan-jalan dalam kawasan Putrajaya. Ini adalah disebabkan kawasan tersebut tidak diwartakan lagi sebagai kawasan kerajaan tempatan yang mana boleh menimbulkan kesulitan kepada pihak terbabit terutama dalam melaksanakan peraturan lalu lintas. Dengan pindaan ke atas akta ini akan mengiktiraf Perbadanan Putrajaya sebagai sebuah kerajaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk mengenakan hukuman mencegah juga adalah berdasarkan kajian dan impak-impak program penguatkuasaan yang menunjukkan bilangan kemalangan dan kematian di jalan raya menurun apabila

operasi penguatkuasaan ditingkatkan. Cadangan ini juga dibuat dengan tujuan untuk mengurangkan kerugian berjumlah lebih kurang RM6.1 bilion kepada keluaran negara kasar akibat daripada 5,744 kes kematian pada tahun 1998. Adalah diharapkan bahawa strategi untuk mengenakan hukuman mencegah ini akan membantu usaha kerajaan untuk menangani isu kemalangan jalan raya dan juga mengurangkan kematian akibat kemalangan jalan raya sebanyak 30% pada tahun 2000 seperti ditetapkan oleh Jemaah Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara-perkara utama yang terlibat dalam cadangan pindaan ini adalah hukuman mencegah termasuk penjara mandatori, denda minimum dan juga hilang kelayakan lesen memandu di bawah seksyen 41 dan 44. Di samping itu, denda minimum adalah dicadangkan untuk kesalahan di bawah seksyen 42, 43, 45 dan juga 119.

Seterusnya, seksyen 65 dipinda untuk memberi kuasa kepada Perbadanan Putrajaya untuk memindahkan kenderaan yang rosak yang ditinggalkan di kawasan Putrajaya. Di bawah seksyen 65 pula, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia juga diberi kuasa untuk melantik mana-mana syarikat konsesi untuk mengalihkan kenderaan motor yang rosak atau ditinggalkan di tengah-tengah jalan.

Seksyen 109 dipinda untuk mengenakan denda kepada pengusaha-pengusaha syarikat pengangkutan di mana pemandu yang sama melakukan lebih daripada tiga kesalahan di bawah seksyen 41, 42, 43, 44 dan 45 dalam tempoh tiga tahun.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 41 pula, pemandu-pemandu yang memandu dengan melulu dan membahayakan dan menyebabkan kematian akan dikenakan hukuman penjara mandatori dua hingga sepuluh tahun dan didenda RM5,000 hingga RM20,000. Di samping itu, lesen memandu mereka akan digantung dari tarikh sebutan kes mereka di mahkamah.

Di bawah seksyen 42, pemandu-pemandu yang memandu dengan melulu dan membahayakan akan didenda RM5,000 hingga RM15,000 dan bagi kesalahan kedua dan seterusnya didenda RM10,000 hingga RM20,000.

Di bawah seksyen 43, pemandu yang memandu dengan tidak cermat dan tidak bertimbangrasa akan didenda RM4,000 hingga RM10,000. Tempoh hukuman penjara di bawah seksyen 42 dan 43 adalah atas budi bicara mahkamah.

Di bawah seksyen 44, pemandu yang menyebabkan kematian akibat kemalangan jalan raya ketika berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan akan dikenakan penjara mandatori dari tiga hingga sepuluh tahun dan didenda RM8,000 hingga RM20,000. Juga lesen memandu mereka akan digantung dari tarikh sebutan kes di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 109 mengenai liabiliti pemunya berdaftar untuk tiga kesalahan oleh pemandu yang sama dalam tempoh tiga tahun semasa berkhidmat dengan pemunya di bawah seksyen 41, 42, 43, 44 dan 45 dan denda RM50,000 hingga RM150,000 akan dikenakan bagi kesalahan pertama.

Satu peruntukan baru bagi seksyen 116A dimasukkan bagi membolehkan Majistret Kelas Satu menjatuhkan hukuman lebih tinggi daripada had maksimum RM10,000 sebelum ini.

Pindaan kepada seksyen 3 dan 4 pula dibuat bagi membolehkan Perbadanan Putrajaya melantik warden lalu lintas, menetapkan pakaian seragam pegawai dan seterusnya untuk melaksanakan penguatkuasaan lalu lintas di kawasan Putrajaya.

Seksyen 120 pula dipinda bagi memberi kuasa kepada Perbadanan Putrajaya mengenakan kompaun kepada pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan lalu lintas di kawasan Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi adalah beberapa perkara yang akan dipinda dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad] Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Kamilia.

5.14 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk membahaskan rang undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi.

Saya hendak mengucapkan tahniah kerana ianya merupakan satu rang undang-undang yang terfokus dan spesifik untuk dijadikan satu deterrent, dengan izin, bagi banyak kes yang selalu dibawa ke Dewan ini mengenai kemalangan di jalan raya.

Kita dapati bahawa beberapa seksyen tertentu yang telah memperuntukkan peningkatan dalam mengenakan denda kepada mereka yang banyak menyalahi undang-undang jalan dan menyebabkan kemalangan, sama ada kecederaan yang parah ataupun merupakan kemalangan yang menyebabkan banyak kerosakan kepada pihak awam.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati juga bahawa rang undang-undang ini telah juga dapat menetapkan kategori kesalahan undang-undang jalan raya terutamanya yang banyak kita baca dalam akhbar-akhbar, pemandu-pemandu yang memandu kereta dengan merbahaya di mana kita dapati oleh kerana mereka tidak bertanggungjawab, cara memandu yang reckless, dengan izin, dan bahaya ini telah menyebabkan kematian orang awam yang menggunakan jalan mengikut undang-undang tetapi oleh kerana mereka tidak mematuhi undang-undang atau sengaja tidak mahu membawa kereta dengan cara yang sewajarnya, telah menyebabkan kematian dan cedera parah.

Untuk kesalahan ini, pihak kementerian telah menetapkan penalti yang tinggi iaitu untuk reckless driving dendanya di antara RM5,000 hingga RM15,000

untuk dikenakan atau untuk kesalahan kedua di antara RM10,000 hingga RM20,000 ke atas.

Jadi, saya percaya ini adalah satu langkah yang positif yang boleh menjadikan ianya satu deterrent kepada mereka yang membawa kereta dengan cara yang merbahaya, yang tidak bertanggungjawab dan kita mintalah perkara ini disebar dengan secara luas kepada pihak-pihak awam, kepada semua pemandu supaya mereka faham dan tahu bahawa jika mereka membawa kereta dengan cara tidak bertanggungjawab dan menyebabkan kemalangan dan kecederaan maka mereka boleh dikenakan hukuman yang berat.

Saya berpendapat bahawa jikalau penyebaran maklumat, undang-undang ini tidak disebar dengan seluas mungkin, kalau hanya dengan billboard yang kita lihat, ada billboard tentang kemalangan di jalan raya, ada kita lihat gambar seseorang yang duduk dalam wheelchair, ada billboard yang mengatakan 'sayangilah keluarga yang tersayang' dan sebagainya, saya berpendapat itu agak kurang tepat dan mungkin juga tidak dapat mencapai kepada maklumat. Apa kata kalau boleh undang-undang ini, hukuman ini disebut dengan jelas dan nyata di billboard ini dan juga di tempat-tempat awam yang lain. Sekarang ini kita tahu billboard banyak terdapat di persimpangan, di traffic light, itu adalah baik dan ramai pemandu kereta yang dapat melihatnya, saya juga ingat kalau di highway kita lihat ada billboard yang mengatakan, gambar orang letih itu dia perlu berhenti, jangan membawa kereta, ada juga begitu. Saya tidak mengatakanlah semua iklan itu tidak dapat menyampaikan maklumat ataupun mesej-mesej, tetapi ada juga mungkin saya rasa bolehlah diperbaiki dan dipertingkatkan dan salah satu cara kita sebutkan apa jumlah sebenarnya dan apakah hukuman yang akan dikenakan, apakah dia yang merupakan kesalahan seperti membawa kereta dengan secara merbahaya, membawa kereta dalam keadaan mabuk, jadi, ini mungkin mereka tahu bahawa itu adalah kesalahan.

Seperkara yang saya rasa agak penting dalam kita melihat kepada kemalangan jalan raya ini juga ialah kemalangan yang banyak berlaku di kalangan

anak-anak muda yang membawa motosikal, ini adalah satu yang sangat menyedihkan sebab selalu yang kita baca dalam surat khabar, yang mati dalam kemalangan motosikal ini adalah anak-anak muda yang masih menuntut di universiti-universiti dan kita merasakan alangkah ruginya negara kerana nyawa-nyawa yang muda ini, yang mempunyai kebolehan, berpotensi mati kerana membawa motosikal dengan cara yang merbahaya ataupun kadangkala ianya mungkin bukan dia yang membawa secara merbahaya, tetapi kerana motosikal ini terlalu vulnerable, dengan izin, tetapi sekarang ada motosikal baru yang dijual dengan harga murah ini, saya rasa lagi banyak orang yang akan menggunakan motosikal, mungkin juga agaknya akan meningkat kemalangan.

Jadi, saya ingin mencadangkan bahawa kita mewujudkan rang undang-undang khusus untuk pembawa-pembawa motosikal. Kita telah mencadangkan bahawa di jalan-jalan raya ini diwujudkan jalan-jalan khas atau special lane untuk motorcyclist.

Saya tahu kerajaan kata tidak cukup wang untuk lane motorcyclist, tetapi kalau kita lihat daripada jumlah angka yang dilaporkan, jualan motosikal ini, ini bermakna lebih ramai akan menggunakan motosikal, jadi saya rasa nyawa itu lebih berharga daripada infrastruktur seperti jalan lane motosikal ini kita perbanyakkan atau diperpanjangkan.

Ada bandar-bandar seperti Petaling Jaya ada lane, tetapi terhad, tetapi saya rasa kalau kita hendak fikirkan tentang keselamatan, kalau kita sayangkan nyawa warganegara kita, saya mintalah pihak kerajaan memikirkan semula untuk membuat lane tersebut, jika tidak pun memperluaskan lebar jalan-jalan raya yang ada supaya ada kawasan untuk motosikal menggunakan jalan-jalan tersebut.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa iklan-iklan di televisyen juga radio-radio selalu dan kerap kali menayangkan kalau di TV tentang kemalangan motosikal, kalau kita pergi ke kampung kadang-kadang budak itu berumur 11 tahun membawa motosikal, memang selalu saya lihat, dan dia bawa bukan dia

seorang sahaja malah dia membawa adiknya sekali dan kita tidak ada apa-apa sekatan, sebab kurangnya penguatkuasaan.

Jadi, di sini kalau adanya kesedaran, dengan izin, awareness tentang kemalangan jalan raya ini atau merbahayanya membawa motosikal ini yang kepada budak-budak ini dianggapkannya satu mainan sahaja, mungkin ianya akan mengurangkan kemalangan motosikal. Motosikal ini adalah satu perkara yang saya rasa sangat serius, jalan raya memang motokar, kereta dan bas itu memang dipandu oleh orang dewasa, tetapi budak-budak dan anak-anak kita ini di kampung-kampung terutamanya kalau tidak pun di kawasan bandar pun, kalau ayahnya memakai motosikal atau abangnya memakai motosikal, adik-adiknya mesti akan membawa motosikal, kalau tak dapat bawa, dia akan curi bawa motosikal itu dan dia rasa motosikal itu senang dibawa.

Jadi, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian, kalau dapatlah dilihat perkara ini dengan serius, kalau dapat kita masukkan dalam rang undang-undang jalan raya itu, specifically kita mention, kita sebutkan tentang masalah atau kemalangan motosikal dan banyakkkan lagi iklan, kalau boleh juga di sekolah-sekolah adakan iklan-iklan pemberitahuan dan pihak-pihak JPJ dapat pergi ke sekolah-sekolah memberi penerangan tentang kemalangan.

Se perkara lagi tentang anak-anak muda ini, mereka suka berjaga malam dan berjalan waktu malam dan waktu inilah mereka suka sebab jalan lengang, mereka akan sama ada buat racing motosikal ataupun racing kereta, kalau pun mereka tak racing, ada pula pemandu kereta yang suka waktu pagi atau subuh ini sengaja mengacau budak-budak ini sebab banyak kemalangan juga berlaku waktu-waktu pagi. Jadi, selalu kita menyebut di dalam Dewan ini tentang penguatkuasaan. Banyak antara ahli-ahli Dewan yang telah melahirkan rasa risau tentang perkara ini.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Kerja Raya untuk mempertingkatkan lagi penguatkuasaan. Kalaulah dikatakan pihak kementerian tidak mempunyai cukup pegawai-pegawai penguatkuasa, mungkin pihak

kementerian boleh mewujudkan voluntary group ataupun kumpulan-kumpulan secara sukarela, saya rasa kalau peringkat mereka terutama lelaki yang banyak yang telah pencen ataupun yang mungkin mereka tidak lagi bekerja sepenuh masa, mungkin kita boleh dapat kumpulkan mereka sebagai satu usaha voluntary group untuk dapat mencegah kemalangan ini.

Saya juga ingin mencadangkan kalau boleh, murid-murid sekolah yang mungkin umur mereka yang tidak layak membawa motosikal, kita kenakan peraturan mereka memakai badge kain untuk umur 18 tahun ke bawah warna yang lain dan untuk yang 18 ke atas yang boleh atau layak membawa motosikal itu memakai lencana warna tertentu untuk mudah dikenal pasti bahawa mereka ini tidak layak membawa motosikal ataupun kereta sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian, seperti yang saya katakan ianya fokus dan spesifik serta pragmatik kerana ianya juga mengenakan hukuman jikalau seseorang itu didapati melakukan kesalahan di bawah undang-undang ini boleh di tahap yang tertentu digantung lesen dari tarikh sebutan di mahkamah, ini adalah amat dialu-alukan sebab salah satu daripada masalah yang dihadapi oleh pihak JPJ ialah apabila mereka tidak dapat menguatkuasakan penggantungan lesen memandu seseorang itu jika ianya melakukan satu kesalahan jalan raya kerana kalau kesalahan itu perlu di bawa ke mahkamah, maka ianya perlu menunggu masa yang lama sebelum hukuman dikenakan.

Jadi, adalah wajar ianya dikenakan sewaktu sebutan dan saya percayalah pihak kementerian telah menetapkan bahawa jikalau seseorang itu melakukan kesalahan yang boleh dikenakan hukuman digantung lesen pada tarikh sebutan, tarikh sebutan itu dibuat secepat mungkin, mungkin pihak kementerian dapat menerangkan kepada kita berapa lamakah tempoh masanya ataupun yang ianya boleh digantungkan lesen yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga lihat bahawa pihak kementerian juga telah mengenakan kompaun-kompaun yang tertentu yang kuasa perbadanan, yang ini

saya percaya ialah specifically untuk Putrajaya yang merupakan satu kawasan yang baru, yang perlu diberikan bidang kuasa untuk melaksanakan undang-undang jalan raya. Jadi, ini juga adalah dialu-alukan kerana ianya merupakan satu lagi dari usaha kita untuk mengurangkan kemalangan di jalan raya.

Kita tahu bahawa masalah jalan raya ini bukanlah satu masalah baru, tetapi masalah yang lama, tetapi saya juga ingin menyebutkan di sini tentang pemandu-pemandu bas terutama bas ekspres ataupun coaches di lebuhraya yang masih lagi membawa bas dengan kelajuan yang tidak sepatutnya, tambahan pula sekarang ini kita dapati di lebuhraya, polis-polis tidak lagi menjalankan exercise untuk memberhentikan kereta kerana membawa laju, jadi kita dapati bahawa kereta-kereta dibawa dengan laju mungkin disebabkan mereka tahu tidak ada polis di situ, mungkin ada camera dan kita tahu pula surat-surat daripada camera polis ini memang memakan masa yang lama dan psikologi manusia pun jikalau mereka tidak nampak apa yang boleh membuatkan atau menyedarkan mereka tentang melakukan kesalahan, ia akan melakukan kesalahan tersebut tanpa banyak kebimbangan atau tanpa berfikir panjang.

Jadi, yang membimbangkan apabila polis, betulkan saya jika saya silap, tetapi dari pengalaman saya menggunakan lebuhraya sekarang ini, polis-polis tidak lagi memberhentikan kenderaan-kenderaan yang laju, oleh itu kita dapati banyak bas masih membawa penumpang-penumpang dengan kelajuan yang tidak sepatutnya.

Jadi, di sini kita rasa bimbang kerana penumpang-penumpang dalam sesebuah bas itu selalunya ramai, jadi kalau berlaku kemalangan jalan raya ianya akan melibatkan banyak nyawa, jadi mungkin pihak kementerian mengatakan tentang black box, tetapi saya ingin mendapat kepastian dari pihak kementerian sejauh manakah black box yang kita luluskan juga dahulu, yang dimandatorikan kepada semua bas pelancongan telah dapat dikuatkuasakan dan sejauh manakah ianya berkesan, jikalau masih kita dapati bas yang dibawa dengan laju, saya rasa mungkin ada tempering dengan black box yang berkenaan dan apakah sebenarnya

assurance atau comfort, dengan izin, dari pihak kementerian untuk memastikan, untuk meyakinkan kita bahawa sebenarnya kita dapat mengawal pemandu bas ekspres ini supaya kita merasa yakin kalau kita menghantar anak kita naik bas untuk balik ke sekolah asrama dan sebagainya, bahawa bas ini sebenarnya selamat. Mungkin pihak kementerian dapat memberi jumlah accident yang berkurangan sejak undang-undang itu telah diluluskan, apakah ianya berkesan ataupun tidak.

Cuma apa yang ingin saya nyatakan ialah daripada pemerhatian saya di lebuhraya yang dapat menunjukkan bahawa perkara ini masih berlaku dan kita mintalah pihak kementerian kalau boleh melihat kembali dan dapat memastikan bahawa pemandu-pemandu bas ini dapat melaksanakan tugas mereka dengan lebih berhati-hati.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menyambung ucapan esok.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Okay, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Lampiran.

Julai 1999

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,

P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T.,
P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri Penerangan,
Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob,
P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum
(Dilantik)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)

- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato' Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Dato' Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Puan Norsimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Abas (Melaka)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

| | | |
|---------------------------|---|--------------------------------|
| Setiausaha Dewan Negara | : | Encik Abdullah bin Abdul Wahab |
| Ketua Penolong Setiausaha | : | Zamani bin Haji Sulaiman |
| | : | Haji Mustakin bin Selamat |
| | : | Shahrom bin Haji Hasan |
| Penolong Setiausaha | : | Haji Mustafa bin Abdul Rahman |
| | : | Ruhana binti Abdullah |
| | : | Riduan bin Rahmat |

CAWANGAN DOKUMENTASI

| | | |
|-----------------------------|---|--|
| Pegawai Penerbitan | : | Azhari bin Hamzah |
| | : | Monarita binti Mohd. Hassan |
| Pelapor Perbahasan Parlimen | : | Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. |
| | : | Hajah Supiah binti Dewak |
| | : | Mohd Saleh bin Mohd. Yusop |
| | : | Mohamed bin Osman |
| | : | Hajah Norishah binti Mohd. Thani |
| | : | Shamsina binti Janor |
| | : | Ramlah binti Mohd. Yusuff |
| | : | Miskiah binti Hassan |
| | : | Rosnani binti Ahmad |
| | : | Noor Effarizan binti Mat Satib |
| | : | Nurziana binti Ismail |
| Pembaca Pruf | : | Abu Bakar bin Hasan |

CAWANGAN BENTARA

| | | |
|--|---|-----------------------------------|
| | : | Mejar (B) Zakaria bin Salleh |
| | : | Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah |

PARLIMEN KESEMBILAN**PENGGAL KELIMA****MESYUARAT KEDUA**

Bil. 15**Isnin**

K A N D U N G A N**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

| | |
|---------------------------------|-------------|
| Memperkenankan Akta-akta | (Ruangan 1) |
| Perutusan Daripada Dewan Rakyat | (Ruangan 2) |
| Urusan Mesyuarat | (Ruangan 3) |

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan 3)

RANG UNDANG-UNDANG:

| | |
|--|---------------|
| Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna)(Pindaan) 1999. | (Ruangan 27) |
| Rang Undang-undang Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999. | (Ruangan 74) |
| Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999. | (Ruangan 126) |